



PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR



SPM

BAHASA MELAYU



KITASELANGOR

DIKUASAI OLEH:



Menteri Besar Selangor (Incorporation)

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR

SPM



BAHASA MELAYU

Program Tuisyen Rakyat Selangor Bahasa Melayu SPM

CIRI-CIRI EKSKLUSIF

- **Kandungan yang Terperinci**
Mengandungi penerangan yang komprehensif dan terperinci tentang pelbagai topik yang merangkumi semua aspek penting untuk murid menghadapi peperiksaan.
- **Latihan dan Aktiviti**
Pelbagai latihan dan aktiviti untuk mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran murid yang merangkumi tema dalam DSKP.
- **Latihan dan Soalan Mengikut Format Peperiksaan SPM**
Membantu murid memahami format soalan SPM dan cara menjawab dengan betul.
- **Panduan Penulisan Karangan**
Mengandungi panduan langkah demi langkah penulisan karangan mengikut teknik penulisan Kit Celik Mengarang Selangor (KCMS) untuk membantu murid menghasilkan penulisan yang lebih baik dan berkualiti.
- **Rujukan yang Komprehensif dan Mudah Difahami**
Ditulis dalam bahasa yang mudah difahami oleh murid dan menjadi rujukan yang komprehensif untuk menghadapi peperiksaan.

Program Tuisyen Rakyat Selangor Bahasa Melayu SPM

PANEL PENULIS

Aiza binti Omar
SMK Seri Serdang

Hasfariza binti Abdul Hamid
SMK Dato' Hj Kamaruddin

Kalyani a/p Murugiah
SMK Dengkil

Ang Ying Chee
SMK Seksyen 10 Kota Damansara

Wan K
SMK Darul Ehsan

Sukri Y
SMK Sungai Burong

KANDUNGAN

<i>Format Instrumen Peperiksaan SPM Bahasa Melayu</i>	v
<i>Analisis SPM 2023-2025 Bahasa Melayu</i>	vii
BAB 1 Karangan Bahagian A	1-17
BAB 2 Karangan Bahagian B	18-29
BAB 3 Morfologi	30-39
BAB 4 Sintaksis	40-44
BAB 5 Penyuntingan	45-51
BAB 6 Bahasa Melayu Standard	52-56
BAB 7 Peribahasa	57-61
BAB 8 Pemahaman [Petikan Umum]	62-75
BAB 9 Pemahaman [Petikan Sastera]	76-89
BAB 10 Novel	90-95
BAB 11 Rumusan	96-110
BAB 12 Bertutur	111-121
BAB 13 Mendengar	122-125
Kertas Model SPM	126-152



FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM BAHASA MELAYU

PERKARA	KERTAS 1 (1103/1)	KERTAS 2 (1103/2)	KERTAS 3 (1103/3)	KERTAS 4 (1103/4)
Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	Ujian Bertulis	Ujian Lisan Bertutur	Ujian Lisan Mendengar
Jenis Item	- Subjektif Respons Terhad - Subjektif Respons Terbuka	- Subjektif Respons Terhad - Subjektif Respons Terbuka	- Subjektif Respons Terhad - Subjektif Respons Terbuka	- Objektif Aneka Pilihan - Objektif Pelbagai Bentuk - Subjektif Respons Terhad
Bilangan Soalan	Bahagian A [30 markah] 1 soalan berdasarkan kombinasi kepelbagaian bahan rangsangan Bahagian B [70 markah] 4 soalan esei - Pilih dan jawab satu daripada empat soalan Jumlah soalan: 5 soalan	Bahagian A – Sistem dan Aplikasi Bahasa [35 markah] - Morfologi - Sintaksis - Penyuntingan - Bahasa Melayu Standard (menukarkan bahan teks klasik/ lama kepada bahasa Melayu moden/ standard) - Peribahasa Bahagian B – Pemahaman [35 markah] - Berdasarkan petikan umum - Berdasarkan petikan sastera - Berdasarkan novel tingkatan 4 dan tingkatan 5 Bahagian C – Rumusan [30 markah] - Menulis rumusan Jumlah soalan: 9 soalan	Bahagian A – Individu [40 markah] 1 petikan/ bahan rangsangan yang disediakan untuk setiap calon - Bersoal jawab dengan pentaksir Bahagian B – Kumpulan [30 markah] 1 tajuk/ tema umum disediakan untuk perbincangan - Perbincangan dalam kumpulan 3 – 5 orang calon	4 – 6 petikan - Instrumen mengandungi 20 hingga 25 soalan (Jawab semua soalan) - Jawapan berdasarkan petikan
Jumlah Markah	100 markah	100 markah	70 markah	30 markah

PERKARA	KERTAS 1 (1103/1)	KERTAS 2 (1103/2)	KERTAS 3 (1103/3)	KERTAS 4 (1103/4)
Konstruk	Kemahiran menulis • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta	Kemahiran membaca • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta	Kemahiran mendengar dan bertutur • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai	Kemahiran mendengar • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis
	Pengetahuan sistem bahasa			
	Nilai			
Tempoh Ujian	2 jam	2 jam 30 minit	Individu: 3 hingga 5 minit Kumpulan: 12 hingga 15 minit	30 minit
Cakupan Konteks	Mencakupi semua standard kandungan dan standard pembelajaran yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)			
Aras Kesukaran	Rendah:Sederhana:Tinggi 5:3:2			
Kaedah Penskoran	• Holistik	• Analitik • Holistik	• Analitik • Holistik	• Dikotomus • Analitik
Alatan Tambahan	Tiada	Tiada	Tiada	• DVD/ CD Rakaman /Audio • Pemain DVD/ CD/ Laptop

ANALISIS SOALAN SPM 2023-2025

BAHASA MELAYU

KERTAS	SPM 2023	SPM 2024	SPM 2025
Kertas 1 Bahagian A	Kemalangan jalan raya di Malaysia.	Usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam.	Usaha-usaha untuk mengatasi tabiat merokok dalam kalangan murid sekolah di negara kita.
Kertas 1 Bahagian B	1 Kepentingan-kepentingan kegiatan kokurikulum. 2 Cara-cara yang boleh dilakukan untuk menghargai jasa ibu bapa. 3 Langkah-langkah penjagaan alam sekitar. 4 Bentuk-bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa-mangsa bencana banjir.	1 Cabaran-cabaran untuk melaksanakan pembelajaran digital. 2 Usaha-usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet paralimpik dalam sukan Orang Kurang Upaya (OKU). 3 Faktor-faktor berlakunya masalah kesalahan penyalahgunaan dadah. 4 Kesan-kesan kemasukan warga asing yang berleluasa dan tidak terkawal.	1 Faktor-faktor remaja lari dari rumah. 2 Kesan-kesan banjir barang tiruan. 3 Peranan-peranan semua pihak untuk menangani isu kenaikan harga barang. 4 Punca-punca rakyat Malaysia kurang membudayakan amalan bersukan.
Kertas 2 Bahagian A	1 Menyenaraikan dan membina ayat berdasarkan empat kata ganda. 2 Menukarkan ayat pasif yang bergaris kepada ayat aktif. 3 Mengenal pasti pelbagai kesalahan bahasa. 4 Menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard (berdasarkan teks Burung Terbang Dipipiskan Lada). 5 Menyenaraikan tiga peribahasa dan memberikan maksud peribahasa.	1 Menyenaraikan dan membina ayat berdasarkan empat kata adjektif. 2 Menukarkan cakap ajuk yang bergaris kepada cakap pindah. 3 Mengenal pasti pelbagai kesalahan bahasa. 4 Menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard (berdasarkan teks Burung Terbang Dipipiskan Lada). 5 Menyenaraikan peribahasa dan memberikan peribahasa lain yang berlawanan maksud.	1 Menyenaraikan dan membina ayat berdasarkan empat kata pinjaman bahasa Inggeris. 2 Mengenal pasti dan menulis pola ayat. 3 Mengenal pasti pelbagai kesalahan bahasa. 4 Menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard (berdasarkan teks Kepimpinan Melalui Teladan). 5 Mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

KERTAS	SPM 2023	SPM 2024	SPM 2025
Kertas 2 Bahagian B	6 Menjawab soalan berdasarkan tiga bahan: petikan, memo dan ilustrasi. 7 Pemahaman berdasarkan tiga bahan: gurindam Bulan Menawan, cerpen Esoknya, Matahari Muncul Kembali dan sajak Di Sebalik Bulan. 8 Soalan pemahaman novel berdasarkan Leftenan Adnan Wira Bangsa dan menghuraikan satu peristiwa yang menimbulkan rasa kagum pembaca dalam dua buah novel.	6 Menjawab empat soalan berdasarkan tiga bahan: dua petikan dan satu grafik. 7 Menjawab empat soalan berdasarkan dua bahan: drama dan sajak. 8 Menjawab soalan pemahaman berdasarkan novel Pantai Kasih dan menghuraikan satu peristiwa yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat dan memberikan cadangan penyelesaian terhadap masalah tersebut berdasarkan dua buah novel.	6 Menjawab empat soalan berdasarkan dua bahan: dua petikan. 7 Menjawab empat soalan berdasarkan dua bahan: sajak dan novel. 8 Menjawab soalan pemahaman berdasarkan novel Silir Daksina dan menghuraikan satu peristiwa yang memberikan galakan dan dorongan untuk mencapai kejayaan daripada dua buah novel.
Kertas 2 Bahagian C	9 Merumuskan berdasarkan tiga bahan: petikan, sajak Wayang Kulit dan ilustrasi wayang kulit.	9 Membuat rumusan berdasarkan tiga bahan: petikan, iklan dan dialog tentang pengaruh media sosial.	9 Membuat rumusan berdasarkan tiga bahan: petikan, gurindam dan ilustrasi tentang punca dan langkah-langkah untuk mengatasi pencemaran sungai.

TOPIK 1

Karangan Bahagian A

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

PANDUAN MENJAWAB SOALAN KARANGAN BAHAGIAN A

MODEL 1 TEMA : Perpaduan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan semangat kejiiran.
Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **semangat kejiiran**.
Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

PETALING JAYA – Dalam kesibukan menjalani kehidupan seharian dan perubahan gaya hidup, hampir sejuta rakyat Malaysia didapati tidak pernah bersemuka dengan jiran-jiran dalam tempoh sebulan. Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, seramai 958, 808 orang atau 6.5 peratus daripada 14.8 juta responden mengaku tidak pernah mempunyai interaksi bersemuka dengan jiran.

Sumber: www.kosmo.com.my



Merangka Karangan

1

Baca dan fahami, serta kenal pasti **kata kunci**

Kata kunci: semangat kejiiran

2

Analisis **TIK**

Tema : Isu : Kehendak

Penulisan Pendahuluan

TIP

Murid sebaiknya mengenal pasti tema yang mendasari soalan yang diberikan. Tema perlu dibezakan dengan isu.

Tema merujuk bidang manakala **isu** biasanya merujuk masalah.

Tema	Semangat kejiiran	bidang
Isu	Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, seramai 958, 808 responden mengaku tidak pernah mempunyai interaksi bersemuka dengan jiran	masalah
Kehendak/ Fokus	Langkah (fokus dikenal pasti selepas menganalisis bahan)	tugasan

Ayat Pendahuluan Lengkap:

Tema	Semangat kejiranan semakin luntur dalam kalangan masyarakat di negara kita.
Isu	Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, 958,808 responden mengaku tidak pernah berinteraksi secara bersemuka dengan jiran.
Kehendak/ Fokus	Oleh itu, terdapat pelbagai langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Semangat kejiranan semakin luntur dalam kalangan masyarakat di negara kita. Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, 958, 808 responden mengaku tidak pernah beinteraksi secara bersemuka dengan jiran. Oleh itu, terdapat pelbagai langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita.

3

TOHUCOKEP

Pengembangan Isi

Ayat 1 (TO)

Ayat Topik (gabungkan kehendak soalan dan isi pertama)
Pada pendapat saya,

Ayat 2 (HU)

Ayat Topik (mengapa/ sebab)
Hal ini dikatakan demikian kerana

Ayat 3 (CO)

Ayat Contoh
Sebagai contoh,

Ayat 4 (KE)

Ayat Kesan
Impaknya

Ayat 5 (P)

Ayat Penegas
Jelaslah bahawa

**TIP**

Gunakan penanda wacana yang diberikan untuk mewujudkan kesinambungan antara ayat.

Ayat 1 (TO)	Pada pendapat saya , salah satu langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita ialah masyarakat boleh menyertai aktiviti gotong-royong.
Ayat 2 (HU)	Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti ini membolehkan masyarakat bekerjasama untuk melakukan pelbagai tugas.
Ayat 3 (CO)	Sebagai contoh , jiran bersama-sama membersihkan taman permainan, mengecat pagar rumah dan mengutip sampah di kawasan perumahan.
Ayat 4 (KE)	Impaknya , aktiviti gotong-royong ini akan mewujudkan suasana harmoni dalam komuniti selain menggalakkan sikap saling membantu antara jiran.
* Ayat 5 (P)	– * Keperluan ayat penegas bergantung pada panjang perenggan isi.

Pada pendapat saya, salah satu langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita ialah masyarakat boleh menyertai aktiviti gotong-royong. **Hal ini dikatakan demikian kerana** aktiviti ini membolehkan masyarakat bekerjasama untuk melakukan pelbagai tugas. **Sebagai contoh**, jiran bersama-sama membersihkan taman permainan, mengecat pagar rumah dan mengutip sampah di kawasan perumahan. **Impaknya**, aktiviti gotong-royong ini akan mewujudkan suasana harmoni dalam komuniti selain menggalakkan sikap saling membantu antara jiran.

Penjelasan		Ayat Murid
Penutup (KeCaHa)	Kesimpulan	Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita.
	*Cadangan	Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama bagai aur dengan tebing untuk memastikan semangat kejiranan terus subur dalam kalangan masyarakat.
	Harapan	Kita berharap agar semangat kejiranan sentiasa mekar dan komuniti kita kekal harmoni bagaikan peribahasa serumpun bak serai, sesusun bak sirih.

* Keperluan ayat cadangan bergantung pada panjang perenggan penutup.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam masyarakat di negara kita. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama bagai aur dengan tebing untuk memastikan semangat kejiranan terus subur dalam kalangan masyarakat. Kita berharap agar semangat kejiranan sentiasa mekar dan komuniti kita kekal harmoni bagaikan peribahasa serumpun bak serai, sesusun bak sirih.

Karangan Lengkap

^(T)Semangat kejiranan semakin luntur dalam kalangan masyarakat di negara kita. ^(M)Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, 958, 808 responden mengaku tidak pernah berinteraksi secara bersemuka dengan jiran. ^(A)Oleh itu, terdapat pelbagai langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita.

^(TO)Pada pendapat saya, salah satu langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita ialah masyarakat boleh menyertai aktiviti gotong-royong. ^(HU)Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti ini membolehkan masyarakat bekerjasama untuk melakukan pelbagai tugas. ^(CO)Sebagai contoh, jiran bersama-sama membersihkan taman permainan, mengecat pagar rumah dan mengutip sampah di kawasan perumahan. ^(KE)Impaknya, aktiviti gotong-royong ini akan mewujudkan suasana harmoni dan menggalakkan sikap saling membantu antara jiran.

^(TO)Selain itu, langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam masyarakat di negara kita ialah masyarakat boleh menganjurkan rumah terbuka. ^(HU)Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat dapat belajar menghormati adat, budaya dan kepercayaan jiran pelbagai kaum di negara kita. ^(CO)Contohnya, penganjuran rumah terbuka Aidilfitri mendedahkan budaya masyarakat Melayu Islam seperti pakaian dan makanan. ^(KE)Kesannya, masyarakat yang bertoleransi dapat dilahirkan.

^(KE)Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita. ^(CA)Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama **bagai aur dengan tebing** untuk memastikan semangat kejiranan terus subur dalam kalangan masyarakat. ^(HA)Kita berharap agar semangat kejiranan sentiasa mekar dan komuniti kita kekal harmoni bagaikan peribahasa **serumpun bak serai, sesusun bak sirih**.

Ulasan: Calon mesti menulis isi yang ada dalam **Bahan 1** dan **SALAH SATU** daripada mana-mana dua isi yang terdapat dalam **Bahan 2** untuk cemerlang. Bahan 3 boleh dijadikan huraian atau contoh mana-mana perenggan.

MODEL 2 TEMA : Pendidikan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan aktiviti kokurikulum. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang aktiviti kokurikulum. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

BINTULU: Pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sangat digalakkan kerana aktiviti ini dapat membantu mereka menimba pengalaman sebagai pemimpin yang disegani. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Samalaju Majang Renggi berkata, murid merupakan aset penting dan bakal menjadi pewaris kepimpinan negara. Oleh itu, mereka perlu untuk mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu.

Sumber: www.utusanborneo.com.my

**Juara
Pertandingan
Tae kwan do
Harumkan
Nama Sekolah**

**Rangka Karangan**

- 1 Kata kunci: Aktiviti kokurikulum
- 2 Pendahuluan – Analisis TIK

Tema	
Isu	
Kehendak/ Fokus	

- 3 Pengembangan isi – TOHUCOKEP

Ayat 1 (TO)	
Ayat 2 (HU)	
Ayat 3 (CO)	
Ayat 4 (KE)	
* Ayat 5 (P)	

Ayat 1 (TO)	
Ayat 2 (HU)	
Ayat 3 (CO)	
Ayat 4 (KE)	
* Ayat 5 (P)	

4 Penutup – KECAHA

Penjelasan		Ayat Murid
Penutup (KeCaHa)	Kesimpulan	
	Cadangan	
	Harapan	

Karangan Lengkap

Aktiviti kokurikulum ialah program yang dijalankan di sekolah dan di luar waktu pembelajaran akademik. Namun, murid sering memberikan seribu satu alasan untuk tidak menghadiri kokurikulum malah ada yang sanggup ponteng walhal aktiviti ini memberikan pelbagai manfaat. Persoalannya, apakah manfaat-manfaat aktiviti kokurikulum?

Salah satu manfaat aktiviti kokurikulum ialah murid dapat menimba pengalaman sebagai pemimpin yang disegani. Melalui penyertaan dalam persatuan, kelab dan pasukan sukan, murid diberikan peluang untuk mengurus aktiviti, membuat keputusan dan memimpin rakan sebaya. Misalnya, aktiviti badan beruniform seperti aktiviti perkhemahan memberi murid peluang merancang tugas harian, mengurus peralatan dan memastikan keselamatan rakan sepasukan. Kesannya, pengalaman ini dapat membantu murid membina keyakinan diri dan nilai bertanggungjawab.

Manfaat lain yang tidak kurang penting ialah aktiviti kokurikulum dapat mengharumkan nama sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana kejayaan yang diraih bukan sahaja memberikan kebanggaan kepada murid tetapi juga meningkatkan reputasi sekolah di mata masyarakat. Misalnya, murid yang mewakili sekolah berjaya memenangi pertandingan tae kwon do pada peringkat daerah kemudian terpilih mewakili negeri atau kebangsaan. Lantas, pencapaian ini sudah pasti akan menjadi buah mulut masyarakat seterusnya meningkatkan imej sekolah.

Kesimpulannya, penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum memberikan pelbagai manfaat kepada mereka. Oleh itu, setiap murid sewajarnya melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum untuk memaksimumkan potensi diri. Pelibatan murid dalam kokurikulum ini diharapkan dapat melahirkan murid yang cemerlang dari pelbagai aspek.

PRAKTIS1 TEMA: Pelancongan

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan aktiviti melancong di dalam negara. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah untuk menggalakkan aktiviti melancong di dalam negara.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Langkawi



Cameron Highlands



Kundasang



Tanjung Piai

PAKEJ PERCUTIAN KELUARGA DI DALAM NEGARA

Diskaun
Sehingga




Seorang

Agensi
Pelancongan
Abadi Sdn. Bhd.



cuti-cuti
MALAYSIA

JOM
Melancong di dalam
Negara!



Salah satu langkah untuk menggalakkan aktiviti melancong di dalam negara ialah agensi pelancongan boleh menawarkan diskaun kepada orang ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana pemberian diskaun ini dapat mengurangkan beban kewangan pelancong khususnya golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Misalnya, agensi pelancongan menawarkan diskaun bagi pakej percutian keluarga, diskaun khas semasa cuti sekolah serta tawaran tempahan awal kepada pelanggan. Langkah ini secara langsung akan menggalakkan lebih banyak pelancong tempatan mengunjungi destinasi menarik di seluruh negara.

Selain itu, penganjuran kempen pelancongan yang berterusan oleh pihak kerajaan turut menjadi langkah efektif untuk menarik minat orang ramai. Melalui kempen yang kreatif dan berimpak tinggi, kesedaran masyarakat tentang keindahan serta keunikan destinasi pelancongan dapat ditingkatkan. Sebagai contoh, kempen Cuti-cuti Malaysia yang dilancarkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah berjaya mempromosikan pelbagai destinasi menarik dan meningkatkan jumlah pelancong domestik serta antarabangsa. Kesannya, industri pelancongan negara dapat dimajukan secara mampan dan berterusan.


Kesimpulannya, terdapat banyak langkah untuk menggalakkan aktiviti melancong di dalam negara. Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama **bagai aur dengan tebing** untuk mempromosikan tempat-tempat menarik yang ada di Malaysia. Melalui kerjasama semua pihak ini diharapkan industri pelancongan negara akan terus berkembang maju.

PRAKTIS 2 TEMA: Sains, Teknologi dan Inovasi

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid.

Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sebuah rencana tentang penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Pada masa ini, telefon pintar telah menjadi keperluan atau kehendak bagi setiap individu termasuklah murid sekolah. Walaupun telefon pintar memberikan kemudahan kepada murid, penggunaan telefon pintar secara berlebihan menyebabkan mereka kurang fokus terhadap tugas.

Sumber: sinarbestari.sinarharian.com.my


Oleh: Hassan bin Hamid

Selain itu, kesan penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid sekolah juga boleh menyebabkan mereka kurang fokus terhadap tugas. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak murid pada hari ini lebih mengutamakan telefon pintar berbanding dengan tugas yang diberikan oleh ibu bapa atau guru di sekolah. Misalnya, murid menghabiskan banyak masa melayari media sosial menerusi telefon pintar sehingga mereka lupa untuk menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru. Kesannya, mereka akan ketinggalan dalam pelajaran kerana terlalu mementingkan telefon pintar.

[illegible]

PRAKTIS 3 TEMA : Sejarah dan Warisan


Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan bangunan bersejarah di Malaysia. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang bangunan bersejarah di Malaysia. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Porta de Santiago
(A Famosa)



Carcosa
Seri Negara



Bangunan Sultan Abdul
Samad

KERAJAAN SELANGOR USAHA PULIHKAN BANGUNAN DAN LOKASI BERSEJARAH

KUALA LANGAT – Kerajaan negeri komited terhadap usaha memulihara bangunan bersejarah di daerah ini untuk memastikan bangunan ini menjadi tarikan pelancong domestik dan luar negara.

Exco Perumahan dan Kebudayaan Selangor, Borhan Aman Shah berkata, bangunan bersejarah seperti Istana Bandar Jugra perlu dibaik pulih terutamanya struktur bumbung.



Lawatan ke Bangunan Bersejarah, Melaka

Atur Cara

- 8:00 pagi : Berkumpul di sekolah
Taklimat keselamatan
Bertolak ke Melaka
- 10:30 pagi : Tiba di Melaka
Sesi regangan dan minum pagi
- 11:00 pagi : Lawatan ke Porta de Santiago (A Famosa),
Kompleks Stadhuys, dan Muzium Samudera (Flor de la Mar)
Aktiviti: Kuiz “Cari Fakta Sejarah”
- 1:00 tengah hari : Makan tengah hari
- 2:30 petang : Lawatan ke Istana Kesultanan Melaka
Aktiviti: Soalan padanan fakta
- 4:30 petang : Eksplorasi Persiaran Jonker
Minum petang
- 5:30 petang : Bertolak pulang



Usaha untuk memulihara bangunan bersejarah di Malaysia termasuklah membaik pulih struktur bangunan bersejarah di seluruh negara. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak bangunan bersejarah yang telah usang mengalami kerosakan akibat usia dan faktor cuaca. Misalnya, kerajaan negeri Selangor komited dalam usaha membaik pulih lokasi dan bangunan bersejarah seperti Istana Bukit Jugra. Langkah ini penting agar bangunan bersejarah kekal kukuh dan selamat untuk dijadikan tarikan pelancong.

Selain itu, pihak sekolah juga boleh mengadakan lawatan sambil belajar ke bangunan bersejarah di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana program ini dapat memberikan pendedahan awal kepada generasi muda tentang kepentingan menjaga bangunan bersejarah. Misalnya, sekolah mengadakan lawatan sambil belajar ke Melaka yang terkenal dengan banyak tinggalan bangunan bersejarah. Melalui lawatan tersebut, murid dapat melihat sendiri keunikan seni bina dan memahami nilai sejarah yang terkandung dalam bangunan bersejarah seperti Kompleks Stadhuys dan Muzium Samudera.

PRAKTIS 4 TEMA : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan kepupusan hidupan liar. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang kepupusan hidupan liar di Malaysia. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



BULETIN

25 SEPTEMBER, 2025

RENCANA


SAMPAH ANCAM HIDUPAN MARIN



Menjelang 2048, hidupan laut dijangka pupus secara global

Ancaman atas pencemaran sampah tidak boleh dipandang ringan khususnya di perairan dan pantai negara kerana dikhuatiri bakal menyebabkan hidupan marin terancam sekali gus mengandungi keanekaragaman. Ancaman atas

POPULASI HARIMAU MALAYA



Populasi Harimau Malaya dianggarkan berjumlah antara 250 hingga 340 ekor.

Tinjauan kaji selidik 2014
oleh Jabatan PERHILITAN, WWF, WCS dan RIMBA

Sumber: harimau.gov.my

[illegible]

Program Tuisyen Rakyat Selangor

PRAKTIS 5 TEMA : Keselamatan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan keselamatan di sekolah. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang langkah memastikan keselamatan di sekolah. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Kes Kemalangan yang Berlaku di Kawasan Sekolah (2014 – 2020)

Bil.	Kes Kemalangan	Sumber
1	Murid maut dihempap tiang gol	Kosmo (10 April 2014)
2	Tiga orang pekerja kantin sekolah nyaris disambar api akibat saluran gas tercabut	Harian Metro (29 Julai 2015)
3	Murid maut terjatuh dari tingkat tiga bangunan sekolah	Utusan Malaysia (30 Ogos 2016)
4	Guru dan dua orang murid cedera terkena merkuri	Utusan Malaysia (24 Februari 2017)
5	Seorang murid maut dan dua orang lagi cedera terkena bilah pisau kontraktor mesin rumpat yang tercabut	Berita Harian (14 Februari 2018)
6	Murid sesak nafas terhidu gas iodin ketika melakukan uji kaji di makmal sekolah	Utusan Malaysia (7 Mei 2019)
7	Guru lelaki maut selepas terjatuh dari balkoni tingkat satu	Harian Metro (15 Julai 2020)

Sumber: Buku Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah (Niosh 2020)




LATIHAN KEBAKARAN

SMK DERMAGA SATU

Bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat

Rabu 13 Mei 2026



[illegible]

PRAKTIS 6 TEMA : Kerjaya

Grafik di bawah menunjukkan maklumat tentang iklan jawatan kosong.
Berdasarkan maklumat tersebut, tulis **resume** untuk dihantar kepada pihak majikan.
Panjangnya resume anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

MEKANIK KENDERAAN DIPERLUKAN



Syarat Kelayakan:

- ✓ Mempunyai sijil/ diploma kemahiran automatif
- ✓ Berumur antara 20 hingga 30 tahun
- ✓ Boleh menerima arahan dan sedia untuk belajar
- ✓ Boleh bekerja dalam kumpulan
- ✓ Rajin, amanah, jujur dan menepati masa
- ✓ Mempunyai lesen memandu

Bidang tugas:


- ✓ Memeriksa dan membaiki kenderaan
- ✓ Menyusun peralatan di bengkel
- ✓ Menulis laporan pemeriksaan
- ✓ Menjawab pertanyaan pelanggan
- ✓ Menjalankan tugas-tugas lain

Pertanyaan dan maklumat lanjut:

017-1234567 (Encik Sham)

Hantar resume ke: pentadbiran.servisjaya@gmail.com

Pusat Servis Kenderaan Jaya, Jalan Semarak, Kulai, Johor.



This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

TOPIK 2

Karangan Bahagian B

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

PANDUAN MENJAWAB SOALAN KARANGAN BAHAGIAN B

MODEL 1 TEMA : Kesihatan dan Kebersihan

Stres merupakan desakan atau tekanan yang dihadapi oleh individu berikutan peristiwa yang berlaku kepada mereka. Stres juga merupakan cabaran emosi yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Keadaan ini boleh mengancam atau dianggap mengganggu keadaan diri seseorang dari segi fizikal, emosi dan tingkah laku. Oleh itu, setiap individu perlu menangani stres dengan cara bercakap dengan seseorang, berehat sambil mendengar muzik dan melakukan aktiviti riadah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Panduan Menangani Stres'
Kementerian Kesihatan Malaysia

Berdasarkan petikan, bincangkan cara-cara menangani masalah tersebut.

Rangka Karangan

- 1 Kata kunci: Stres
- 2 Pendahuluan – Analisis **THINK**

Tema	Stres merupakan satu keadaan emosi yang dialami oleh semua orang tidak mengira usia, terutamanya murid.
Huraian	Kehidupan yang semakin mencabar serta tuntutan akademik dan sosial boleh menjadi punca utama stres dalam kalangan murid.
Isu	Jika tidak ditangani dengan betul, stres boleh menjejaskan kesihatan mental dan fizikal seseorang individu.
Huraian (Perspektif/ Kesan Negatif)	Oleh itu, usaha untuk menangani stres perlu diberikan perhatian agar kesejahteraan diri terjamin.
Kehendak Soalan	Dalam konteks ini, terdapat beberapa cara yang boleh diamalkan oleh murid untuk mengurus stres dengan lebih berkesan.

- 3 Pengembangan isi – **TOHUCOKEP**
Perenggan isi 1

Ayat Topik (TO)	Salah satu cara terbaik untuk menangani stres adalah dengan bercakap dengan seseorang yang dipercayai.
Ayat Huraian (HU)	Bercakap atau meluahkan masalah kepada orang lain dapat mengurangkan beban emosi yang ditanggung serta melegakan perasaan.
Ayat Contoh (CO)	Sebagai contohnya, murid boleh berkongsi masalah mereka dengan ibu bapa, guru atau rakan-rakan yang dipercayai.
*(HUCO)	Hal ini dikatakan demikian kerana apabila seseorang mendengar dan memberikan sokongan, murid akan berasa dihargai dan kurang tertekan.
Ayat Kesan (KE)	Kesan daripada tindakan ini, mereka akan dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan aktiviti harian dengan lebih baik.
Ayat Penegas (P)	Oleh itu, bercakap dengan orang lain merupakan satu kaedah yang berkesan untuk menangani stres.

Perenggan isi 2

Ayat Topik (TO)	Selain itu, mendengar muzik juga merupakan satu cara yang baik untuk berehat dan menangani stres.
Ayat Huraian (HU)	Muzik yang tenang dan santai mampu memberikan ketenangan serta mengurangkan tekanan yang dialami.
Ayat Contoh (CO)	Sebagai contohnya, seseorang boleh mendengar muzik instrumental atau lagu-lagu yang mengandungi melodi lembut sebelum tidur atau ketika berehat.
*(HUCO)	Mendengar muzik ini boleh membantu minda untuk lebih relaks dan mengurangkan tahap kortisol, iaitu hormon yang berkaitan dengan stres.
Ayat Kesan (KE)	Dengan cara ini, murid akan dapat tidur dengan lebih lena dan bangun dengan perasaan yang lebih segar.
Ayat Penegas (P)	Oleh itu, mendengar muzik ialah kaedah yang baik untuk mengurangkan stres.

Perenggan isi 3

Ayat Topik (TO)	Di samping itu, melakukan aktiviti riadah juga boleh menjadi alternatif yang berkesan untuk menangani stres.
Ayat Huraian (HU)	Aktiviti fizikal seperti berlari, berenang atau berbasikal boleh membantu tubuh untuk mengeluarkan hormon endorfin yang meningkatkan perasaan gembira.
Ayat Contoh (CO)	Sebagai contohnya, murid boleh meluangkan masa pada hujung minggu untuk beriadah bersama dengan keluarga atau rakan-rakan di taman.
*(HUCO)	Dengan melakukan aktiviti riadah, badan akan berasa lebih cergas dan minda menjadi lebih tenang.
Ayat Kesan (KE)	Kesan positif ini akan memudahkan murid untuk kembali fokus kepada pelajaran mereka.
Ayat Penegas (P)	Tegasnya, aktiviti riadah adalah salah satu cara yang efektif untuk mengurus stres.

4 Penutup – KECAHA

Kesimpulan (KE)	Kesimpulannya, langkah menangani stres adalah penting bagi setiap individu, khususnya murid untuk menjaga kesejahteraan diri.
*(UM)	Peribahasa cegah sebelum parah perlu diamalkan oleh setiap individu yang mengalami stres.
Cadangan (CA)	Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan seperti bercakap dengan seseorang, berehat sambil mendengar muzik dan melakukan aktiviti riadah.
Harapan (HA)	Setiap cara ini mampu mengurangkan tekanan serta membantu murid mengekalkan kesihatan mental yang baik.
*(HUHA)	Oleh itu, setiap murid harus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menangani stres agar mereka dapat mencapai kecemerlangan dalam pelajaran serta kesejahteraan hidup yang seimbang.

Karangan Contoh (Baik)

^(T)Stres merupakan satu keadaan emosi yang dialami oleh semua orang tidak mengira usia, terutamanya murid. ^(H)Kehidupan yang semakin mencabar serta tuntutan akademik dan sosial boleh menjadi punca utama stres dalam kalangan murid. ^(J)Jika tidak ditangani dengan betul, stres boleh menjejaskan kesihatan mental dan fizikal seseorang individu. ^(N)Oleh itu, usaha untuk menangani stres perlu diberikan perhatian agar kesejahteraan diri terjamin. ^(K)Dalam konteks ini, terdapat beberapa cara yang boleh diamalkan oleh murid untuk mengurus stres dengan lebih berkesan.

^(T0)Salah satu cara terbaik untuk menangani stres adalah dengan bercakap dengan seseorang yang dipercayai. ^(HU)Bercakap atau meluahkan masalah kepada orang lain dapat mengurangkan beban emosi yang ditanggung serta melegakan perasaan. ^(CO)Sebagai contohnya, murid boleh berkongsi masalah mereka dengan ibu bapa, guru atau rakan-rakan yang dipercayai. ^(HUCO)Hal ini dikatakan demikian kerana apabila seseorang mendengar dan memberikan sokongan, murid akan berasa dihargai dan kurang tertekan. ^(KE)Kesan daripada tindakan ini, mereka akan dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan aktiviti harian dengan lebih baik. ^(P)Oleh itu, bercakap dengan orang lain merupakan satu kaedah yang berkesan untuk menangani stres.

^(T0)Selain itu, mendengar muzik juga merupakan satu cara yang baik untuk berehat dan menangani stres. ^(HU)Muzik yang tenang dan santai mampu memberikan ketenangan serta mengurangkan tekanan yang dialami. ^(CO)Sebagai contohnya, seseorang boleh mendengar muzik instrumental atau lagu-lagu yang mengandungi melodi lembut sebelum tidur atau ketika berehat. ^(HUCO)Mendengar muzik ini boleh membantu minda untuk lebih relaks dan mengurangkan tahap kortisol, iaitu hormon yang berkaitan dengan stres. ^(KE)Dengan cara ini, murid akan dapat tidur dengan lebih lena dan bangun dengan perasaan yang lebih segar. ^(P)Oleh itu, mendengar muzik ialah kaedah yang baik untuk mengurangkan stres.

^(T0)Di samping itu, melakukan aktiviti riadah juga boleh menjadi alternatif yang berkesan untuk menangani stres. ^(HU)Aktiviti fizikal seperti berlari, berenang atau berbasikal boleh membantu tubuh untuk mengeluarkan hormon endorfin yang meningkatkan perasaan gembira. ^(CO)Sebagai contohnya, murid boleh meluangkan masa pada hujung minggu untuk beriadah bersama dengan keluarga atau rakan-rakan di taman. ^(HUCO)Dengan melakukan aktiviti riadah, badan akan berasa lebih cergas dan minda menjadi lebih tenang. ^(KE)Kesan positif ini akan memudahkan murid untuk kembali fokus kepada pelajaran mereka. ^(P)Tegasnya, aktiviti riadah adalah salah satu cara yang efektif untuk mengurus stres.

^(KE)Kesimpulannya, langkah menangani stres adalah penting bagi setiap individu, khususnya murid untuk menjaga kesejahteraan diri. ^(UM)Peribahasa **cegah sebelum parah** perlu diamalkan oleh setiap individu yang mengalami stres. ^(CA)Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan seperti bercakap dengan seseorang, berehat sambil mendengar muzik dan melakukan aktiviti riadah. ^(HA)Setiap cara ini mampu mengurangkan tekanan serta membantu murid mengekalkan kesihatan mental yang baik. ^(HUHA)Oleh itu, setiap murid harus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menangani stres agar mereka dapat mencapai kecemerlangan dalam pelajaran serta kesejahteraan hidup yang seimbang.

Karangan Contoh (Cemerlang)

Dalam era moden yang semakin mencabar ini, isu stres bukan lagi perkara baharu kerana tekanan hidup, tuntutan kerja serta beban akademik sering membelenggu minda manusia tanpa mengira usia. Jika tidak ditangani dengan bijaksana, stres boleh menjejaskan kesihatan mental dan fizikal seseorang sehingga menjejaskan kualiti kehidupan. Oleh itu, setiap individu perlu mengetahui kaedah terbaik untuk mengurus tekanan agar tidak menjadi **api dalam sekam** yang akhirnya memudaratkan diri sendiri. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah berkesan seperti berkongsi masalah dengan individu yang dipercayai, mendengar muzik yang menenangkan serta melakukan aktiviti fizikal wajar diamalkan untuk memastikan kesejahteraan emosi dapat dipelihara.

Berbincang dengan seseorang yang dipercayai merupakan cara terbaik untuk menangani stres kerana langkah ini membolehkan emosi yang terpendam diluahkan secara selamat, bak kata peribahasa **yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing**. Pada asasnya, individu yang dipercayai seperti ibu bapa, rakan karib atau guru mampu menjadi pendengar setia yang memberikan ruang untuk berkongsi kegusaran tanpa rasa takut dihakimi. Melalui proses meluahkan perasaan, minda menjadi lebih lapang kerana tekanan tidak lagi dipikul seorang diri. Sebagai contoh, seorang murid yang tertekan akibat tugas sekolah akan berasa lega selepas berbincang dengan guru kaunseling kerana mendapat panduan yang membina. Hal ini dikatakan demikian kerana sokongan emosi dan nasihat yang diterima dapat membantu mengenal pasti punca tekanan serta mencari jalan keluar. Oleh itu, berbincang dengan individu yang dipercayai dapat meredakan stres dan mengukuhkan kesejahteraan mental seseorang.

Selain itu, mendengar muzik juga merupakan cara yang berkesan untuk berehat dan menangani stres kerana irama yang menenangkan mampu mempengaruhi emosi secara positif **ibarat air yang tenang menyejukkan hati yang panas**. Pada asasnya, muzik berfungsi sebagai terapi minda yang membantu menurunkan tahap kebimbangan serta mengalihkan fokus daripada tekanan harian. Melalui amalan mendengar muzik secara konsisten, tubuh menjadi lebih relaks kerana pernafasan serta degupan jantung kembali stabil. Sebagai contoh, seorang murid yang berasa cemas sebelum peperiksaan boleh mendengar muzik instrumental untuk menenangkan fikiran. Hal ini berlaku demikian kerana melodi yang lembut merangsang hormon endorfin yang meningkatkan rasa damai. Oleh itu, mendengar muzik bukan sahaja meredakan stres malah menjadikan emosi lebih stabil.

Di samping itu, melakukan aktiviti fizikal merupakan alternatif yang berkesan untuk menangani stres kerana pergerakan tubuh dapat mengurangkan ketegangan yang dialami sesuai dengan ungkapan **badan cergas, minda cerdas**. Pada asasnya, aktiviti seperti berjoging, berbasikal atau berjalan santai mampu merangsang pengeluaran hormon endorfin yang menjadikan seseorang lebih ceria. Melalui penglibatan dalam aktiviti fizikal secara berkala, individu dapat mengalihkan tumpuan daripada masalah yang membelenggu fikiran sekali gus menyegarkan emosi. Sebagai contoh, seorang remaja yang tertekan dengan tugas sekolah boleh melakukan senaman ringkas selama 20 minit sebelum menyambung pelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti fizikal membantu mengurangkan ketegangan otot dan menjernihkan fikiran. Oleh itu, melakukan aktiviti fizikal mampu menjadi benteng yang kukuh untuk mengurus stres secara berkesan.

Sebagai penutup, jelaslah bahawa menangani stres memerlukan kebijaksanaan serta kesediaan untuk menjaga kesejahteraan diri secara konsisten. Usaha seperti berkongsi masalah dengan individu yang dipercayai, menikmati muzik yang menenangkan dan melakukan aktiviti fizikal bukan sahaja mampu meredakan tekanan, malah dapat membentuk emosi yang lebih stabil serta minda yang lebih positif. Peribahasa ada menyatakan **mencegah lebih baik daripada mengubati**, maka setiap individu wajar mengambil langkah proaktif sebelum stres menjadi barah yang sukar dikawal. Justeru, semua pihak harus memainkan peranan untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong kesihatan mental agar masyarakat dapat hidup dalam keadaan sejahtera.

MODEL 2 TEMA : Keselamatan

Merujuk Kamus Dewan, peperangan ialah perkelahian dan pertempuran dengan menggunakan senjata antara dua belah pihak. Ironinya, walaupun umum mengetahui kesan buruk akibat peperangan, namun peperangan tetap berlaku disebabkan banyak perkara. Kita juga mempunyai lembaran sejarah yang boleh diambil iktibar agar dapat mencegah hal yang sama berulang pada masa depan terutama hal yang mengarah kepada impak negatif seperti kehilangan nyawa dan sumber manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Sukarnya Dunia Ambil Iktibar daripada Peperangan’
www.utusan.com.my

Berdasarkan petikan, huraikan langkah-langkah untuk mengelakkan perkara tersebut daripada berlaku.

Karangan Contoh (Baik)

Peperangan merupakan satu fenomena global yang sering mengancam keselamatan dan keharmonian sejagat. Konflik bersenjata lazimnya tercetus akibat perebutan kuasa, perbezaan ideologi serta kegagalan diplomasi antara negara yang terlibat. Situasi ini semakin membimbangkan apabila peperangan bukan sahaja mengorbankan nyawa manusia yang tidak berdosa, malah memusnahkan infrastruktur dan melumpuhkan ekonomi dunia. Jika keadaan ini berlarutan, kestabilan politik antarabangsa akan tergugat dan kesejahteraan generasi masa hadapan tidak dapat dijamin. Oleh itu, pelbagai langkah proaktif perlu diambil untuk mengelakkan peperangan daripada berlaku agar keamanan sejagat terjamin.

Salah satu langkah utama untuk mengelakkan peperangan adalah dengan mengukuhkan hubungan diplomatik melalui dialog dan rundingan antara negara. Pendekatan diplomasi membolehkan konflik diselesaikan secara rasional tanpa penggunaan kekerasan. Sebagai contoh, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berperanan sebagai orang tengah untuk meredakan ketegangan antara negara yang bersengketa. Rundingan yang telus mampu membina kepercayaan dan persefahaman antara pihak terlibat. Kesannya, hubungan antarabangsa menjadi lebih stabil dan risiko tercetusnya peperangan dapat dikurangkan selaras dengan peribahasa **menang tanpa bertempur, kalah tanpa berperang**.

Selain itu, pendidikan keamanan dan nilai kemanusiaan perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat sejagat. Pendidikan yang menekankan toleransi, hormat-menghormati dan penyelesaian konflik secara aman mampu membentuk masyarakat yang matang dan berfikiran terbuka. Sebagai contoh, elemen keamanan dunia dan hak asasi manusia boleh diterapkan dalam kurikulum pendidikan. Apabila masyarakat dididik untuk menghargai keamanan, sikap agresif dan kebencian dapat dibendung. Natijahnya, masyarakat global lebih cenderung memilih jalan damai berbanding dengan peperangan kerana **air yang tenang jangan disangka tiada buaya**, sebaliknya kebijaksanaan mengawal emosi lebih diutamakan.

Di samping itu, pengawalan perlumbaan senjata dan campur tangan ketenteraan antara negara juga amat penting. Perlumbaan senjata yang tidak terkawal boleh mencetuskan rasa curiga dan ketegangan politik. Sebagai contoh, perjanjian antarabangsa berkaitan dengan pengurangan senjata nuklear perlu dipatuhi oleh semua negara. Tindakan ini membuktikan komitmen terhadap keamanan dunia dan mengurangkan ancaman peperangan. Kesannya, dunia akan menjadi lebih selamat dan stabil kerana **berat sama dipikul, ringan sama dijinjing**.

Kesimpulannya, peperangan bukanlah jalan penyelesaian terbaik kerana hanya membawa kemusnahan dan penderitaan. Oleh itu, usaha diplomasi, pendidikan keamanan dan kawalan ketenteraan perlu dilaksanakan secara menyeluruh. Jika semua pihak memainkan peranan masing-masing, dunia mampu mengelakkan tragedi peperangan dan melahirkan sebuah tamadun yang aman serta sejahtera.

Karangan Contoh (Cemerlang)

Peperangan merupakan satu fenomena global yang sering mengancam keselamatan dan keharmonian sejagat. Konflik bersenjata lazimnya tercetus akibat perebutan kuasa, perbezaan ideologi serta kegagalan diplomasi antara negara yang terlibat. Situasi ini menjadi semakin membimbangkan apabila peperangan bukan sahaja mengorbankan nyawa manusia yang tidak berdosa, malah memusnahkan infrastruktur, melumpuhkan ekonomi dan menjejaskan kestabilan politik dunia. Jika keadaan ini dibiarkan berlarutan, keamanan dunia akan terus tergugat dan kesejahteraan generasi masa hadapan tidak dapat dijamin. Oleh itu, pelbagai langkah proaktif dan berkesan perlu diambil oleh semua pihak untuk mengelakkan peperangan daripada berlaku agar keamanan dan kesejahteraan sejagat terjamin.

Salah satu langkah perdana untuk mengelakkan peperangan daripada berlaku adalah dengan mengukuhkan hubungan diplomatik melalui rundingan dan dialog secara berterusan antara negara. Pendekatan diplomasi membolehkan setiap pihak menyuarakan pandangan serta menyelesaikan konflik secara berhemah tanpa menggunakan kekerasan. Sebagai contoh, peranan pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) amat penting sebagai **orang tengah** untuk meredakan ketegangan antara negara yang bersengketa. Melalui meja rundingan, keputusan dapat dicapai secara konsensus tanpa menjejaskan kedaulatan mana-mana pihak. Kesannya, hubungan antarabangsa menjadi lebih stabil, kepercayaan antara negara dapat dipupuk dan risiko tercetusnya peperangan dapat dielakkan, selaras dengan peribahasa **menang tanpa bertempur, kalah tanpa berperang**.

Selain itu, peperangan dapat dicegah dengan memupuk pendidikan keamanan serta nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat sejagat. Pendidikan yang menekankan toleransi, saling menghormati dan penyelesaian konflik secara aman mampu membentuk generasi yang berfikiran matang dan berwawasan. Sebagai contoh, kurikulum pendidikan di sekolah boleh diselitkan dengan elemen keamanan dunia, hak asasi manusia dan kepentingan hidup bermuafakat. Apabila masyarakat dididik sejak awal untuk menghargai keamanan, sikap agresif dan kebencian dapat dikikis. Natiujahnya, masyarakat global akan lebih cenderung memilih jalan damai berbanding dengan peperangan kerana masyarakat memilih untuk mengutamakan kebijaksanaan mengawal emosi.

Di samping itu, langkah penting untuk mengelakkan peperangan termasuklah mengawal perlumbaan senjata dan mengehadkan campur tangan ketenteraan antara negara. Perlumbaan senjata yang tidak terkawal boleh mencetuskan rasa curiga serta ketegangan politik yang akhirnya membawa kepada konflik bersenjata. Perjanjian antarabangsa seperti pengurangan senjata nuklear perlu dipatuhi secara tegas oleh semua negara. Tindakan ini bukan sahaja dapat mengurangkan ancaman peperangan, malah membuktikan komitmen negara terhadap keamanan sejagat. Kesannya, dunia akan menjadi lebih selamat dan stabil kerana **berat sama dipikul, ringan sama dijinjing** dalam usaha mengekalkan keamanan global.

Kesimpulannya, peperangan bukanlah jalan penyelesaian kepada sebarang konflik, sebaliknya membawa kemusnahan yang berpanjangan terhadap manusia dan dunia sejagat. Oleh itu, usaha mengukuhkan diplomasi, memupuk pendidikan keamanan serta mengawal campur tangan ketenteraan perlu dilaksanakan secara bersepadu dan berterusan oleh semua pihak. Semua lapisan masyarakat, sama ada pemimpin negara mahupun rakyat biasa, harus berganding bahu memainkan peranan masing-masing demi keamanan sejagat. Jika langkah-langkah ini dipandang serius, dunia akan mampu mengelakkan tragedi peperangan dan melahirkan sebuah tamadun yang aman, stabil serta sejahtera kerana keamanan itu lebih berharga daripada kemenangan di medan perang.



PRAKTIS 1 TEMA: Perpaduan

Pada zaman nenek moyang kita dahulu, keseronokan dan keindahan hidup berjiran menjadi satu perkara yang sangat penting. Namun, pada zaman milenia ini, adab dan kemesraan dalam hidup berjiran tidak sama seperti dahulu, malah kian pudar. Mungkin sekarang ini konsep berjiran sudah tidak membawa sebarang makna atau sudah ketinggalan zaman. Semangat hidup berjiran yang kita warisi sejak turun-temurun, kini jelas semakin terpinggir. Punca yang menyebabkan semangat kejiranan semakin luntur, antaranya perubahan gaya hidup masyarakat yang terlalu sibuk dengan hal sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Sentiasa Berbuat Baik dengan Jiran Tetangga’
www.sinarharian.com.my

Huraikan punca yang terdapat dalam petikan di atas berserta punca-punca lain perkara tersebut berlaku.

Salah satu punca utama semangat kejiranan semakin luntur ialah kesibukan hidup masyarakat moden pada masa ini. Tuntutan kerjaya, tekanan hidup dan komitmen keluarga menyebabkan individu lebih menumpukan perhatian terhadap urusan sendiri daripada menjalin hubungan dengan jiran. Sebagai contoh, kebanyakan penduduk keluar awal pagi dan pulang ke rumah lewat malam sehingga jarang berpeluang bertegur sapa dengan jiran. Hal ini mengakibatkan hubungan kejiranan menjadi renggang dan sikap ambil peduli semakin terhakis **ibarat enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing**.

Selain itu, pengaruh teknologi dan penggunaan media sosial yang berlebihan turut menyumbang kepada kelunturan semangat kejiranan. Masyarakat kini lebih selesa berkomunikasi melalui telefon pintar dan aplikasi media sosial berbanding dengan berinteraksi secara bersemuka. Contohnya, jiran yang tinggal bersebelahan rumah jarang bertegur sapa kerana masing-masing leka melayari media sosial. Akibatnya, hubungan kemasyarakatan menjadi dingin dan nilai kebersamaan semakin pudar, sekali gus mewujudkan jurang sosial dalam komuniti setempat.

Di samping itu, sikap individualistik dan kurang kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat juga menjadi punca yang ketara. Sesetengah individu bersikap mementingkan diri dan tidak peka terhadap aktiviti kejiranan dan kebajikan jiran sekeliling. Sebagai contoh, mereka enggan terlibat dalam aktiviti gotong-royong atau program kemasyarakatan kerana menganggap perkara tersebut tidak membawa apa-apa manfaat peribadi. Kesannya, semangat kerjasama dan tolong-menolong semakin hilang hingga akhirnya melemahkan ikatan kejiranan yang sepatutnya kukuh.

Kesimpulannya, semangat kejiranan yang semakin luntur pada hari ini berpunca daripada kesibukan hidup, pengaruh teknologi serta sikap individualistik masyarakat. Jika keadaan ini tidak dibendung, keharmonian dan keselamatan komuniti akan terjejas. Oleh itu, kesedaran semua pihak amat penting untuk memastikan semangat kejiranan terus subur kerana **muafakat membawa berkat** dan menjadi asas kepada kesejahteraan masyarakat.

PRAKTIS 2 TEMA: Pelancongan

Malaysia merupakan destinasi ekopelancongan pilihan di dunia kerana memiliki keindahan alam semula jadi yang mengagumkan. Ekopelancongan menawarkan pengalaman dan pengembaraan tulen unik bagi tempat tertentu. Pembangunan ekopelancongan yang mampan mampu meningkatkan ekonomi menerusi kemasukan pelancong, menjadi pemangkin kepada pelestarian budaya warisan tempatan dan perlindungan terhadap alam sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia Destinasi Ekopelancongan Pilihan'
www.hmetro.com.my

Bincangkan kepentingan-kepentingan sektor tersebut kepada masyarakat dan negara.

Ekopelancongan merupakan aktiviti percutian berasaskan alam semula jadi yang menggabungkan usaha memupuk kesedaran tentang alam sekitar. Malaysia menjadi destinasi pilihan dunia bagi ekopelancongan kerana memiliki kemewahan biodiversiti serta keindahan alam semula jadi yang mengagumkan. Antara destinasi ekopelancongan yang popular di negara ini termasuklah Taman Negara Kuala Tahan, Santuari Gajah Kuala Gandah, Pulau Carey dan Taman Geo Kilim Karst. Lantaran itu, pembangunan ekopelancongan di Malaysia terus menjadi keutamaan kerana memberikan kepentingan kepada masyarakat dan negara.

Salah satu kepentingan ekopelancongan adalah dapat memberikan impak positif kepada ekonomi. Hal ini dikatakan demikian kerana kedatangan pelancong ke destinasi ekopelancongan berupaya merancakkan ekonomi masyarakat setempat. Sebagai contohnya, aktiviti pelancongan di Taman Negara Kuala Tahan telah mewujudkan pelbagai peluang ekonomi dan pekerjaan kepada masyarakat setempat yang mengusahakan inap desa, perniagaan makanan serta perusahaan kraf. Bukan itu sahaja, aktiviti berbelanja oleh pelancong asing di kawasan ekopelancongan turut meningkatkan aliran masuk mata wang asing sekali gus mengukuhkan ekonomi negara. Oleh itu, **sudah terang lagi bersuluh**, ekopelancongan penting untuk ekonomi negara.

Di samping merancakkan ekonomi, ekopelancongan juga menjadi **serampang dua mata** untuk melestarikan budaya warisan tempatan. Hal ini dikatakan demikian kerana ekopelancongan turut mempromosi nilai sosiobudaya komuniti tempatan selain faktor tarikan alam semula jadi. Sebagai contoh, aktiviti ekopelancongan di Pulau Carey, Selangor, membolehkan perkongsian mengenai keunikan budaya dan cara hidup penduduk orang asli Mah Meri kepada pelancong. Keadaan ini mewujudkan pengalaman pelancongan yang dapat mendidik pengunjung tentang khazanah alam dan budaya Malaysia. Jelaslah bahawa ekopelancongan penting untuk memelihara identiti budaya warisan tempatan.

Dari sudut alam sekitar pula, ekopelancongan dapat melindungi alam semula jadi, hidupan liar dan pelbagai spesies hidupan di hutan. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti ekopelancongan sememangnya menekankan aspek pemuliharaan dan perlindungan alam semula jadi sebagai daya tarikan utama. Sebagai contoh, usaha pemuliharaan dan perlindungan di kawasan ekopelancongan Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang dilakukan untuk memelihara bunga Rafflesia. Hal ini secara langsung dapat menggalakkan pembangunan lestari yang mengekalkan keseimbangan alam dan biodiversiti dalam usaha memajukan ekopelancongan. Tegasnya, kepentingan ekopelancongan untuk melindungi alam semula jadi tidak dapat dinafikan.



PRAKTIS 3 TEMA: Pertanian, Penternakan dan Perikanan

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited untuk memastikan lebih banyak golongan muda menceburi bidang pertanian antaranya dengan memberikan pendedahan kepada penggunaan teknologi moden seperti pertanian pintar dan dron. KPKM juga mempunyai beberapa usaha lain dan bantuan program untuk menarik lebih banyak golongan muda menceburi bidang pertanian. Kementerian juga menawarkan dana pembiayaan kepada golongan belia yang berminat menceburkan diri dalam bidang ini selain kursus hingga peringkat diploma.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Teknologi Moden, Pelbagai Bantuan Tarik Golongan Muda Ceburi Sektor Pertanian'
www.bernama.com

Berdasarkan petikan, bincangkan peranan kerajaan untuk menarik minat golongan belia dalam bidang tersebut.

Sektor pertanian memainkan peranan penting untuk memastikan bekalan makanan negara mencukupi dan kestabilan ekonomi negara terjamin. Walau bagaimanapun, golongan muda kurang berminat untuk menceburi bidang ini kerana mereka menganggapnya sebagai pekerjaan yang kotor dan memenatkan. Situasi ini amat membimbangkan kerana sektor pertanian sangat memerlukan tenaga kerja yang muda dan dinamik. Jika masalah ini dibiarkan berterusan, negara akan bergantung pada bekalan makanan import yang boleh mengancam keselamatan makanan negara. Oleh itu, usaha yang efektif perlu dilakukan untuk menarik minat golongan muda menceburi sektor pertanian demi kelestarian masa depan negara.

Selain itu, kerajaan boleh menawarkan dana pembiayaan kepada golongan belia yang ingin menceburi sektor pertanian. Dana pembiayaan ini boleh membantu mereka memulakan projek pertanian tanpa tekanan kewangan yang besar. Sebagai contoh, kerajaan boleh menawarkan pinjaman melalui agensi seperti Agrobank yang menyediakan skim khas untuk usahawan muda dalam bidang pertanian. Dengan adanya sokongan kewangan ini, golongan belia akan lebih yakin dan bersemangat untuk menceburi bidang ini serta menjadikannya sebagai sumber pendapatan utama. Oleh hal yang demikian, pemberian dana pembiayaan ini dapat menarik lebih banyak belia untuk terlibat dalam sektor pertanian.

Di samping itu, penawaran kursus hingga peringkat diploma dalam bidang pertanian juga merupakan langkah yang baik untuk menarik minat golongan muda. Melalui kursus ini, mereka dapat mempelajari teknik dan pengetahuan terkini dalam pertanian yang dapat meningkatkan produktiviti. Sebagai contoh, institusi pengajian tinggi tempatan boleh menawarkan program diploma dalam sains pertanian yang menekankan penggunaan teknologi dan amalan pertanian moden. Kesan daripada program ini, golongan muda akan lebih bersedia dan berpengetahuan dalam bidang pertanian, sekali gus membangkitkan minat mereka terhadap sektor ini. Oleh itu, pendidikan formal hingga peringkat diploma adalah satu usaha yang berkesan untuk meningkatkan penyertaan belia dalam sektor pertanian.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai usaha yang boleh dilakukan untuk menarik minat golongan muda menceburi sektor pertanian seperti memperkenalkan teknologi moden, menawarkan dana pembiayaan dan menyediakan kursus pendidikan. Usaha ini bak kata peribahasa **melentur buluh biarlah dari rebungnya** kerana golongan muda perlu diberikan dorongan sejak awal agar minat terhadap pertanian dapat dipupuk. Dengan adanya langkah-langkah ini, lebih banyak golongan muda akan menceburi sektor pertanian dan membantu untuk menjamin kestabilan makanan negara.

PRAKTIS 4 TEMA: Sejarah dan Warisan

Malaysia sememangnya kaya dengan kepelbagaian budaya, cara hidup, adat dan agama. Makanan tradisi merupakan salah satu faktor kepelbagaian dan warna-warni budaya rakyat Malaysia. Namun kini, kuih tradisional semakin hilang dalam kalangan generasi baharu. Tidak dapat disangkal lagi bahawa kemodenan yang berlaku pada hari ini telah membawa masuk banyak unsur budaya asing terutama kepada golongan muda. Di samping itu, golongan muda juga didedahkan dengan makanan ala-ala barat selain sikap masyarakat sendiri tidak berbangga dengan makanan warisan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kuih Tradisional Tempatan Diancam Kepupusan'
dewanbudaya.jendeladbp.my

Berdasarkan petikan, huraikan punca-punca berlakunya perkara ini.

Makanan tradisional merupakan identiti sesuatu bangsa yang mencerminkan warisan budaya dan keunikan masyarakat setempat. Namun, populariti makanan tradisional dalam kalangan masyarakat, khususnya golongan muda, semakin merosot dari hari ke hari. Fenomena ini timbul akibat pelbagai faktor, termasuk perubahan gaya hidup serta pengaruh budaya luar yang semakin meluas. Jika masalah ini dibiarkan berterusan, makanan tradisional mungkin akan hilang ditelan arus pemodenan. Oleh itu, isu ini perlu dikaji agar punca-punca makanan tradisional kurang popular dapat difahami dengan lebih mendalam dan tindakan sewajarnya dapat diambil.

Salah satu punca makanan tradisional semakin kurang popular disebabkan oleh kemasukan budaya asing yang mempengaruhi golongan muda. Budaya asing sering memperkenalkan makanan baharu yang kelihatan lebih menarik dari segi penampilan dan rasa. Makanan segera seperti burger dan piza yang berasal dari Barat kini menjadi pilihan utama golongan muda, manakala makanan tradisional seperti dodol dan lemang kurang diminati. Akibatnya, makanan tradisional semakin dilupakan dan golongan muda tidak lagi menghargai kepentingan warisan kulinari ini. Oleh itu, pengaruh budaya asing secara langsung telah menghakis minat terhadap makanan tradisional dalam kalangan generasi muda.

Punca lain ialah golongan muda telah didedahkan dengan makanan ala Barat sejak kecil. Makanan Barat yang mudah didapati dan disediakan sering menjadi pilihan ibu bapa kerana penyediaannya cepat dan ringkas. Golongan muda lebih gemar makan kentang goreng atau sosej berbanding dengan kuih-muih tradisional seperti kuih seri muka atau onde-onde. Akibatnya, makanan tradisional dilihat sebagai sesuatu yang kuno dan hanya disediakan semasa majlis tertentu. Situasi ini menyebabkan golongan muda kurang berminat untuk mencuba atau meneruskan tradisi makanan warisan. Oleh itu, pendedahan awal tentang makanan ala Barat telah mengurangkan populariti makanan tradisional dalam kalangan generasi muda.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai punca yang menyebabkan makanan tradisional semakin kurang popular, termasuk pengaruh budaya asing, sikap masyarakat yang tidak menghargai warisan dan pendedahan awal tentang makanan ala Barat. Peribahasa Melayu **tak kenal maka tak cinta** menunjukkan betapa pentingnya usaha untuk memperkenalkan dan mempromosikan makanan tradisional kepada generasi muda agar mereka menghargai nilai dan keunikannya. Usaha bersama-sama antara pihak berkuasa, masyarakat dan keluarga perlu dilakukan agar makanan tradisional terus diwarisi oleh generasi akan datang.



PRAKTIS 5 TEMA: Sains, Teknologi dan Inovasi

Media sosial bukan hanya digemari golongan muda, malah generasi berusia juga hampir semuanya memiliki pelbagai aplikasi dalam telefon pintar mereka. Walau bagaimanapun, kita juga maklum bahawa kesan penggunaan media sosial mempunyai banyak sisi baik berbanding dengan sisi buruk jika kita menggunakannya dengan betul. Antaranya, penggunaan media sosial memberikan peluang kepada pengguna untuk menyerlahkan bakat, berkongsi maklumat atau kata-kata motivasi dan juga menjadi penjana sumber pendapatan bagi sesetengah pengguna media sosial.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Generasi Muda Kena Bijak Manfaat Media Sosial’
www.bharian.com.my

Berdasarkan petikan, huraikan manfaat-manfaat tersebut.

Media sosial telah menjadi platform utama yang mempengaruhi kehidupan manusia sejagat pada abad ke-21. Penggunaan media sosial seperti aplikasi *Facebook*, *Instagram*, *TikTok* dan *X* semakin meluas, bukan sahaja untuk hiburan, tetapi juga dalam bidang komunikasi, pendidikan dan perniagaan. Fenomena ini telah membuka pelbagai peluang baharu kepada masyarakat yang celik teknologi. Namun, terdapat juga pandangan bahawa media sosial turut mempunyai kesan negatif jika disalahgunakan. Oleh itu, penting untuk kita memahami manfaat media sosial agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi kebaikan bersama.

Media sosial memberikan peluang kepada pengguna untuk menyerlahkan bakat mereka. Media sosial menyediakan platform terbuka kepada individu untuk menonjolkan bakat dalam pelbagai bidang seperti seni, muzik, masakan dan sebagainya. Sebagai contoh, banyak pengguna *TikTok* berjaya mempamerkan bakat mereka dalam tarian atau lakonan sehingga mendapat perhatian daripada pihak industri hiburan. Lantaran itu, bakat muda yang berpotensi besar dapat diketengahkan kepada khalayak yang lebih luas. Oleh itu, media sosial berperanan sebagai pentas yang membantu individu mengembangkan potensi diri dan menjadikan bakat mereka sebagai aset yang berharga.

Selain itu, media sosial juga berfungsi sebagai saluran untuk berkongsi maklumat dan kata-kata motivasi. Pengguna media sosial sering menggunakan platform ini untuk menyebarkan informasi terkini atau mesej yang memberikan inspirasi kepada masyarakat. Sebagai contoh, banyak tokoh masyarakat berkongsi kata-kata motivasi dalam laman sosial mereka seperti *Instagram* atau *Threads* untuk memberikan semangat kepada pengikut mereka. Kesan daripada perkongsian ini, pengguna media sosial dapat memanfaatkan maklumat yang berguna untuk meningkatkan pengetahuan atau memperoleh motivasi yang diperlukan. Oleh itu, penggunaan media sosial secara positif dapat mencerminkan peribahasa, **yang baik jadikan teladan, yang buruk jadikan sempadan**.

Kesimpulannya, media sosial mempunyai banyak manfaat seperti memberikan peluang menyerlahkan bakat, berkongsi maklumat yang berguna dan menjana pendapatan. Namun, pengguna haruslah bijak memanfaatkan platform ini secara positif dan bertanggungjawab. Jika digunakan dengan cara yang betul, media sosial dapat menjadi medium yang membawa perubahan besar kepada kehidupan seseorang dan masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan untuk memastikan media sosial digunakan dengan sewajarnya demi kebaikan bersama.

[illegible]

TOPIK 3

Morfologi

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Konsep Asas Morfologi



Memahami Bentuk Kata

Perkataan	Ciri Luaran	Bentuk Kata
merah	Tiada apa-apa ciri khusus	Kata Tunggal
memerah	Ada awalan me-	Kata Terbitan
merah jambu	Digandingkan dengan kata " jambu "	Kata Majmuk
kemerah-merahan	Ada tanda sempang "-" dan pengulangan kata merah dengan apitan ke-...-an .	Kata Ganda

Tip Mengenal Pasti Golongan Kata dengan Tepat

Kata Nama

- **Inti utama** dalam subjek ayat
- **Objek** kepada kata kerja transitif
- Dapat didahului **kata bilangan**
- Terletak di belakang **kata sendi nama**
- Kata ganti nama – **diri/ tunjuk**
- Boleh didahului oleh **penjodoh bilangan**
- Terletak di belakang kata pemerai "**ialah**"
- Berimbuhan akhiran **-an, -man, -wan, -isme**
- Berimbuhan awalan **pe-, peN-, peR-**
- Berimbuhan apitan **ke-...-an, peN-...-an** atau **peR-...-an**
- **Benda konkrit** atau **abstrak** yang biasanya merujuk **pihak** (orang/ haiwan/ organisasi), **tempat, perkara** (biasanya boleh menjawab siapa, mana atau apa)

Kata Kerja

- Terletak di belakang **kata bantu**
- Di belakang kata nafi "**tidak**" (tetapi mungkin juga **kata adjektif**)
- Mempunyai imbuhan **ter-**
- Mempunyai imbuhan **meN-, memper-, meN-...-i, meN-...-kan**
- Mempunyai imbuhan **beR-, beR-...-kan, beR-...-an**
- Mempunyai imbuhan **di-, diper-, di-...-kan, di-...-i**

Kata Adjektif

- Di belakang kata nafi "**tidak**" (tetapi mungkin juga **kata kerja**)
- Di belakang **kata bantu**
- Hadir bersama pelbagai **kata penguat**
- Berimbuhan **ter-, se-, se- + gandaan**

Kata Kerja

- Kata hubung – **penyambung ayat**
- Kata bantu – di hadapan **kata kerja**
- Kata penegas – **juga, turut**
- Kata nafi – **tidak, bukan**
- Kata sendi nama – di hadapan **kata nama**
- Kata penguat – **paling, ter, sangat, amat, sungguh, agak, begitu, sekali, nian, benar**
- Kata bilangan – angka atau jumlah yang **tentu**; bilangan **tak tentu** (semua, para, banyak); himpunan (ketiga-tiga, beratus-ratus); **pisahan** (masing-masing, setiap); **pecahan** (sepertiga, separuh)
- Kata adverba – menjelaskan **kata kerja** atau **kata adjektif**
- Kata pemerai – **ialah, adalah**

Imbuhan Sisipan

-el-	(ganggang) gelanggang; (gegak) gelegak; (getar) geletar; (jajah) jelajah; (jujur) jelujur; (kangkang) kelanggang; (kembung) kelembung; (kopak) kelopak; (kupas) kelupas; (patuk) pelatuk; (serak) selerak; (tangkup) telangkup; (tapak) telapak; (tunjuk) telunjuk
-er-	(cucuk) cerucuk; (gigi) gerigi; (kelip) kerlip; (kuping) keruping; (sabut) serabut; (suling) seruling
-em-	(gelap) gemerlap; (gilang) gemilang; (guruh) gemuruh; (ketot) kemetot; (kuncup) kemuncup; (serbak) semerbak
-in-	(sambung) sinambung

Imbuhan Pinjaman

Imbuhan pinjaman atau imbuhan asing ialah imbuhan yang dipinjam daripada imbuhan Sanskrit, imbuhan Arab, dan imbuhan Inggeris. Imbuhan ini diguna dan diterima pakai dalam bahasa Melayu baku.

Imbuhan Arab

Imbuhan	Makna	Contoh
bi-	tidak	biadab, bilazim
-ah	wanita/ perempuan	qariah, ustazah
-at	orang perempuan/ wanita	hadirat, muslimat
-iah	perkara/ hal yang berkaitan dengan sifat	jahiliah, hurufiah, ilmiah, jasmaniah, rohaniah, alamiah, batiniah
-in	orang lelaki	hadirin, muslimin, musyrikin

Imbuhan Sanskrit

Imbuhan	Makna	Contoh
dasa-	sepuluh	dasawarsa, dasalumba
dwi-	dua	dwibahasa, dwihala, dwibulanan, dwicembung, dwijantina, dwicekung, dwitahunan, dwisuku, dwiwarna, dwikata, dwimusim
eka-	satu	ekahala, ekabahasa, ekawarna, ekafungsi, ekasuku, ekatujuan, ekapaksi
juru-	orang yang mahir dalam sesuatu bidang	jurubahasa, juruhebah, jururawat, jurucakap, jurumudi, juruulas, jurujual, jurusolek, juruterbang, juruteknik, juruselam
maha-	agung/ besar	mahasiswa, mahasiswi, maharaja, maharani, mahaguru, maharesi, maha Esa, maha mulia
panca-	lima	pancaragam, pancasila, panca delima, pancaroda, pancalogam, pancawarna, pancapersada, pancaindera, pancalumba
pra-	sebelum	prakata, prasangka, prasejarah, prasekolah, praujian, prauniversiti, prasarana
tata-	sesudah/ peraturan	tatabahasa, tatacara, tatatertib, tatanegara, tatarakyat, tatauusaha, tatususila
tri-	tiga	tricabang, triwarna, tricara, trisuku, triwulan, tribahasa, trijudul, tripenggal, trimakna, trihala

Imbuhan	Makna	Contoh
-ita	wanita/ perempuan	biduanita, posnita, pranita
-man	orang yang pemilik sifat/ orang yang mahir dalam sesuatu bidang	seniman, budiman
-wan	pemilik sesuatu benda/ pemilik sesuatu sifat/ orang yang mahir dalam sesuatu bidang/ orang yang melakukan sesuatu perbuatan	karyawan, jutawan, wartawan, negarawan, sasterawan, sukarelawan, olahragawan, biarawan, cendekiawan, bangsawan
-wati	perempuan yang mahir dalam sesuatu bidang	seniwati, peragawati, olahragawati, sukarelawati

Imbuhan Inggeris		
Imbuhan	Makna	Contoh
anti-	menentang/ benci	antisosial, antikerajaan, antidadah, antisorok, antirokok, antibodi,
auto-	dengan sendirinya	automobil, autogear, automatik, autograf, autonomi
poli-	banyak	poligami, poligon, poliklinik, politeknik, poligram, poliglot
pro-	menyokong/ menyebelahi	prokomunis, prokerajaan, prososialis, proaktif, prodemokratik
sub-	sebahagian/ bahagian- bahagian yang kecil atau di bawah	subtajuk, subbidang, subkelas, substandard, subsistem, subgolongan, subtopik

Dalam penulisan atau binaan ayat, imbuhan asing **maha-** mesti ditulis serangkai dengan kata dasar sekiranya kata dasar tersebut terdiri daripada kata nama.

Contoh: maha + guru = mahaguru maha + siswa = mahasiswa maha + rani = maharani

Dalam penulisan atau binaan ayat, imbuhan asing **maha-** mestilah dijarakkan daripada kata dasar sekiranya kata dasar tersebut terdiri daripada kata adjektif.

Contoh: Maha + Esa = Maha Esa Maha + Mulia = Maha Mulia Maha + Besar = Maha Besar

Dalam penulisan atau binaan ayat, imbuhan asing **anti-** dan **pro-** yang diikuti oleh kata nama khas mestilah dijarakkan daripada kata itu dan diletakkan tanda sempang (-) di antaranya.

Contoh: anti + Jepun = anti-Jepun pro + Malaysia = pro-Malaysia

Cara Penggunaan Templat Kit Analisis Morfologi

Bentuk Golongan	Kata Tunggal	Kata Terbitan	Kata Majmuk	Kata Ganda
Kata Nama	wang; bumi; pintu; kata Akronim JAKIM, cerpen, tadika, pawagam	juruwang; gerigi penyanyi; telunjuk penerbit; gugusan	urus setia; tengah hari; rukun tetangga; temu duga; Timbalan Pengarah	kereta-kereta; lelaki; gegelang; pepohon; saudara-mara
Kata Kerja	ada; balik; datang; mara; terbang; gagal; hancur; mati; tidur	memasak; disapu; mempamerkan; mensyukuri; meng-e-melkan; berangkat; tertawa	terima kasih; ambil alih; tolak ansur; berurus niaga; kemas kini, menandatangani	gelak-gelak; berbisik- bisik; mencari-cari; bersalam-salaman
Kata Adjektif	kuning; terang; kecil; nyenyak; baik	termasyhur; sepandai; kebaratan; kecinaan; kemetot; semerbak	merah jambu; kuning langsung; panjang tangan; ringan tulang; terang hati	kecil-kecil; sepandai- pandai; kemerah- merahan; gelap-gelita
Kata Tugasan	di; tentang; adalah; siapa; kerana; supaya; harus; bukan; tidak; amat; sangat	mengenai; melalui; sesungguhnya; seharusnya; teramat; tersangat		siapa-siapa; sesiapa; kira-kira; berbagai-bagai

PANDUAN MENJAWAB SOALAN MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata hubung**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata hubung** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.

Kemurungan yang didiagnosis secara klinikal, bukanlah perasaan sedih yang biasa. Kemurungan merupakan penyakit perubatan yang melibatkan perasaan sedih yang berpanjangan dan menjejaskan fungsi harian seseorang individu. Penyakit kemurungan berbeza daripada kesedihan biasa. Seseorang individu tidak boleh memandang enteng sekiranya perasaan sedih tersebut berterusan dan mula menjejaskan rutin harian. Perasaan sedih sepanjang hari dan hampir setiap hari dalam tempoh dua minggu, tidak bersemangat atau tidak berminat melakukan aktiviti yang disukai serta mengalami kesukaran untuk tidur. Rawatan awal dapat membantu seseorang individu untuk menjalani kehidupan yang berkualiti.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Gejala Kemurungan: Kesedihan Biasa atau Penyakit?’
 astroawani.com

[8 markah]

Senaraikan kata hubung

- (i) yang
- (ii) dan
- (iii) sekiranya
- (iv) untuk

Bina ayat

- (i) Pertandingan bola baling pada minggu ini terpaksa dibatalkan kerana faktor cuaca yang tidak menentu.
- (ii) Aizat telah membeli dua ekor ayam dan sekilogram udang di pasar malam.
- (iii) Pui Yee akan menyertai pertandingan kawad sekiranya dia berjaya menyiapkan folio seni.
- (iv) Encik Raman akhirnya pulang ke kampung untuk membantu ibu bapanya yang semakin tua.

Perhatian bagi Soalan 1 (Morfologi)

- 1 Berikan 1 markah bagi setiap **kata hubung** yang betul.
- 2 Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata hubung tersebut.
- 3 Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
- 4 Sekiranya beberapa kata hubung telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
- 5 **Kata hubung** salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
- 6 Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
- 7 Sengaja menambah, menggugurkan atau menukar imbuhan pada kata, berikan 0 markah.
- 8 **Kata hubung** digunakan sebagai kata nama khas, kata ganda atau peribahasa, berikan 0 markah.
- 9 Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
- 10 Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
- 11 Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

**PRAKTIS****MORFOLOGI**

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata sendi nama**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata sendi nama** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.

Doktor merupakan satu kerjaya yang menawarkan perkhidmatan merawat orang yang sakit. Keadaan hospital dan klinik kerajaan yang sentiasa penuh dengan pesakit menyebabkan para doktor terpaksa berhadapan dengan beberapa perkara seperti cabaran untuk disaman melalui undang-undang oleh pihak keluarga pesakit. Doktor mempunyai pengkhususan kepakaran dalam satu-satu bidang perubatan seperti kardiologi, endokrinologi, nefrologi dan lain-lain. Tugas seorang doktor termasuklah memeriksa pesakit untuk menentukan keadaan penyakit, menjalankan pemeriksaan perubatan dan menentukan ubat serta rawatan yang sesuai bagi penyakit yang telah didiagnosis. Tugas mereka menjadi lebih sukar dan bertambah berat pada era negara berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Doktor'
oleh Nur Atikawate Erny Md Aris
Dewan Siswa
[8 markah]

Senaraikan kata sendi nama

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

Bina ayat

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- (iv) _____

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata bantu. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata bantu tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.*

Pendidikan Teknik dan Vokasional telah diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu sejak tahun 1900 lagi. Kini, bidang kemahiran ini semakin mendapat tempat di negara kita. Namun, pelaksanaan ini sukar dicapai kerana kebanyakan ibu bapa masih beranggapan bahawa bidang kemahiran hanya untuk murid yang keciciran dalam pelajaran. Bagi mereka, kejayaan akademik anak-anak yang berasaskan peperiksaan awam menjadi keutamaan. Pencapaian jumlah gred A dalam peperiksaan menunjukkan anak-anak mereka berkualiti tinggi dan mampu menjawat jawatan tinggi dalam bidang pekerjaan kolar putih apabila tamat pengajian kelak. Oleh hal yang demikian, stigma masyarakat terhadap bidang kemahiran perlu diubah kerana pengkhususan ini juga dapat membantu kehidupan dan masa hadapan anak-anak muda.

Dipetik dan diubah suai daripada
 'TVET Terus Diperkasa'
 oleh Suliati Asri
www.hmetro.com.my

[8 markah]

Senaraikan kata bantu

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

Bina ayat

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- (iv) _____

- 3 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata kerja pasif. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja pasif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.*

Dalam kehidupan di sesebuah kawasan perumahan, amalan saling membantu dan bekerjasama perlu diamalkan oleh setiap penduduk. Amalan seumpama ini membolehkan kehidupan yang harmoni dapat diwujudkan dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat yang tidak menghiraukan jiran tetangga dan lebih memilih untuk hidup bersendirian. Sepatutnya, hubungan yang mesra dengan jiran perlu dijalinan agar apa-apa masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan bijak tanpa memudaratkan mana-mana pihak.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Program Interaksi KPM Masyarakat'
oleh Wan Nur Zuhaira Ali
Majalah Pendidik

[8 markah]

Senaraikan kata kerja pasif

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

Bina ayat

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- (iv) _____

- 4 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata berimbuhan pinjaman. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata berimbuhan pinjaman tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.*

Dalam era globalisasi, mahasiswa perlu bersifat proaktif untuk menimba ilmu dan kemahiran agar mampu bersaing di alam pekerjaan yang semakin mencabar. Program latihan industri yang dijalankan secara dwitahunan membantu mereka memahami tatacara kerja sebenar di lapangan sekali gus mendedahkan mereka kepada budaya kerja profesional. Contohnya, bidang kejuruteraan menuntut mahasiswa bekerjasama rapat dengan jurutera profesional untuk mempelajari proses kerja yang berteknologi tinggi seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Melalui pendedahan yang komprehensif ini, mahasiswa dapat mempersiapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran insaniah dan pengalaman yang relevan untuk menghadapi cabaran dunia kerjaya yang sentiasa berubah dan berdaya saing.

Sumber: Internet

[8 markah]

Senaraikan kata berimbuhan pinjaman

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

Bina ayat

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- (iv) _____

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata kerja berimbuhan awalan**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata kerja berimbuhan awalan** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.

Usai peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), remaja akan berhadapan dengan persoalan untuk melanjutkan pelajaran atau mencari pekerjaan. Melanjutkan pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi mula dianggap sebagai perkara biasa oleh sebilangan remaja. Mereka mencari jalan mudah dengan bekerja dan fokus pada kemahiran praktikal berbanding dengan akademik. Manakala remaja yang memilih untuk melanjutkan pelajaran pula sedar akan kepentingan pengetahuan, kemahiran dan kelayakan yang lebih tinggi untuk meningkatkan prospek kerjaya dan potensi pendapatan yang lebih baik.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Remaja Cenderung untuk Melanjutkan Pelajaran atau Mencari Pekerjaan?’
oleh Nur Fatin Najwa Shahrudin
Dewan Siswa
[8 markah]

Senaraikan kata kerja berimbuhan awalan

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

Bina ayat

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- (iv) _____

- 6 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata kerja berimbuhan apitan. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja berimbuhan apitan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.*

Usahawan dalam kalangan remaja bukan lagi sesuatu yang luar biasa. Sesungguhnya, pada hari ini, sesiapa yang paling rajin, berani dan cekal boleh menjadi usahawan tanpa mengira usia dan jantina. Hal ini didorong oleh kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang membolehkan sesiapa sahaja yang ingin menjalankan perniagaan dan mengaut keuntungan sangat lumayan malahan tanpa batasan menerusi perniagaan secara dalam talian. Nampaknya, banyak remaja di dunia ini yang bergelar jutawan dalam masa yang pantas sekali. Kita haruslah mencontohi kejayaan luar biasa yang dicapai oleh setiap usahawan pada usia muda.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Usahawan Remaja Berjiwa Kental’
 oleh Fadhli Ali
 Dewan Siswa
 [8 markah]

Senaraikan kata kerja berimbuhan apitan

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

Bina ayat

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- (iv) _____

TOPIK 4

Sintaksis



VIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Templat Kit Analisis Sintaksis

Templat kit ini digunakan sebagai alat untuk memudahkan proses menganalisis ayat mengikut keperluan DSKP. Kit ini merupakan cara menganalisis ayat secara holistik dengan mencerakinkan setiap aspek sintaksis dalam templat sehalaman (One-Page).

Cara Penggunaan Kit Analisis Sintaksis

- 1 Berdasarkan petikan yang disediakan, murid boleh memetakan setiap ayat ke dalam jadual Kit Analisis Sintaksis.
- 2 Murid perlu menganalisis ayat seperti binaan ayat, struktur ayat, pola ayat, susunan, ragam dan jenisnya.

Petikan Contoh:


(1) Pihak majikan perlu menyediakan insentif kenaikan gaji tahunan untuk mengatasi masalah pengangguran. (2) Gaji dan elaun pekerja tempatan juga haruslah lebih tinggi daripada pekerja asing. (3) Kerajaan wajib menguatkuasakan mekanisme kawalan pengambilan pekerja asing secara telus. (4) Kerajaan perlu memberikan pengecualian cukai yang berkaitan kepada belia berumur 30 tahun ke bawah yang menjalankan perniagaan sendiri. (5) Begitu juga dalam bidang pertanian, kerajaan harus memberikan galakan menerusi pembangunan tanah-tanah terbiar.

Analisis Ayat (1)

Isikan ayat pertama daripada petikan ke dalam jadual **Kit Analisis Sintaksis** untuk melakukan proses menganalisis ayat. Murid perlu menganalisis setiap aspek sintaksis langkah demi langkah.

Ayat asal dalam petikan	(1) Pihak majikan perlu menyediakan insentif kenaikan gaji tahunan untuk mengatasi masalah pengangguran.
Subjek	Pihak majikan
Predikat	perlu menyediakan insentif kenaikan gaji tahunan untuk mengatasi masalah pengangguran.
Pola ayat	FN + FK
Susunan ayat	Biasa
Tukarkan susunan (songsang)	Untuk mengatasi masalah pengangguran, pihak majikan perlu menyediakan insentif kenaikan gaji tahunan.
Ragam ayat (jika berkenaan) (aktif/ pasif/ tidak berkenaan)	Aktif
Tukar ragam (jika berkenaan) (aktif/ pasif)	Insentif kenaikan gaji tahunan perlu disediakan oleh pihak majikan untuk mengatasi masalah pengangguran.
Binaan tunggal/ majmuk (jika majmuk, nyatakan jenisnya dan kata hubung yang berkaitan)	Ayat majmuk pancangan komplemen – untuk
Pisahkan ayat (jika asalnya ayat majmuk)	Pihak majikan perlu menyediakan insentif kenaikan gaji tahunan. Pihak majikan perlu mengatasi masalah pengangguran.
Jenis ayat	Ayat nyata

*Murid hendaklah mengulangi langkah yang sama untuk ayat seterusnya (Ayat 2 hingga Ayat 5).



PANDUAN MENJAWAB SOALAN SINTAKSIS

Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina **ayat tanya** dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang **berhuruf condong** dalam ayat-ayat yang diberi.

- (i) *Encik Kamaruddin*, pengarah urusan Syarikat Jaya Murni.
- (ii) Cikgu Azlimah akan berpindah ke Pulau Langkawi pada *akhir bulan ini*.
- (iii) Pertandingan pidato sempena Bulan Bahasa diadakan di *Dewan Sigma*.
- (iv) Biskut dan kek yang dibuat oleh Murni mendapat pujian pembeli kerana *dibuat daripada bahan-bahan yang bermutu tinggi*.
- (v) *Periuk tekanan* Nacca digunakan untuk memasak sup tulang dengan cepat.
- (vi) Penduduk Kampung Damai hidup aman damai *melalui semangat kerjasama dan saling memahami antara mereka*.

[6 markah]

Bina ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul.

- (i) *Siapakah* pengarah urusan Syarikat Jaya Murni?
- (ii) *Bilakah* Cikgu Azlimah akan berpindah ke Pulau Langkawi?
- (iii) *Di manakah* pertandingan pidato sempena Bulan Bahasa diadakan?
- (iv) *Mengapakah* biskut dan kek yang dibuat oleh Murni mendapat pujian pembeli?
- (v) *Apakah* yang digunakan untuk memasak sup tulang dengan cepat?
- (vi) *Bagaimanakah* penduduk Kampung Damai hidup aman damai?


PRAKTIS SINTAKSIS

- 1 *Kenal pasti dan nyatakan jenis ayat perintah di bawah sama ada ayat perintah silaan, ayat perintah larangan, ayat perintah suruhan atau ayat perintah permintaan.*

- (i) Jangan buang sampah di merata-rata tempat sesuka hati anda.
- (ii) Sila serahkan buku latihan Matematik ke bilik guru pada waktu rehat.
- (iii) Awak siapkan tugas yang diberikan itu dengan segera.
- (iv) “Tak usah kamu ambil tahu akan hal aku lagi,” kata Meenal kepada Abirami.
- (v) “Tolong hantarkan bekal makanan ini kepada ayah yang sedang berehat itu,” pinta Zainal.
- (vi) “Jemputlah makan kuih-muih yang terhidang itu,” kata Datuk Amri kepada tetamu yang hadir itu.

[6 markah]

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____
- (v) _____
- (vi) _____

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, gabungkan ayat tunggal yang bergaris dalam perenggan di bawah kepada tiga ayat majmuk tanpa mengubah maksud asalnya.*

Kaedah bimbingan rakan sebaya meninggalkan kesan terhadap pencapaian akademik. Murid berasa lebih selesa dengan rakan sebaya. Oleh itu, mereka dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada bahan pembelajaran. Guru mata pelajaran boleh memadankan pembimbing rakan sebaya dengan murid lain. Murid lain memerlukan bimbingan. Hal ini dikatakan demikian kerana guru mata pelajaran lebih mengenali murid mereka. Penyeliaan guru juga sangat penting. Penyeliaan guru memastikan murid terlibat secara aktif.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Pelaksanaan Kaedah Bimbingan Rakan Sebaya’
Pelita Bahasa

[6 markah]

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- 3 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian **cerakinkan setiap ayat majmuk yang bergaris dalam petikan kepada dua ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.**

Ribuan pesakit memerlukan transfusi darah yang didermakan oleh orang ramai pada setiap tahun. Sel darah merah diberikan kepada pesakit yang memerlukan transfusi darah apabila berlaku pendarahan yang berlebihan. Kecederaan dan penyakit tertentu boleh menyebabkan seseorang itu kehilangan banyak darah. Tanpa bekalan darah yang mencukupi, pesakit boleh berhadapan dengan risiko yang mengancam nyawa. Sebenarnya, pendermaan darah membawa 1,001 manfaat, selain membantu untuk menyelamatkan nyawa orang lain. Pendermaan darah bukan sahaja memberikan kelebihan kepada penerima malah memberikan faedah kesihatan kepada penderma.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Manfaat Derma Darah yang Anda Tak Tahu, Rugi Kalau Abaikan'
sinarplus.sinarharian.com.my

[6 markah]

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- 4 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, kenal pasti **subjek dan predikat** bagi ayat yang bergaris tanpa mengubah maksud asalnya.

Rumah tangga yang sejahtera terbentuk daripada keprihatinan ibu bapa tentang amalan cara hidup sihat dan cergas. Maklumat penjagaan diri dan pemakanan diperoleh daripada beberapa laman sesawang seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri dan Kelab Nutrisi Malaysia. Pemakanan yang seimbang amat penting untuk penjagaan kesihatan. Kita seharusnya mengambil makanan dalam kuantiti yang kecil tetapi berkhasiat. Dapat mengurangkan risiko menghidap beberapa jenis penyakit, pengambilan makanan seimbang dalam diet seharian.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pemakanan yang Sihat'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- (i) **Subjek:** _____
Predikat: _____
- (ii) **Subjek:** _____
Predikat: _____
- (iii) **Subjek:** _____
Predikat: _____

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan biasa** yang bergaris kepada **ayat bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.

Golongan siswa pada masa ini berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam kehidupan. Keadaan ini disebabkan oleh ledakan teknologi yang telah banyak mempengaruhi cara hidup mereka. Walaupun terdapat segelintir siswa yang lalai menggunakan kemudahan teknologi, namun penggunaan teknologi tetap memberikan banyak manfaat kepada mereka. Siswa seharusnya berdaya tahan untuk menangani sebarang perubahan dan tekanan yang mendatang. Perkara ini penting dalam kehidupan siswa agar mereka dapat memperkasakan jati diri untuk mempertahankan kesejahteraan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Peranan Siswa dalam Meraih Kecemerlangan Akademik'
oleh Hafizah Marzuki
Dewan Siswa
[6 markah]

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- 6 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian tukarkan **cakap pindah** yang bergaris kepada **cakap ajuk** tanpa mengubah maksud asalnya.

Mak Temah yang sedang menghidangkan makanan tengah hari melihat suaminya, Pak Zubir tergesa-gesa hendak keluar. Mak Temah bertanya arah tujuan suaminya itu. Pak Zubir memberitahu bahawa dia hendak pergi ke rumah penghulu.

Mak Temah mengajak suaminya makan nasi dahulu sebelum keluar. Namun begitu, Pak Zubir perlu segera berjumpa dengan penghulu untuk membincangkan projek penternakan ikan. Oleh itu, Pak Zubir meminta isterinya makan dahulu dan mengatakan bahawa dia akan makan selepas pulang ke rumah nanti.

[6 markah]

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

TOPIK 5

Penyuntingan



VIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

KEFI

Kata

Ejaan

Frasa

Imbuhan

Teknik KEFI merupakan panduan untuk memudahkan murid-murid mengenal pasti empat jenis kesalahan, iaitu **kesalahan kata atau istilah, kesalahan ejaan, kesalahan frasa, dan kesalahan imbuhan** semasa menyunting petikan.

KEFI	Aspek	Kesalahan	Pembetulan
Kata	Kesalahan penggunaan kata atau istilah khusus mengikut konteks penggunaan	• mengukus air • Baginda bertolak ke Melaka	• menjerang air • Baginda berangkat ke Melaka
Ejaan	• Ejaan kata pinjaman	• mengemailkan	• meng-e-melkan
	• Ejaan kata majmuk (rapat/ pisah)	• pasaraya	• pasar raya
	• Ejaan kata majmuk berimbuhan	• mengulangkaji	• mengulang kaji
	• Ejaan kata ganda berimbuhan	• mengucar-kacirkan	• mengucar-ngacirkan
	• Ejaan akronim	• PUSRAWI	• Pusrawi
	• Ejaan kata ganda (ada tanda "-")/rangkai kata (tanpa tanda "-")	• adik beradik • sanak-saudara	• adik-beradik • sanak saudara
	• Ejaan kata nama	• mee	• mi
	• Ejaan imbuhan pinjaman	• anti-sosial	• antisosial
Frasa	• Frasa nama	• semua murid-murid	• semua murid
	• Frasa adjektif	• nian indah	• indah nian
	• Frasa kerja	• menceritakan tentang kisahnya	• menceritakan kisahnya
	• Frasa sendi nama	• pergi sekolah	• pergi ke sekolah
	• Bentuk jamak	• pelbagai kuih-muih	• kuih-muih
	• Bentuk lewah	• memperlebarkan jalan	• memperlebar jalan
	• Hukum DM	• goreng pisang	• pisang goreng
	• Kesalahan bentuk pasif	• Buku itu dipinjam oleh saya.	• Buku itu saya pinjam.
	• Penggandaan kata majmuk	• ketua kampung-ketua kampung	• ketua-ketua kampung
Imbuhan	• Tidak diberikan imbuhan	• Ibu cuci pinggan.	• Ibu mencuci pinggan.
	• Diberikan imbuhan yang salah	• dipermudahkan	• dipermudah/ dimudahkan

PANDUAN MENJAWAB SOALAN PENYUNTINGAN

Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Program Bimbingan Rakan Sebaya dalam kontek pendidikan merupakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sudah lama diperkenalkan. Strategi bimbingan rakan sebaya didefinisikan sebagai suatu bimbingan pembelajaran secara kolaboratif dalam kalangan individu yang sebaya umur. Pembimbing atau mentor perlu mempunyai ketekunan dan menjalin hubungan yang baik dengan orang yang dibimbing atau mentee untuk menyelesaikan masalah. Di Malaysia, tujuan perjalanan program bimbingan ini adalah untuk mengenal pasti punca tingkahlaku dan sikap dalam kalangan murid. William Fowle seorang ahli kaunseling mensimpulkan bahawa kanak-kanak boleh menjadi mentor yang baik kerana mereka lebih prihatin dan saling hormati-menghormati perasaan masing-masing apabila diberikan tugas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Strategi Bimbingan Rakan Sebaya'

Pelita Bahasa

[6 markah]

Bahan 2

Guru mata pelajaran biasanya lebih mengenali muridnya dan boleh memandankan seorang pembimbing rakan sebaya yang bijak dalam sesuatu mata pelajaran dengan murid yang lemau dalam mata pelajaran tersebut. Sekiranya pemadanan tidak sesuai, murid boleh memilih pembimbing rakan sebaya yang sesuai dengannya. Kaedah ini mampu meningkatkan minat murid di dalam pembelajaran. Kaedah bimbingan rakan sebaya meninggalkan kesan terhadap pencapaian akademik murid kerana mereka merasa lebih selesa dengan bimbingan rakan sebaya. Dalam usaha menjalankan kaedah bimbingan ini, pelibatan murid secara aktif haruslah guru berikan perhatian untuk memastikan penguasaan murid dalam pelajaran.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Strategi Bimbingan Rakan Sebaya'

Pelita Bahasa

[5 markah]

Bahan 1

- (i) kontek – konteks
- (ii) mentee – menti
- (iii) perjalanan – pelaksanaan
- (iv) tingkahlaku – tingkah laku
- (v) mensimpulkan – menyimpulkan
- (vi) saling hormati-menghormati – saling menghormati/ hormat-menghormati

Bahan 2

- (i) memandankan – memadankan
- (ii) lemau – lemah
- (iii) di dalam – dalam
- (iv) merasa – berasa
- (v) guru berikan perhatian – diberikan perhatian oleh guru

PRAKTIS PENYUNTINGAN

- 1 Infografik di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin infografik tersebut.

Langkah Mengatasi



Panggilan Palsu

Penipuan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)

- 1 Tolong jangan hubungi nombor yang diberikan melalui SMS untuk membuat pengesahan. Sebaliknya hubungi pihak agensi yang berkenaan melalui talian bantuan yang diperolehi daripada laman sesawang agensi tersebut.
- 2 Semakan perkataan, ayat dan tatabahasa dalam teks SMS tersebut. Jika terdapat kesalahan, abaikan SMS tersebut.
- 3 Hubungi penyedia perkhidmatan anda untuk menghalang nombor SMS spam yang diterima.

- 1 Jangan panik jika anda menerima panggilan daripada bank atau penguatkuasa undang-undang mengenai masalah tertentu. Katakan bahawa anda tidak boleh bercakap panjang dan minta butiran diri pemanggil demi anda dapat menghubunginya semula. Kemudian, semak kesahihan butiran tersebut. Jika sah, hubungi semula mereka untuk mendapatkan penjelasan lanjut.
- 2 Jangan jawab panggilan telefon daripada nombor telefon negara luar yang pelik dan tidak dikenali.
- 3 Jangan sewenangnyanya memberikan maklumat peribadi yang sulit kepada pihak yang tidak berkenaan.
- 4 Jangan muat turun apa aplikasi sekiranya anda diminta berbuat demikian kerana dikhuatir aplikasi itu mengandungi perisian hasad atau perisian intip yang dapat mendedahkan butiran peribadi anda.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

[11 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____
(vi) _____	_____
(vii) _____	_____
(viii) _____	_____
(ix) _____	_____
(x) _____	_____
(xi) _____	_____

- 2 Menu di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin menu tersebut.

MENU RESTORAN SELERA WARISAN MELAYU	
 Hidangan Utama - Nasi lemak ayam berempah – RM10.90 (Nasi lemak berwangi, sambal ikan bilis, telur rebus, timun, kacang dan goreng ayam berempah rangup) - Nasi kerabu ayam bakar – RM13.50 (Nasi biru dengan ulam-ulaman, sambal kelapa, budu, telur masin dan ayam bakar) - Nasi putih lauk rendang tok – RM15.90 (Daging lembu dimasak menggunakan pelbagai rempah-ratus dan santan pekat)	 Lauk-pauk dan Sayur - Sambal udang petai – RM12.90 - Ayam masak merah – RM11.50 - Asam pedas ikan pari-pari – RM14.90 - Ikan keli berlada – RM10.90 - Sayur lemak labu dan bayam – RM6.90 - Ulam-ulaman – RM5.50
 Pencuci Mulut - Cendol gula Melaka – RM5.50 - Ais kacang istimewa – RM6.00 - Kuih muih tradisional – RM0.50	 Mi dan Sup - Mee rebus – RM9.90 - Laksa utara – RM8.90 - Soto ayam – RM9.50
 Minuman - Teh tarik – RM3.00 - Sirap bandung – RM3.50 - Air barli sejuk/ suam – RM3.00 - Jus tembikai/ mango / oren – RM4.50	
Dibuka pada setiap hari Beroperasi dari 7:00 pagi hingga 10:00 malam Pembayaran secara tunai atau code QR Pembayaran dalam talian diterima oleh kami Datanglah beramai dan nikmati hidangan yang menjilat jari	

[11 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____
(vi) _____	_____
(vii) _____	_____
(viii) _____	_____
(ix) _____	_____
(x) _____	_____
(xi) _____	_____

- 3 Poster di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin poster tersebut.

Vitamin B yang Baik untuk Minda

Otak akan lebih bekerja lancar dan berkesan dengan bantuan vitamin. Vitamin B yang berikut diperlukan untuk memelihara dan meningkatkan keupayaan otak.

B1 Tiamin

- Diperlukan untuk penghadaman karbohidrat.
- Ditukarkan menjadi gula dan memberi tenaga kepada otak.
- Diperoleh daripada makanan seperti oat dan setengah jenis ikan.

- Antara sumber makanan yang membekalkan vitamin ini termasuklah ayam dan kacang mentega.
- Vitamin jenis ini berfungsi sebagai pengukuh keupayaan mental.

B3 Niasin

B6 Piridoksin

- Vitamin jenis ini berfungsi menghasilkan ketenangan diri.
- Antara sumber makanan yang patut diambil adalah hati dan buahan-buahan seperti pisang.

- Membantu pembentukan sel-sel darah yang menyalurkan oksigen ke otak.
- Kekeringannya menyebabkan kita kerap lupa, keliru dan tertekan.
- Terkandung di dalam susu, hati dan keju.

B12 Kolabamin

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

[10 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____
(vi) _____	_____
(vii) _____	_____
(viii) _____	_____
(ix) _____	_____
(x) _____	_____

- 4 *Petikan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

E-sukan memberikan banyak manfaat kepada pemainnya, kursusnya mereka yang menjadikan sukan ini sebagai kerjaya. Ganjaran lumayan bakal menanti pemain e-sukan yang berjaya merangkuli kejayaan. Selain itu, e-sukan turut memberikan faedah pada negara melalui penganjuran pertandingan bertaraf antarabangsa sekaligus meningkatkan jumlah kunjungan pelancong. Keperihatinan kerajaan terhadap perkembangan e-sukan jelas menunjukkan yang sukan tersebut mempunyai potensi untuk memartabatkan nama negara di pesada antarabangsa. Kementerian Belia dan Sukan turut berhasrat bagi menjadikan Malaysia sebagai hub e-sukan di Asia.

[9 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____
(vi) _____	_____
(vii) _____	_____
(viii) _____	_____
(ix) _____	_____

- 5 *Petikan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Nenek saya menggunakan bunga raya putih sebagai alat tuam untuk merawat bisol dan bengkak. Pada sekeliling rumah nenek saya juga ada banyak pokok-pokok kaduk. Saya hampir keliru untuk membezakan di antara daun kaduk dengan daun sirih kerana rupa parasnya hampir sama. Menurut nenek, daun kaduk boleh dijadikan ulam, manakala akarnya digunakan untuk merawat sakit gigi, batuk dan kulat pada kaki. Ketika saya mengalami cirit-birit, nenek mengajar saya untuk menggunakan daun dan pucuk senduduk sebagai penawar. Pucuk dan daun senduduk ini mampu dimakan untuk mengurangkan cirit-birit, manakala air rebusan akarnya pula boleh melagakan sakit gigi dan mengurangkan perut kembung.

[9 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____
(vi) _____	_____
(vii) _____	_____
(viii) _____	_____
(ix) _____	_____

- 6 Surat rasmi di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin surat tersebut.

Persatuan Sejarah,
SMK Maju Jaya,
43800 Dengkil,
Selangor.

Pengarah,
Muzium Negara,
Jalan Damansara,
50566 Kuala Lumpur.

20 Ogos 2026

Tuan,

Memohon Kebenaran Mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Muzium Negara

Dengan hormatnya kami merujuk perkara di atas.

2. Persatuan Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jaya berhasrat untuk melaksanakan lawatan sambil belajar ke Muzium Negara sebagai inisiatif pengayaan pembelajaran dari segi penghayatan dan pemahaman terhadap kronologi sejarah tanahair.

3. Sehubungan itu, kami ingin memohon kebenaran dari pihak tuan untuk menerima kunjungan 40 murid dan empat orang guru pengawal pada ketetapan berikut:

Tarikh : 10 December 2026 (Khamis)

Masa : 9:00 pagi hingga 1:00 petang

4. Lawatan ini bertujuan memperkukuhkan pengetahuan murid dan menyemai rasa cintakan warisan negara serta membentuk jati diri dalam kalangan generasi muda.

5. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami amat hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

khalish

Pengerusi,
Persatuan Sejarah SMK Jaya

[11 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____
(vi) _____	_____
(vii) _____	_____
(viii) _____	_____
(ix) _____	_____
(x) _____	_____
(xi) _____	_____

TOPIK 6

Bahasa Melayu Standard



NOTA EFEKTIF

Ke	Kekal
M	Murni
Tu	Tukar
Gu	Gugur

KeM TuGu

Teknik 'KeM TuGu' digunakan untuk **mengalihkan bahasa klasik kepada bahasa Melayu standard.**

Kekal

- Bilangan ayat/ bilangan perenggan
- Bentuk ayat (contoh: cakap ajuk dikekalkan)
- Susunan ayat (biasa/ songsang)
- Ragam ayat (ayat aktif/ pasif)
- Kata ganti nama diri yang masih digunakan dalam bahasa Melayu standard
- Watak/ peralatan/ tempat
- Bahasa istana

Murni

- Murnikan jalan bahasa klasik yang menyalahi tata bahasa bahasa Melayu standard
- Contohnya: berikan imbuhan, bina ayat yang gramatis dan sebagainya

Tukar

- Tukar kosa kata klasik kepada kosa kata moden
- Contohnya: kepetangan = licik/ cerdik, mustaid = siap, manira = saya/ hamba

Gugur

- Gugurkan kata pangkal ayat tertentu yang tidak membawa maksud khusus
- Contohnya: 'Adapun', 'Maka', 'Hatta', 'Arakian', partikel '-lah' yang tiada makna signifikan, kata 'pun' dan lain-lain

Cara Penggunaan Teknik KeM TuGU

- 1 Mulakan proses dengan **Gu (Gugur)** dengan memotong perkataan yang tidak diperlukan.
- 2 Seterusnya, garisi perkataan yang perlu dikekalkan (**Ke**).
- 3 Jalankan proses **Tu (Tukar)** dengan membulatkan perkataan klasik dan tulis perkataannya dalam bahasa Melayu standard.
- 4 Bubuh kurungan pada bahagian yang perlu dimurnikan (**M**).
- 5 Tulis keseluruhan petikan semula dalam bahasa Melayu standard.

Petikan contoh:

Adapun akan Tun Kudu itu diperisterikan Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja. Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Urutan Proses



Gu



Ke



Tu



M

Bahasa Melayu Klasik	Bahasa Melayu Standard
Adapun akan Tun Kudu itu diperisterikan Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit.	Tun Kudu dijadikan isteri Duli Yang Dipertuan, terlalu cantik rupanya tetapi matanya juling sedikit.
Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian , maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh <u>berhadir akan kahwin</u> dengan Seri Nara Diraja.	Setelah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja itu , maka pada masa itu juga Tun Kudu diceraikan oleh baginda, dihantar ke rumah Paduka Raja, diberi belanja dan disuruh <u>hadir untuk berkahwin</u> dengan Seri Nara Diraja.
Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “ <u>Bagaimana</u> <i>maka</i> datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata <u>dengan bulu</u> kening sudah bertemu?”	Kemudian semua anak buah Seri Nara Diraja <u>berkata</u> , “ <u>Bagaimanakah</u> datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata <u>serta</u> kening sudah bertemu?”

Jawapan lengkap:

Tun Kudu dijadikan isteri Duli Yang Dipertuan, terlalu cantik rupanya tetapi matanya juling sedikit. Setelah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja itu, maka pada masa itu juga Tun Kudu diceraikan oleh baginda, dihantar ke rumah Paduka Raja, diberi belanja dan disuruh hadir untuk berkahwin dengan Seri Nara Diraja. Kemudian semua anak buah Seri Nara Diraja berkata, “Bagaimanakah datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata serta kening sudah bertemu?”


PRAKTIS BAHASA MELAYU STANDARD

- 1 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara Ke Bawah Duli Sultan. Maka baginda pun terlalu suka; maka baginda pun memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing-masing pada kadarnya.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

- 2 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi. Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

- 3 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka tiada disahuti oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[4 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, “Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat.”

Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepeertinya.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

- 5 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, “Mati engkau. Cau Pandan.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[4 markah]

- 6 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Naja Diraja; maka dia pun hadirilah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?”

Maka sembahnya, “Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[4 markah]



NOTA EFEKTIF

Peribahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

Peribahasa	Maksud
Tema 1: Anda Bersih, Anda Sihat	
Belukar sudah menjadi rimba (hal. 9)	Kesalahan yang tidak dapat dibaiki lagi
Tema 2: Sukan dan Rekreasi	
Malang tak berbau (hal. 17)	Kecelakaan yang tidak dapat diketahui sebelumnya
Tema 3: Kerjaya Meniti Jaya	
Duit tepi (hal. 32) – bahasa percakapan	Pendapatan sampingan atau wang tambahan
Tema 4: Bersatu Kita Teguh	
Duduk sama rendah berdiri sama tinggi (hal. 46)	Orang yang sama darjat
Tema 5: Pendidikan untuk Semua	
Masa itu umpama emas/ masa itu emas (hal. 61)	Masa itu sangat berharga
Sudah terhantuk baru tengadah (hal. 68)	Sesudah mendapat kesusahan baru hendak beringat-ingat
Ingat sebelum kena jimat sebelum habis	Selalu berhati-hati supaya tidak tertipu atau kehabisan harta
Nasi sudah menjadi bubur	Sudah terlanjur, tidak dapat diubah lagi
Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna	Sebelum mengerjakan atau melakukan sesuatu hendaklah difikir habis-habis/ fikir masak-masak sebelum berbuat sesuatu supaya tidak menyesal
Tema 8: Melancong Mencari Makna	
Sediakan payung sebelum hujan (hal. 106)	Berwaspada sebelum ditimpa kesusahan
Gading mana yang tidak retak/ tak ada gading yang tak retak	Tidak ada sesuatu yang betul-betul sempurna
Bumi mana yang tidak ditimpa hujan (hal. 107)	Setiap orang pasti pernah melakukan kesilapan
Tema 9: Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan	
Gulung tikar (hal. 120)	Mufis
Tema 11: Dunia Selamat Milik Kita	
Anak buah (hal.144)	Orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga/ pasukan/ kampung atau terletak di bawah tanggungjawab seseorang
Bersekutu Bertambah Mutu (hal. 144)	Bekerjasama antara satu sama lain akan menghasilkan kecemerlangan
Sakit sama mengadu, luka sama menyiu	Sama-sama bertanggungjawab
Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua	Kesilapan yang dilakukan oleh seseorang menyebabkan orang lain menerima akibatnya
Umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat ke pucuk junjung	Tiap-tiap pekerjaan hendaklah dikerjakan mengikut aturannya
Bertakuk ditebang, yang bergaris dipahat	Mengikut peraturan (adat, resam) yang lazim
Tema 12: Kebudayaan, Kesenian dan Estetika	
Air tangan (hal. 157)	Masakan seseorang
Adat dikek, hukum dijunjung (hal.160)	Adat dikuatkuasakan dan undang-undang ditegakkan
Tak lapuk di hujan, tak lekang dipanas (hal.160)	Adat yang tidak berubah, sesuatu yang sudah utuh
Dicabut layu, diubah mati	Tidak dapat diubah lagi (keputusan)

Disuruh pergi, dipanggil datang	Perihal seseorang yang patuh menurut perintah
Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung (hal. 161)	Tiap-tiap perbuatan ada peraturannya, tiap-tiap negeri mempunyai kebiasaannya
Langkah bendul	Adik berkahwin lebih dahulu daripada kakaknya
Tema 13: Jati Diri Warganegara Patriotik	
Jong pecah yu yang kenyang (hal. 173)	Jika ada kerusuhan tentu ada orang yang mendapat keuntungan daripada kerusuhan itu; kerugian bagi seseorang, keuntungan bagi orang yang lain
Tema 14: Citra Bahasa dan Sastera Kita	
Bahasa ibunda (hal. 182)	Bahasa yang dituturkan oleh sesuatu kaum
Celik huruf (hal. 185)	Orang yang tahu membaca dan menulis
Membaca membuka minda (hal. 186)	Membaca memudahkan kita berfikir
Ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk (hal. 188)	Makin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat makin merendah diri
Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji riu sekampung, ikutlah resmi penyu, bertelur seribu tak siapa tahu/ penyu bertelur beratus-ratus senyap, ayam bertelur sebiji riu sekampung	Orang yang berusaha dalam senyap beroleh banyak hasil berbanding dengan hasil yang sedikit diperoleh tetapi diheboh-hebohkan
Melentur buluh biarlah daripada rebungnya (hal. 189)	Mendidik anak-anak biarlah ketika anak itu masih kecil
Nama pena (hal. 190)	Nama yang digunakan oleh penulis pada karyanya
Bahasa Menunjukkan Bangsa (hal. 191)	Bahasa ialah ciri pengenalan atau identiti bangsa
Tema 15: Industri Cemerlang Negara Gemilang	
Bak cendawan tumbuh selepas hujan (hal. 198)	Terlalu banyak pada sesuatu masa
Daripada segenggam, jadi segantang (hal. 205)	Bernasib baik
Di mana air bertakung, di situ ikan berkampung	Di mana-mana tempat berpeluang mencari rezeki, orang akan bertumpu
Senduk besar tak mengenyang	Janji sahaja yang banyak dibuat tetapi tidak ditepati
Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	Orang yang sama sedarjat
Tema 16: Integriti	
Hutang budi/ berhutang budi (hal. 208)	Kebaikan yang diperoleh dan wajar dibalas
Membalas budi	Balas jasa dan berterima kasih
Kurang ajar (hal. 209)	Tidak bersopan, kurang adab, biadab
Orang tua	Ibu bapa
Buah tangan (hal. 210)	Barang yang dibawa sebagai hadiah/ hasil pekerjaan
Darah daging (hal. 212)	Anak dan saudara-mara daripada keturunan sendiri
Ketam mengajar anaknya berjalan betul	Orang yang hanya tahu memberi nasihat tetapi dia sendiri tidak melakukan sedemikian
Baik hati (hal. 217)	Bersikap baik dan penyayang (suka menolong)
Bukit sama didaki, lurah sama dituruni (hal. 221)	Sepakat (seia sekata)
Malang tidak berbau	Kecelakaan yang tidak dapat diketahui sebelumnya
Anak ayam kehilangan ibu	Kesusahan yang dialami oleh seseorang apabila dirinya kehilangan tempat bergantung

PANDUAN MENJAWAB SOALAN PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, berikan **peribahasa** yang sesuai dengan konteks ayat di bawah.

- (i) Seseorang yang sudah berjaya atau senang dalam hidup tetapi melupakan asal usulnya atau jasa orang yang pernah membantunya.
- (ii) Sesuatu perkara biasanya dilebih-lebihkan daripada keadaan sebenarnya.
- (iii) Orang yang sangat dikasihi dan dipelihara dengan sempurna.

[6 markah]

Jawapan peribahasa

- (i) Seperti kacang lupakan kulit
- (ii) Indah khabar daripada rupa
- (iii) Bagai menatang minyak yang penuh

PRAKTIS PERIBAHASA

1 Isi tempat kosong dengan **peribahasa** yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

- (i) “Pasukan kita perlu bersatu hati dan jangan berpecah walau apa-apapun rintangan yang mendatang. Kalau ada yang berpecah, habislah pasukan kita ini ibarat _____,” pesan Ganesan kepada ahli pasukannya.
- (ii) Akibat kerugian yang berterusan dan kegagalan membayar hutang kepada pihak pembekal, akhirnya perniagaan pasar mini Encik Marzuki telah _____.
- (iii) Kemunculan banyak perniagaan makanan segera _____ sama ada bersaiz kecil atau besar telah mengubah corak pemakanan masyarakat serta meningkatkan implikasi kesihatan.

[6 markah]

2 Isi tempat kosong dengan **peribahasa** yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

- (i) Hubungan mesra Datuk Aminuddin dengan penduduk di kampung itu tidak menjejaskan kedudukan beliau sebagai ketua pengarah sebuah syarikat kerana _____.
- (ii) “Maafkanlah kesalahan adik kamu itu kerana dia sudah pun menerima hukumannya. Lagipun _____, kerana kita semua pernah membuat kesilapan,” kata Lim kepada kawannya.
- (iii) Walaupun bantuan makanan yang diterima tidak banyak tetapi mangsa banjir yang berlindung di dewan orang ramai itu tetap membahagikan makanan itu sama rata kerana _____.

[6 markah]

- 3 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Pada suatu malam ibu telah menyuruhku ke kedai runcit. Kebetulan aku ingin ke rumah Tiara kerana hendak meminjam buku latihan Sejarah. Oleh itu, aku keluar untuk dua tujuan sekali gus, bagus juga kerana aku tidak perlu membuang masa. Aku dan Tiara berkawan sejak sekolah rendah. Dia telah kehilangan ayahnya sejak lima tahun lalu. Ibu Tiara terpaksa bekerja keras untuk menyara enam orang anak yang masih bersekolah. Sebagai anak sulung, Tiara rajin membantu ibunya mengurus rumah dan adik-adiknya. Betapa aku bersimpati melihat kesusahan hidupnya, tentulah Tiara dan keluarganya yang menanggung kesusahan itu lebih merasai penderitaan mereka. Namun begitu, mereka tetap tabah mengharungi segala cabaran yang mendatang.

[6 markah]

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- 4 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang **sama maksud** atau **hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.

Pada zaman awal pembinaan negara, rakyat berganding bahu untuk membangunkan kampung dan mengekalkan keamanan. Walaupun terdapat segelintir individu yang suka mengambil kesempatan dan bersikap mementingkan diri sendiri tetapi semangat kerjasama masyarakat tetap utuh kerana mereka percaya bahawa berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Mereka sanggup mengorbankan masa, tenaga dan harta demi kesejahteraan masyarakat kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Dengan semangat sebegini, banyak kejayaan dapat dicapai dan perpaduan itu diwarisi oleh generasi muda sebagai teladan.

[6 markah]

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- 5 *Bagi petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.*

Encik Kassim agak kecewa apabila mendapat tahu projek yang diserahkan kepada anaknya, Shaiful telah terbengkalai. Baginya tentu ada sebab masalah itu berlaku kerana kalau tidak berada-ada, masakan tempua bersarang rendah. Lagipun, beberapa orang pekerjaanya mula mengadu tentang sikap Shaiful yang membuat kerja sambil lewa. Encik Kassim mengarahkan Shaiful menyiapkan projek yang terbengkalai itu dengan sempurna kerana alang-alang mandi biar basah. Beliau tidak mahu seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit sekiranya projek itu gagal disiapkan oleh Shaiful kerana boleh menjejaskan reputasi syarikatnya.

[6 markah]

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- 6 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, bina satu ayat dengan menggunakan peribahasa tersebut.*

Amir seorang murid yang bijak dan sering mendapat markah yang tinggi dalam ujian dan peperiksaan. Namun begitu, Amir tidak pernah bersikap sombong dengan kawan-kawannya yang lemah dalam pelajaran. Sikapnya itu ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk. Amir juga mempunyai tiga orang kawan yang akrab bagai isi dengan kuku. Amir sentiasa menasihati kawan-kawannya supaya sediakan payung sebelum hujan dengan menuntut ilmu bersungguh-sungguh kerana kehidupan ketika dewasa kelak dipenuhi rintangan dan cabaran.

[6 markah]

- (i) **Peribahasa:** _____
Ayat: _____

- (ii) **Peribahasa:** _____
Ayat: _____

- (iii) **Peribahasa:** _____
Ayat: _____

TOPIK 8

Pemahaman [Petikan Umum]

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

SOALAN 6 – PEMAHAMAN PETIKAN UMUM

Bentuk
soalan

- (i) Rangkai kata/ pemahaman berdasarkan petikan
- (ii) Soalan pemindahan maklumat berdasarkan semua bahan
- (iii) Soalan KBAT (pemikiran kritis)
- (iv) Soalan KBAT (penyelesaian masalah)

Panduan Menjawab Soalan

- 1 Baca dahulu bahan-bahan yang diberikan sebelum menjawab soalan.
- 2 Jawapan mesti ditulis dalam ayat yang penuh.

Soalan (i)	- Jika soalan maksud rangkai kata – tukar rangkai kata dengan rangkai kata lain yang sama maksud - Jika soalan pemahaman – pindahkan maklumat daripada bahan
Soalan (ii)	- Fahami kehendak soalan dan jawab mengikut kehendak soalan - Isi mesti menyentuh semua bahan - Tip: Pindahkan maklumat daripada bahan tanpa mengubah maklumat tersebut
Soalan (iii)	Fahami kehendak soalan dengan teliti sebelum mengemukakan jawapan
Soalan (iv)	Fahami situasi/ permasalahan yang diberi sebelum mengemukakan langkah penyelesaian masalah

- 3 Rujuk markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan untuk menentukan jumlah isi jawapan.
- 4 Sekiranya **3 markah**: kemukakan sekurang-kurangnya dua isi.
- 5 Sekiranya **4 markah**: kemukakan sekurang-kurangnya tiga isi.

MODEL SPM TEMA : Pelancongan

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pada tahun 2023, sektor perubatan berjaya menjana hasil melebihi RM2 bilion dengan kehadiran kira-kira 1.3 juta pelancong kesihatan dari rantau Asia dan seluruh dunia. Oleh itu, Malaysia telah diiktiraf sebagai destinasi pelancongan perubatan nombor satu dunia bagi tahun 2025, mengatasi negara terkenal seperti Thailand, Singapura dan Turkiye. Pencapaian tersebut membuktikan keyakinan antarabangsa terhadap sistem kesihatan negara. Pengiktirafan itu diberikan oleh firma global yang berpangkalan di Dubai, iaitu *Nomad Capitalist*. Malaysia berada di tangga teratas berdasarkan kepakaran perubatan serta kemudahan bertaraf antarabangsa. Hal ini menjadikan negara ini pilihan utama pelancong kesihatan dari seluruh dunia. Faktor lain yang menyumbang kepada pengiktirafan ini ialah layanan mesra masyarakat Malaysia. Pencapaian ini sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia di persada dunia, selaras dengan usaha kerajaan mempromosikan pelancongan kesihatan sebagai salah satu sektor strategik negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia Diiktiraf Terbaik Dunia dalam Pelancongan Perubatan'
oleh Liza Mokhtar, *sinarharian.com.my*

Bahan 2

Malaysia Diiktiraf Destinasi Pelancongan Perubatan Nombor Satu di Dunia



Menerusi ranking yang dikeluarkan oleh *Nomad Capitalist*, firma global yang berpangkalan di Dubai

Sektor pelancongan perubatan Malaysia telah menjana lebih RM2 bilion hasil pada 2023.



Menurut laporan itu, faktor Malaysia menjadi pilihan pelancong perubatan antaranya:

- Infrastruktur negara yang maju
- Kos lebih rendah
- Perkhidmatan setanding dengan pesaing-pesaing serantau
- Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas

Ranking 3 Negara Teratas

1. Malaysia

2. Singapura

3. Thailand

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah manfaat pengiktirafan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perubatan nombor satu dunia? [2 markah]

Berdasarkan Bahan 1, manfaat pengiktirafan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perubatan nombor satu dunia termasuklah **membuktikan keyakinan antarabangsa terhadap sistem kesihatan negara dan mengukuhkan kedudukan Malaysia di persada dunia.**

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan faktor-faktor pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perubatan nombor satu dunia. [3 markah]

Berdasarkan Bahan 1, faktor-faktor pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perubatan nombor satu dunia termasuklah **kepakaran perubatan dan kemudahan bertaraf antarabangsa.** Berdasarkan Bahan 2, faktor-faktornya termasuklah **infrastruktur negara yang maju dan kos lebih rendah.**

- (iii) Pelancongan perubatan mendatangkan keuntungan kepada negara, namun mempunyai cabaran untuk menjayakannya.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran tersebut?

[3 markah]

Pada pendapat saya, cabaran-cabarannya termasuklah **perbezaan bahasa dan budaya serta persaingan antarabangsa.** Selain itu, **krisis kesihatan dunia dan perubahan/ perkembangan teknologi.**

- (iv) Anda berhasrat untuk melancong ke luar negara pada cuti sekolah akan datang. Namun demikian, kewangan anda agak terhad.

KBAT

Sekiranya anda tetap ingin meneruskan hasrat tersebut, apakah persediaan-persediaan yang perlu dilakukan sebelum melancong ke tempat tersebut? [4 markah]

Sekiranya saya tetap ingin meneruskan hasrat tersebut, persediaan-persediaan yang perlu saya lakukan sebelum melancong ke tempat tersebut termasuklah **menentukan destinasi yang sesuai dengan kewangan dan merancang tarikh perjalanan lebih awal.** Selain itu, saya akan membeli tiket ketika **harga murah dan membuat tukaran mata wang asing lebih awal.**



PRAKTIS1 TEMA: Kesihatan dan Kebersihan

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Produk farmaseutikal dan kosmetik yang tidak berdaftar merupakan ancaman serius terhadap kesihatan pengguna, khususnya dalam kalangan remaja. Penjualan produk tidak berdaftar sering berlaku secara terbuka dalam platform media sosial, kedai kecil, pasar malam dan pusat kecantikan. Walaupun produk tersebut menawarkan pelbagai manfaat seperti kecantikan segera dan kesan pemulihan pantas, hakikatnya produk tersebut boleh mendatangkan risiko kesihatan yang tinggi kepada pengguna.

Kebanyakan produk yang tidak berdaftar ini mengandungi bahan kimia berbahaya kerana boleh menyebabkan kulit pengguna menjadi nipis, rosak teruk dan meningkatkan risiko penyakit kanser kulit. Di samping itu, penjualan produk tidak berdaftar juga mendorong kepada ekonomi gelap dan amalan perniagaan yang tidak beretika. Dalam usaha untuk menangani isu ini, aktiviti pendidikan seperti ceramah, bengkel dan kempen media sosial aktif dijalankan untuk memastikan golongan muda memahami bahaya produk tidak berdaftar.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Produk Tidak Berdaftar : Risiko Terhadap Kesihatan Remaja’
 oleh Muhammad Nasyaruddin Abd Manaf
Dewan Siswa

Bahan 2

Banyak pengguna mungkin tidak menyedari risiko kritikal yang mengintai di sebalik pembelian produk kesihatan tidak berdaftar. Barangan tanpa pengesahan ini sering kali dicemari kandungan berbahaya seperti steroid dos tinggi serta logam berat yang diimport tanpa proses kawalan kualiti. Antara implikasi kesihatan utama yang direkodkan termasuk gangguan fungsi hati dan kerosakan buah pinggang kekal akibat akumulasi toksin. Tidak kurang seriusnya, reaksi alergi ekstrem seperti dermatitis kronik atau edema yang boleh muncul hanya selepas beberapa kali penggunaan produk tersebut. Oleh itu, setiap pengedar farmaseutikal di Malaysia perlu mendapatkan pengesahan bertulis daripada Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) melalui nombor identifikasi seperti MAL atau NOT.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘KKM Produk Tidak Berdaftar : Bahaya dan Risiko’
prioocare.com/kkm

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, di manakah penjualan produk tidak berdaftar sering berlaku? [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan implikasi-implikasi penggunaan produk kesihatan tidak berdaftar kepada pengguna. [3 markah]

- (iii) Terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab mencampurkan steroid ke dalam produk kesihatan mereka untuk meningkatkan keberkesanan produk tersebut demi keuntungan. Tindakan ini berisiko menjejaskan kesihatan pengguna secara serius.

KBAT

Pada pendapat anda, mengapakah sesetengah pengguna masih memilih untuk membeli produk kesihatan ini walaupun mengetahui risikonya? [4 markah]

- (iv) Anda merupakan seorang pegawai kesihatan. Anda mendapati beberapa orang peniaga telah menjual produk kesihatan yang tidak berdaftar secara terbuka di pasar malam.

KBAT

Sebagai seorang pegawai kesihatan yang bertanggungjawab, apakah tindakan segera yang wajar diambil apabila perkara ini berlaku? [4 markah]



PRAKTIS 2 TEMA: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Baca **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kemerdekaan negara tidak diperoleh dengan cara yang mudah, malah perjuangannya berlaku dalam *suasana yang tegang*. Maka, nilai patriotisme perlu dipupuk agar sentiasa subur dalam diri setiap warganegara, khususnya remaja agar generasi yang bakal menjadi pemimpin negara ini dapat mengekalkan kemakmuran yang dinikmati oleh masyarakat hingga hari ini. Patriotisme akan melahirkan rasa saling memahami dan saling mempercayai dalam kalangan masyarakat yang mendiami sesuatu kawasan, wilayah atau negara. Bahkan, patriotisme dapat memupuk kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Seseorang itu dianggap bersifat patriot apabila tindakan dan amalannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jati Diri Pengukuh Patriotisme Remaja'
oleh Rosiah Othman
Dewan Siswa

Bahan 2

- Amir : Kawan-kawan, apa sebenarnya kepentingan patriotisme?
Siti : Bagi saya, patriotisme sangat penting untuk kita saling memahami budaya masing-masing. Jadi, kita lebih rapat dan harmoni.
Kumar : Betul tu, Siti. Apabila rakyat bersatu, kita tak mudah diprovokasi atau berpecah belah.
Siti : Tapi bagaimanakah pula dengan isu rasuah? Apakah kaitannya dengan patriotisme?
Kumar : Rakyat yang patriotik tak akan buat perkara yang salah terhadap negara.
Amir : Betul tu, saya setuju.

Bahan 3

CINTAILAH TANAH AIR KITA



Mewujudkan
perpaduan kaum

Pemangkin
kemajuan negara

Menaikkan imej
negara

Semangat Patriotik

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *suasana yang tegang*. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3**, terdapat pelbagai kepentingan patriotisme dalam kalangan masyarakat.

Nyatakan kepentingan-kepentingan tersebut. [4 markah]

- (iii) Fenomena kurangnya pengibaran Jalur Gemilang, pengabaian sambutan Hari Kebangsaan serta lunturnya penghayatan sejarah merupakan petanda jelas terhakisnya patriotisme dalam kalangan masyarakat.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan semangat ini dalam kalangan masyarakat? [3 markah]

- (iv) Ketika sambutan Bulan Kebangsaan di sekolah, anda melihat ada beberapa Jalur Gemilang digantung dengan cara yang salah.

KBAT

Sebagai murid yang bertanggungjawab, apakah tindakan-tindakan yang boleh anda ambil untuk menyelesaikan masalah ini? [4 markah]

PRAKTIS 3 TEMA: Keselamatan

Baca **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Aktiviti mendaki gunung merupakan salah satu aktiviti riadah yang kini menjadi trend semasa. Namun, tahukah anda bahawa kebanyakan kejadian malang yang berlaku semasa aktiviti pendakian gunung berpunca daripada kurangnya kesedaran pendaki sendiri? Hal ini berlaku demikian kerana terdapat sesetengah golongan pendaki yang melanggar arahan pihak pentadbir kawasan. Selain itu, maklumat yang tidak tepat tentang struktur tanah di kawasan pendakian turut menjadi faktor yang menyumbang kepada berlakunya kemalangan. Golongan pendaki juga membuat pemilihan kasut serta peralatan pendakian yang tidak sesuai. Perkara ini *mendatangkan risiko* yang lebih tinggi kepada pendaki. Oleh itu, ketika mencari kepuasan pengembaraan, aspek keselamatan perlu diberi keutamaan.


Dipetik dan diubah suai daripada
'Risiko Mendaki: Tingkat Kesedaran Elak Kemalangan'
oleh Nurfarhana Khairi
majalahsains.com

Bahan 2

Baru-baru ini, Malaysia dikejutkan dengan berita kematian seorang pendaki di Puncak Gunung Liang, Perak, ketika melakukan aktiviti pendakian singkat (Trans Slim). Aktiviti pendakian singkat mempunyai pelbagai cabaran dan risiko yang boleh mengundang kemalangan. Antara punca utama berlakunya kemalangan ialah keletihan melampau. Hal ini berlaku demikian kerana pendaki mengejar masa dan kelajuan untuk melengkapkan pendakian dalam tempoh yang singkat. Selain itu, pendaki juga berdepan dengan risiko kurang berehat serta tidur, sekali gus menyebabkan keletihan melampau dan dehidrasi. Oleh itu, pendakian santai ialah pilihan yang lebih selamat berbanding dengan pendakian singkat, khususnya bagi pendaki baharu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pendakian Singkat, Cabaran dan Keperluan Pendaki'
oleh Profesor Madya Dr. Salwa Mahmood
www.bernama.com

Bahan 3



- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai *mendatangkan risiko*.

[2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3**, nyatakan punca-punca yang menyebabkan berlakunya kemalangan ketika mendaki gunung.

[4 markah]

- (iii) Aktiviti sukan lasak semakin digemari oleh masyarakat kini kerana dianggap sebagai riadah yang menyihatkan.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah kebaikan-kebaikan melakukan aktiviti ini?

[3 markah]

- (iv) Anda dan rakan-rakan bercadang untuk melakukan aktiviti berkayak di Tasik Kenyir pada bulan hadapan. Namun, beberapa orang rakan tidak mempunyai pengalaman melakukan aktiviti ini.

KBAT

Sebagai ketua yang dilantik oleh rakan-rakan, berikan cadangan-cadangan persediaan yang perlu dilakukan oleh ahli kumpulan anda.

[4 markah]



PRAKTIS 4 TEMA: Perpaduan

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dalam budaya orang Melayu, perbuatan menjaga tepi kain orang lain merupakan perbuatan yang tidak begitu disukai dan dibenci. Bagaimanapun, sebagai jiran yang bertanggungjawab kita seharusnya mengambil tahu tentang kehidupan insan di sekeliling kita. Sekiranya konsep ini disemai, kita dapat mengambil tahu tentang kehidupan insan di sekeliling kita yang berhadapan dengan kesusahan. Kita juga dapat membantu jika ada dalam kalangan jiran kita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Perbuatan menjaga tepi kain orang lain ini juga penting dalam kejiranan untuk memastikan tiada insan menjadi mangsa perbuatan jenayah yang tidak berperikemanusiaan. Oleh itu, konsep kejiranan bukan sekadar tinggal bersebelahan, malah mencerminkan ikatan sosial yang erat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Jaga Tepi Kain Orang Lain'
www.sinarharian.com.my

Bahan 2

Farah : Amir, kau dengar tak, minggu lepas ada lagi kes kecurian di rumah hujung jalan tu?

Amir : Ya, aku dengar. Risau betul, makin kerap berlaku kecurian sekarang.

Farah : Betul. Selain tu, aku perasan masalah pembuangan sampah yang tak terurus pun makin teruk. Tong sampah penuh dan orang ramai membuang sampah merata-rata. Bau busuk dan banyak lalat.

Amir : Hmm, aku pun nampak, Farah. Kalau dibiarkan, tikus dan nyamuk akan membiak di kawasan kita. Bahaya untuk kesihatan.

Farah : Lagi satu, ada jiran membela haiwan peliharaan tapi dibiarkan berkeliaran. Kadang-kadang masuk ke halaman rumah orang lain.

Amir : Ya Farah, memang mengganggu. Tapi kalau kita ada semangat kejiranan, masalah macam ni boleh dibincangkan dengan baik.

Farah : Betul tu, saya setuju. Semangat kejiranan amat penting untuk membolehkan kita saling membantu ketika kecemasan. Contohnya kalau ada kebakaran atau kecurian, jiran boleh cepat bertindak.

Amir : Selain tu, kita juga boleh menambah kenalan. Jika kita rapat dengan jiran, suasana jadi lebih mesra dan harmoni.

Farah : Setuju. Kalau semua orang ambil peduli, kawasan kejiranan kita akan jadi lebih selamat, bersih dan seronok untuk didiami.

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, senaraikan masalah yang sering berlaku di kawasan kejiranan. [2 *markah*]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kelebihan-kelebihan semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat. [3 *markah*]

- (iii) Semangat kejiranan ialah konsep sosial yang menggambarkan hubungan positif dan saling peduli antara jiran tetapi semangat ini semakin diabaikan. **KBAT**

Pada pendapat anda, apakah sebab-sebab perkara ini berlaku? [4 *markah*]

- (iv) Penduduk di taman perumahan anda semakin jarang bertegur sapa. Aktiviti komuniti seperti gotong-royong dan mesyuarat penduduk tidak lagi mendapat sambutan. Akibatnya, hubungan antara jiran menjadi renggang dan kawasan kejiranan kurang terurus. **KBAT**

Sebagai salah seorang penduduk di situ, bagaimanakah cara anda untuk mengatasinya? [4 *markah*]

PRAKTIS 5 TEMA: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau


Baca **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sedang dunia berlumba-lumba ke arah kelestarian, penggunaan kereta elektrik di Malaysia kini memacu negara ke arah masa depan yang lebih bersih, pintar dan cekap tenaga. Dari jalan raya bandar yang sibuk hingga lebuh raya yang panjang, rakyat Malaysia semakin menerima kenderaan elektrik hasil dorongan kesedaran alam sekitar. Selain itu, insentif dan sokongan padu daripada kerajaan telah menjadikan kereta elektrik di Malaysia lebih mampu milik serta menarik bagi semua lapisan masyarakat. Kereta elektrik yang dikuasakan oleh bateri ini tidak menghasilkan sebarang pelepasan ekzos, sekali gus mengurangkan pencemaran karbon secara drastik. Hal ini menjadikannya salah satu elemen utama dalam rancangan Malaysia untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2050.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memacu Kelestarian: Kebangkitan Kereta Elektrik di Malaysia'
www.motorist.my

Bahan 2



Bahan 3

Kereta Elektrik

Lebih **33,000** unit kereta elektrik di jalan raya setakat September 2024

Tiada pencemaran bunyi

Kos penyelenggaraan lebih rendah



Bahan 2

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, mengapakah rakyat Malaysia semakin menerima kenderaan elektrik? [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3** nyatakan kelebihan-kelebihan menggunakan kenderaan elektrik. [4 markah]

- (iii) Pencemaran alam sekitar seperti pencemaran bau, sisa industri dan sisa elektronik mendatangkan pelbagai kesan buruk kepada negara.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan tersebut?

[3 markah]

- (iv) Pada cuti sekolah yang lalu, anda telah pulang ke kampung datuk anda di Kelantan. Semasa anda dan sepupu berjalan-jalan di kawasan kampung tersebut, anda melihat aktiviti pembakaran sisa kayu yang dilakukan oleh sebuah kilang perabot.

KBAT

Sebagai seorang masyarakat yang prihatin, bagaimanakah anda dan sepupu anda dapat membantu mengatasi masalah ini?

[4 markah]

PRAKTIS 6 TEMA: Pertanian, Penternakan dan Perikanan

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pertanian bandar semakin mendapat perhatian di Malaysia kerana mampu meningkatkan pengeluaran makanan sambil menyokong kelestarian alam sekitar. Dua teknik utama dalam pertanian bandar ialah penanaman tanpa tanah (hidroponik) dan penanaman dengan tanah. Kaedah ini disusun secara menegak untuk memaksimumkan penggunaan ruang. Kebiasaanya pertanian vertikal dalaman dilakukan di dalam bangunan tertutup seperti kilang tanaman untuk tujuan komersial sementara pertanian vertikal luaran dilakukan di kawasan terbuka oleh komuniti atau individu. Antara manfaat lain pertanian bandar adalah untuk mengurangkan pelepasan karbon terutamanya di kawasan bandar. Beberapa buah syarikat dan institusi penyelidikan di Malaysia sudah membangunkan ladang vertikal di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dengan sokongan teknikal daripada Jabatan Pertanian Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Konsep Pertanian Bandar'
oleh Lizam Ridzuan
www.hmetro.com.my

Bahan 2

Secara umumnya pertanian bandar merupakan satu aktiviti untuk menghasilkan bahan makanan, pemprosesan makanan dan pemasaran produk makanan dalam kawasan bandar mahupun pinggir bandar. Pertanian cara ini membantu isi rumah meringankan kos sara hidup kerana aktiviti pertanian dilakukan di kawasan terbiar, sudut atau di ruang kosong atas bumbung rumah. Masyarakat yang menjalankan pertanian bandar secara kecil-kecilan di kediaman masing-masing mampu mendapatkan bahan makanan yang segar dan bebas bahan kimia berbahaya. Oleh itu, tiada tanah atau tanah yang terhad bukanlah *menjadi penghalang* kepada pertanian bandar kerana teknologi yang canggih dalam bidang ini mampu menyelesaikan masalah tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pertanian Bandar Manfaat Besar Buat Masyarakat'
oleh Amirah Syazwani
Dewan Ekonomi

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *menjadi penghalang*. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, terdapat pelbagai manfaat pertanian bandar kepada penduduk di kawasan bandar atau pinggir bandar.

Nyatakan manfaat-manfaat tersebut.

[3 markah]

- (iii) Pada masa ini, penggunaan teknologi moden seperti dron dan penderia pintar semakin signifikan dalam sektor pertanian.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah kesan penggunaan teknologi moden terhadap masa depan sektor ini di Malaysia?

[4 markah]

- (iv) Anda merupakan guru mata pelajaran Pertanian di sekolah. Anda berminat untuk memberikan pendedahan tentang tanaman hidroponik kepada murid memandangkan sekolah mempunyai banyak kawasan lapang yang belum dimanfaatkan.

KBAT

Cadangkan pelan aktiviti yang akan anda lakukan untuk memastikan projek tanaman hidroponik di sekolah berjaya.

[4 markah]

TOPIK 9

Pemahaman [Petikan Sastera]

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

SOALAN 7 – PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA

- 1 Baca dahulu bahan-bahan yang diberikan sebelum menjawab soalan.
- 2 Jawapan mesti ditulis dalam ayat yang penuh.

Soalan (i)	• Jika soalan maksud rangkai kata – tukar rangkai kata dengan rangkai kata lain yang sama maksud • Jika soalan pemahaman – pindahkan maklumat daripada bahan
Soalan (ii)	• Fahami kehendak soalan dan jawab mengikut kehendak soalan • Isi mesti menyentuh semua bahan • Tip: Pindahkan maklumat daripada bahan tanpa mengubah maklumat tersebut
Soalan (iii)	Fahami kehendak soalan dengan teliti sebelum mengemukakan jawapan
Soalan (iv)	Fahami situasi/ permasalahan yang diberi sebelum mengemukakan langkah penyelesaian masalah

- 3 Rujuk markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan untuk menentukan jumlah isi jawapan.
- 4 Sekiranya **3 markah**: kemukakan sekurang-kurangnya dua isi.
- 5 Sekiranya **4 markah**: kemukakan sekurang-kurangnya tiga isi.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN PETIKAN SASTERA

MODEL SPM TEMA: Pertanian, Penternakan dan Perikanan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

- Nuyah : Apa kata, kita jalankan projek ternakan kambing? Permintaannya tinggi.
- Adora : Saya tidak setuju. Penternakan kambing memerlukan kawasan yang luas. Saya fikir, baik kita menternak arnab. Sebab saya suka arnab. Rupa arnab comel, macam saya! (*Sambil membuat riak muka comel*).
- Luqman : Menarik juga cadangan kamu itu, Adora. Teringat pula saya akan kenangan semasa saya melancong di Bandung, Indonesia. Ketika di sana, saya telah makan sate arnab. Dagingnya sangat lembut dan manis.
- Adora : Hmm ... jika begitu, amat sesuaiilah kita memilih arnab untuk projek ini. Arnab hiasan daripada baka *Netherland Dwarf* dan *Holland Lop* yang comel mempunyai potensi untuk menjadi tarikan di taman pertanian. Pada masa yang sama, arnab pedaging daripada baka *New Zealand White* dan *California* pula mempunyai nilai pasaran untuk dagingnya sama ada dijual mentah atau siap dimasak.

Dipetik daripada drama
'Arnab Si Pencuri Hati'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Hakim merancang agar tanah Pak kaduk dapat dimanfaatkan. Dia memutuskan untuk menternak ayam secara pertanian kontrak dengan sebuah syarikat besar. Syarikat ini beroperasi dan terkenal di seluruh dunia sebagai Global Chicken. Global Chicken menubuhkan cawangan di Malaysia dengan nama Rangkaian Jasa Agrikultur atau nama singkatnya RAJA. Hakim membuat keputusan memasuki bidang penternakan berdasarkan beberapa faktor. Dia selalu sangat mendengar para menteri dan pakar ekonomi berkata, “Pada masa sekarang ini kerajaan sangat mementingkan aktiviti pengeluaran makanan. Negara mesti mengeluarkan lebih banyak makanan.”

Sejak dahulu, dia sering mendengar pidato, “Tuan-tuan dan puan-puan, sebahagian besar bahan makanan rakyat kita ialah bahan makanan yang diimport, sedangkan ada ratusan ribu ekar tanah yang terbiar kosong dan tidak produktif. Mengapakah kita bergantung pada beras, ikan, daging, ayam dan sayur-sayuran import? Keadaan ini akan membahayakan kita kalau terjadi sesuatu bencana. Kerajaan mengutamakan bidang pengeluaran makanan kerana ini soal keselamatan negara.”

Dipetik daripada
cerpen ‘Kaduk, Ayam dan Raja’
oleh Zurinah Hassan
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, mengapakah sebahagian besar bahan makanan perlu diimport? [2 markah]

Berdasarkan Bahan 2, sebahagian besar bahan makanan perlu diimport kerana ratusan ribu ekar tanah yang terbiar kosong dan tidak produktif.

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan faktor-faktor seseorang itu memilih haiwan yang akan ditenak. [3 markah]

Faktor seseorang itu memilih haiwan yang akan ditenak dalam Bahan 1 ialah arnab hiasan daripada baka Netherland Dwarf dan Holland Lop yang comel mempunyai potensi untuk menjadi tarikan di taman pertanian. Faktor dalam Bahan 2 ialah kerajaan sangat mementingkan aktiviti pengeluaran makanan.

- (iii) Amalan penternakan haiwan secara lestari merujuk amalan penternakan yang menjaga keseimbangan antara keperluan ekonomi, kesejahteraan haiwan dan kelestarian alam sekitar.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan para penternak mematuhi amalan ini? [3 markah]

Langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan para penternak mematuhi amalan ini ialah kerajaan menggubal dan menguatkuasakan peraturan berkaitan dengan penternakan lestari. Selain itu, kerajaan menawarkan subsidi atau insentif seperti bantuan kewangan, teknologi hijau dan kursus latihan.

- (iv) Hakim merancang agar tanah dapat dimanfaatkan. Dia memutuskan untuk menternak ayam secara pertanian kontrak dengan sebuah syarikat besar. Syarikat ini beroperasi dan terkenal di seluruh dunia sebagai Global Chicken.

KBAT

Sekiranya anda ialah Hakim, selain daripada menternak secara pertanian kontrak dengan sebuah syarikat besar, apakah cara-cara lain untuk berjaya dalam bidang penternakan?

[4 markah]

Sekiranya saya ialah Hakim, selain daripada menternak secara pertanian kontrak dengan sebuah syarikat besar, cara lain untuk berjaya dalam bidang penternakan ialah saya akan menjual hasil ternakan secara e-dagang. Selain itu, saya akan meningkatkan penggunaan teknologi dan inovasi untuk menternak ayam. Seterusnya, saya akan mempelbagai produk sebagai nilai tambah seperti ayam salai dan telur organik.


PRAKTIS 1 TEMA: Kesihatan dan Kebersihan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1
Sajak Si Tukang Urut

Kiropraktor menjajarkan
meletakkan tunjang pada tempatnya
mengelakkan tujahan saraf
yang menyakitkan seluruh badan
zahirnya tidak kelihatan
namun seksanya amat terkesan
berdiri resah, bangun hampir rebah
baring lelah, berjalan pun goyah.

Ubat-ubatan sekadar sementara
mereda keluh-kesah dirasa
kiropraktor mengubat tanpa ubatan
membetulkan jasad asal keadaan
terbukti mujarabnya buat semua
merentas bangsa dan juga usia.

Rahmawati binti Othman

Tampin, Negeri Sembilan

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Noreen, awak tahu tak bahawa bunga raya berwarna putih boleh dijadikan ubat? Nenek saya menggunakan bunga raya putih sebagai alat tuam untuk merawat bisul dan bengkak. Di sekeliling rumah nenek saya juga ada banyak pokok kaduk. Saya hampir keliru untuk membezakan antara daun kaduk dengan daun sirih kerana rupa bentuknya yang hampir sama. Nenek memberitahu saya, daun kaduk boleh dijadikan ulam, manakala akarnya digunakan untuk merawat sakit gigi, batuk dan kulat pada kaki.

Selain itu, nenek turut berkongsi ilmu untuk membuat minyak urut daripada serai. Serai ini bagus untuk mengurangkan sengal-sengal sendi. Di samping itu, minyak serai juga membantu merawat masalah kelemumur pada rambut dan berfungsi sebagai aromaterapi yang dapat meredakan rasa cemas.

Dipetik daripada e-mel 'Herba Jadi Ubat'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3**Gurindam Khasiat Herba**

Jika badan berasa sakit,
Carilah herba tidak menjangkit.

Akar dan daun jadi penawar,
Ratusan tahun mujarab benar.

Minyak kelapa penyembuh sengal,
Urutlah kesakitan jangan ditinggal.

Biar moden penuh teknologi,
Petua lama tetap diguna lagi.

Mikayla

Puchong, Selangor

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan kesan-kesan apabila seseorang itu menghadapi masalah saraf. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, apakah kebaikan-kebaikan merawat penyakit dengan menggunakan kaedah alternatif? [4 markah]

- (iii) Masyarakat dahulu amat yakin akan kemujaraban herba untuk merawat pelbagai penyakit.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor mereka berpandangan sedemikian? [3 markah]

- (iv) Sudah tiga bulan Nek Ton yang berusia 75 tahun mengalami sakit sendi. Nek Ton enggan mendapatkan rawatan di hospital walaupun berulang kali dinasihati oleh cucunya, Alisa. Nek Ton lebih mempercayai perubatan tradisional yang diamalkan sejak kecil seperti urutan menggunakan minyak kelapa dan herba tempatan. Alia sangat risau apabila penyakit sendi Nek Ton semakin teruk dan mula menghadapi kesukaran untuk berjalan.

KBAT

Sekiranya anda ialah Alisa, apakah tindakan-tindakan yang akan anda lakukan untuk mengatasi masalah tersebut? [4 markah]



PRAKTIS 2 TEMA: Bahasa dan Kesusasteraan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sudah tiga tahun Manis berjuang untuk mendapatkan segulung ijazah. Manis anak yang bijak. Sejak Manis menjadi warga sementara di Kuala Lumpur, Manis jarang-jarang sekali pulang ke kampung. Aku merestui niat Manis untuk berjaya dalam pengajiannya, namun aku tidak merestui rasa rindu yang selalu mengganggu emosiku.

Manis, kenapa sudah lama kau tidak menjengah abah? Kau tak rindu akan bunyi gunting abah? Kau tak rindu akan minyak rambut Zam-Zam abah?

Kau tak rindu akan pisau cukur yang pernah tergores di leher jenjangmu? Manis, sudah lapan bulan abah tidak menggunting rambutmu. Betulkah alasan yang selalu kau berikan waktu kita berbual di telefon?

“Manis betul-betul tak dapat balik. Manis sibuk sebab sekarang tahun akhir. Abah janganlah risau, rambut Manis sentiasa pendek dan kemas. Manis gunting di salun rambut Cina.”

Dipetik daripada
cerpen ‘Anak Penggunting Rambut’
oleh Nor Hidayah Asari
dalam antologi *Gema Sepi Gadis Genius*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Teo Wei Sing
Antologi Sejadah Rindu
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah alasan Manis tidak dapat balik?

[2 markah]

(ii) Dengan merujuk **semua bahan**, apakah masalah yang dihadapi oleh kedua-dua warga emas tersebut?

[3 markah]

(iii) Kesibukan menjalani kehidupan seharian sama ada mengurus keluarga, bekerja mahupun belajar di pusat pengajian tinggi menyebabkan ramai anak yang jarang menjenguk ibu bapa mereka yang sudah tua.

KBAT

Pada pendapat anda, nyatakan cara-cara untuk mengelakkan ibu bapa yang sudah tua berasa sunyi.

[4 markah]

(iv) Nenek anda amat merindui bapa saudara dan keluarganya yang sudah lama tidak pulang ke kampung. Bapa saudara anda dan isterinya berjawatan besar serta sangat sibuk dengan kerjaya menyebabkan mereka jarang membawa anak-anak pulang ke kampung.

KBAT

Sebagai cucu yang prihatin, bagaimanakah anda mengubati kerinduan nenek anda itu?

[4 markah]



PRAKTIS 3 TEMA: Perpaduan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pesan Pak Dollah

Negara ini dibina
bata per bata
disimen celik minda
tapaknya teguh sekata
tidak saling curiga
tidak saling wasangka.

Anak,
negara ini milik semua
siapa pun mereka
yang kuat menggalas usaha
yang lemah dibantu tenaga
ras dan warna bukan hak membeda.

Anak,
negara ini pusaka
diwarisi adil saksama
dibangun bersama.

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya. Manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaasuban dan kepentingan diri masing-masing.

Mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah. Lantas masing-masing bangun untuk berjuang menegakkan identiti sendiri.

Saya teringat cerita bonda tentang kota mewah itu yang pernah mencalit sejarah hitam dekad lampau. Sejarah yang meninggalkan parut luka sentimen yang bukan sedikit. Sejarah suram yang berparut duka angkara gelodak emosi dan kesumat yang mengalir dalam dada setiap warganya sejak sekian lama.

Dipetik daripada
cerpen 'Munsi' oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3**Syair Perpaduan**

Negara kita pelbagai bangsa,
Berbeza pandangan perkara biasa,
Jangan dibiarkan menjadi bisa,
Hidup terancam sepanjang masa.

Berbeza budaya bukan halangan,
Jurang kecil dibesar jangan,
Kurangkan iri anjur rundingan,
Harmoni nusa kian berpanjangan.

Kepada orang hendaklah hormat,
Hendak menegur hendaklah cermat,
Bersatu padu itu matlamat,
Jangan dinyala dendam kesumat.

Ghazali Lateh

Kumpulan Syair Negara Tercinta

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, apakah yang memisahkan manusia di kota? [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 3**, nyatakan tindakan-tindakan yang mampu mengekalkan keharmonian negara yang terdiri daripada pelbagai kaum. [4 markah]

- (iii) Peka akan sensitiviti pelbagai kaum di Malaysia merupakan sikap yang perlu ada dalam kalangan rakyat Malaysia.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah jika rakyat berbilang kaum saling menghormati?

[3 markah]

- (iv) Murid di dalam kelas anda terdiri daripada pelbagai kaum. Walau bagaimanapun, sesetengah daripada mereka lebih suka bergaul dengan kaum sendiri.

KBAT

Sebagai guru kelas, apakah langkah-langkah anda untuk menggalakkan interaksi sesama mereka?

[4 markah]



PRAKTIS 4 TEMA: Pendidikan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

- AMIN : Aku dah lama berkecimpung dalam penternakan ayam ini. Serba-serbinya kenalah kita pelajari juga. Kalau tidak, kita akan ketinggalan. Engkau sekarang bagaimana, tak belajar lagi?
- TINI : Sudah tamat, Min. Sebab itu aku balik.
- AMIN : Engkau belum dapat kerja lagi?
- TINI : Bukannya tak dapat kerja, belum buat permohonan apa-apa lagi. Aku fikir malas nak kerja makan gaji. Kerja sendiri lagi baik.
- AMIN : Kerja apa kau nak buat? Di bandar tu banyak peluang kerja untuk kau. Kau ada kelulusan. Takkan dah dapat diploma kau tak mau kerja?
- TINI : Bukan itu masalahnya, Min. Sebenarnya aku ingin buat kerja kampung. Di kampung ni, banyak yang boleh aku buat. Yalah seperti perusahaan kraf tangan, berladang dan menternak seperti kau.
- AMIN : Kerja begini banyak risikonya, Tini. Seperti aku dulu, apabila aku nak mula menternak ayam-ayam ni, aku ditertawakan oleh anak muda kampung kita. Tapi berkat kesabaran dan ketekunan, aku berjaya membuktikan kesahihan kata-kataku.
- TINI : Aku kagum akan semangat dan usaha kau, Min. Sebab itu aku ada keinginan untuk berusaha sendiri. Kerana kau telah membuka jalan untukku berusaha dan membuktikan kemampuan aku kepada masyarakat kampung kita.
- AMIN : Aku hargai semangat dan cita-cita murni kau itu. Memang itulah harapan aku, agar ada anak muda kampung ini yang mengikut jejak langkahku.

Dipetik daripada
drama 'Di Sini Bakti Bersemadi'
oleh Ajis Tuah
dalam antologi *Gema Sepi Gadis Genius*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Gurindam Hati Waja

Jika teguh azam dan cita,
Yang dibuat menjadi nyata.

Jika kauasah potensi diri,
Yang diusahakan pasti menjadi.

Jika ilmu penuh di dada,
Idea terbaik sentiasa ada.

Jika semangat tersemat di dada,
Hasil kaudapat berlipat ganda.

Jika tabah juga semangat,
Tidak rugi menumpah keringat.

Alias bin Deris

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3**Tiada Alasan untuk Kejayaan**

Ombak cabaran kuharungi
 lembah dugaan kutempuhi
 hutan kesulitan kurentasi
 gunung harapan kudaki.

Demi sebuah piala kejayaan
 halangan bukan alasan
 kendala bukanlah rintangan
 diatasi dengan pedoman.

Nur Syakila binti Mohd Isa
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
 Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan punca-punca Tini masih belum bekerja. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan ciri-ciri positif yang perlu ada dalam diri seseorang remaja untuk mencapai kejayaan. [4 markah]

- (iii) Di setiap sekolah atau pusat pengajian pasti akan ada insan yang menghadapi masalah kewangan atau ditimpa kesusahan.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mengatasi masalah tersebut? [3 markah]

- (iv) Sejak kebelakangan ini, rakan baik anda sering kelihatan murung dan tidak bersemangat di sekolah. Dia memberitahu anda bahawa dia berasa tertekan dan hilang motivasi untuk belajar kerana ibu bapanya sering bertengkar di rumah dan suasana keluarganya tidak lagi harmoni.

KBAT

Sebagai rakan yang prihatin, apakah tindakan-tindakan yang akan anda lakukan untuk membantunya? [4 markah]



PRAKTIS 5 TEMA: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pahlawan Kemerdekaan

(kepada pahlawan Pahang)

Pahlawan!
jika hilangmu tanpa pusara
jika pusaramu tanpa nama
jika namamu tanpa bunga
penjajah mengatakan kau derhaka
maka kaulah pahlawan sebenarnya.

Gema seabad silam
Inggeris datang meredah Pahang
bersama peluru bersama senapang
membunuh menangkap setiap pejuang.

Sungai Semantan berubah merah
bukan sarap hilir ke kuala
bukan rakit mudik ke hulu
arus merahnya menjulang mayat
pahlawan bangsa pahlawan rakyat
tujuh liang dadanya tersayat.

Pahlawan!
untukmu derita untukmu penjara
bukan bintang tersemat di dada
semangatmu api negara berdaulat
namamu terukir di jantung rakyat.

Usman Awang

Puisi-puisi Pilihan

Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Ahmad Mutawakkil, sudah jarang-jarang benar balik ke kampung. Perjuangan parti meruntun waktunya dihabiskan di bandar. Tahun 1952, dalam usia 24 tahun, dia dipilih menduduki kerusi pemimpin nombor dua parti di peringkat daerah.

Tidak cukup dengan tanggungjawabnya ke sana sini untuk berceramah, Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar. Dia juga terkenal sebagai wartawan. Tulisannya banyak merangsang orang Melayu untuk bersiap sedia mengisi kemerdekaan.

“Jangan nanti selepas merdeka, kita jadi macam kera mendapat bunga.” Untuk merdeka, katanya, perjuangan bukan setakat mendesak Inggeris berundur.

“Malah, demi mengisi kemerdekaan, kita juga perlu mendesak diri sendiri, mengikis semua tabiat buruk bangsa kita. Kita pasti akan merdeka, dan untuk itu, kita perlu berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit bangsa kita”

Akhirnya, selepas berbulan-bulan lamanya Ahmad Mutawakkil menghilang, satu hari, pecahlah berita tentang kepulangannya. Oleh sebab namanya sebagai wartawan masyhur disebut orang di sana sini, Tuan Booth mahu meraikan kejayaannya itu.

Dipetik daripada
cerpen 'Cinta Ahmad Mutawakkil'
oleh Zainal Rashid Ahmad
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan tanggungjawab-tanggungjawab Ahmad Mutawakkil. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan layanan penjajah terhadap para pejuang. [3 markah]

- (iii) Pahlawan seperti Mat Kilau, Leftenan Adnan dan Tok Janggut sememangnya banyak menyumbang kepada kemerdekaan tanah air.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk memastikan jasa mereka kekal subur dalam kalangan masyarakat? [3 markah]

- (iv) Pada suatu petang, anda dan rakan-rakan telah terbaca rencana tentang luahan seorang pejuang negara yang jasanya dilupakan oleh masyarakat.

KBAT

Sebagai pengerusi Persatuan Sejarah di sekolah anda, cadangkan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk memperingati jasa tokoh-tokoh pejuang negara. [4 markah]



PRAKTIS 6 TEMA: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Tentang Alam

Hidup ini indah,
Seindah mentari pagi,
Hidup ini sesegar rumput menghijau,
Seandainya manusia menghargai alam.

Kini,
Suramnya mentari,
Kaburnya pandangan,
Dedaun menguning,
Gondolnya bukit menyembah bumi,
Kelodak menyekat aliran.

Semua ini,
Kerana rakusnya manusia,
Jahilnya manusia tentang alam,
Mengejar pembangunan,
Menidakkan rintihan alam,
Yang sewajarnya dipertahankan,
Demi manusia sejagat di kemudian hari.

Sedarlah manusia,
Alam ini milik Dia,
Namun tidak selamanya mampu bertahan,
Seandainya manusia alpa,
Tentang alam.

Elizeberth Yanty Anak Liben

Miri Sarawak

Dewan Siswa

Bahan 2

Syair Burung Botak Upeh

Si burung botak upeh punya hikayat,
Beribu tahun termaktub riwayat,
Sejahtera kerana prihatinnya rakyat,
Hidup harmoni sepanjang hayat.

Di dahan pokok berbuat sarang,
Pokok perepat bukan sebarang,
Bebas terbang tiada melarang,
Di kuala dan muara hatinya girang.

Nasibnya kini sudah berubah,
Si burung botak upeh tidak bertambah,
Hutan bakau rakus ditambah,
Sarang si upeh ke bumi menyembah.

Air muara terasa sembilu,
Terbanglah upeh di angin lalu,
Ke negeri damai seperti dahulu,
Mengenang nasibmu terasa pilu.

Dunia ini pinjaman hanya,
Tiada apa kita yang punya,
Kembalikan upeh ke tempat asalnya,
Tugas siapa usah ditanya.

Zuhaa Zayyan

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3

Dalam seketika sahaja hutan dara itu telah ternoda. Kini, hutan itu telanjang polos, sedangkan selama ini busana hijau yang menutupinya. Segala-galanya sirna dalam sekelip mata. Yang tinggal hanyalah serpihan kayu dan tunggul-tunggul mati. Perasaan kesal telah menggores dada Pak Tua. Matanya berkaca-kaca. Beribu-ribu dan mungkin juga berjuta-juta tahun iklim alam mengambil masa menenun busana hijau untuk bumi, tetapi dalam sekelip mata jentolak yang dipandu oleh Pak Tua telah merobek dan mengoyak habis busana rimba. Sesal Pak Tua semakin melebat. Pak Tua cuba meraih kembali ingatannya sewaktu 30 tahun yang lalu. Jemari tangannya terketar-ketar mengurut kerut di dahinya yang menyimpan memori yang begitu banyak. Setitis dua air bening mengalir di sudut kelopak mata.

“Aku ingin kawasan hutan ini kembali rimbun.” kata Pak Tua sendirian sambil memejamkan mata.

Dipetik daripada
cerpen ‘Hutan Rimba’
oleh Sasjira
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, bagaimanakah kehidupan burung botak upeh sebelum hutan dimusnahkan?

[2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan kemusnahan hutan akibat aktiviti manusia.

[4 markah]

- (iii) Hutan amat penting dalam kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memuliharkannya.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah peranan masyarakat untuk mengelakkan kemusnahan hutan di negara ini?

[3 markah]

- (iv) Pada cuti persekolahan baru-baru ini, anda dan rakan-rakan telah mengikuti ekspedisi mendaki gunung yang dianjurkan Kelab Remaja di taman anda. Semasa ekspedisi tersebut, anda dapat melihat kesan-kesan pencerobohan akibat aktiviti penebangan hutan. Anda yakin bahawa penebangan pokok-pokok di kawasan itu dilakukan secara haram.

KBAT

Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda dan rakan-rakan dapat membantu untuk mengatasi masalah ini?

[4 markah]

TOPIK 10

Novel

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

SOALAN 8 – PEMAHAMAN NOVEL

Soalan 8 (i)

- Soalan pemindahan maklumat
- Soalan pemahaman berdasarkan satu petikan novel (salah satu daripada novel-novel tingkatan 4 dan tingkatan 5.)

Soalan 8 (ii)

- Soalan KBAT
- Berdasarkan satu atau dua buah novel yang telah dipelajari.

Panduan Menjawab Soalan

- 1 Untuk soalan (i), baca petikan dengan teliti dan kenal pasti maklumat berdasarkan soalan yang dikemukakan.
- 2 Untuk soalan (ii), fahami kehendak soalan dengan menyatakan peristiwa dan alasan/ ulasan/ huraian berdasarkan kehendak soalan.
- 3 Lihat jumlah markah yang diperuntukkan.
- 4 Jumlah isi bergantung pada jumlah markah.
- 5 Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN NOVEL

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Saya memagar anak sungai itu supaya kelip-kelip ada tempat untuk bersembunyi. Memanglah, pada pandangan luarannya saya seperti mendominasi populasi kelip-kelip di Kuala Selangor. Tapi, saya tiada pilihan lain. Apabila populasi kelip-kelip sudah pulih nanti, saya akan runtuhkan pagar itu.”

Panjang lebar penerangan yang diberikan oleh Muhammad Taufik. Kini, wajah Nurul Hafsa kendur semula setelah mengetahui rahsia di sebalik tindakan memagar anak sungai tersebut.

“Jadi tanah yang dibeli oleh ayah Muhammad Taufik ini ialah tempat perlindungan terakhir untuk kelip-kelip. Bot yang membawa pelancong tidak boleh pergi jauh ke dalam. Jeti bot yang lama pun sudah terlalu terang untuk kelip-kelip. 50 hektar tanah di tebing sungai rahsia itu ialah kubu terakhir untuk kelip-kelip di Kuala Selangor,” kata Budiman seperti membuat kesimpulan.

Dipetik daripada
novel *Bimasakti Menari*,
karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan usaha-usaha Muhammad Taufik untuk memulihkan populasi kelip-kelip.

[4 markah]

Usaha Muhamad Taufik untuk memulihkan populasi kelip-kelip ialah saya memagar anak sungai itu supaya kelip-kelip ada tempat untuk bersembunyi. Di samping itu, apabila populasi kelip-kelip sudah pulih nanti, saya akan runtuhkan pagar itu. Selain itu, tanah yang dibeli oleh ayah Muhammad Taufik ini ialah tempat perlindungan terakhir untuk kelip-kelip. Seterusnya, 50 hektar tanah di tebing sungai rahsia itu ialah kubu terakhir untuk kelip-kelip di Kuala Selangor.

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Tirani karya Beb Sabariah

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** peristiwa yang tidak wajar dicontohi oleh pembaca dan cadangkan penyelesaian bagi masalah tersebut. [6 markah]

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib dan Tirani karya Beb Sabariah. Terdapat beberapa peristiwa yang tidak wajar dicontohi oleh pembaca dalam novel ini.

*Peristiwa yang tidak wajar dicontohi oleh pembaca dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah peristiwa **Guru Besar Steward menghina Pak Saidi dengan mengatakan bahawa orang Melayu memang tidak tahu berbahasa Inggeris dan beliau menganggap Pak Saidi orang miskin**. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi oleh pembaca kerana seorang guru perlulah melayan ibu bapa dengan mesra bukannya menyindir atau menghina.*

*Peristiwa yang tidak wajar dicontohi oleh pembaca dalam novel Tirani ialah peristiwa **Bazilah berprasangka buruk dan cemburu apabila melihat kemesraan hubungan antara Waheeda dengan tunangnya, Dr. Zahari ketika Waheeda menumpang tinggal di rumah Bazilah di Yishun Street, Singapura**. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana sebagai seorang sahabat, dia sepatutnya mempercayai kejujuran dan tidak boleh berprasangka buruk terhadap sahabatnya.*



PRAKTIS NOVEL

Soalan 8 (i)

- 1 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Lama Raidah termenung di tubir katilnya memikirkan, mengenangkan peristiwa yang dirasakan seperti mimpi. Terasa baru semalam perkahwinan Waheeda dengan Zahid. Bagaikan perkahwinan tuan puteri meriahnya; Puteri Cinderella dan Putera Charming, *marriage of the year* menurut mat salih pelanggan Tajau Emas yang turut hadir.

Kini, menantu semakin menjauhkan diri. Sirna kemesraan. Dua tahun lalu tidak pernah terlintas di dalam kepalanya bahawa dia bakal menjadi besan ahli korporat yang sangat berpengaruh di Bandar Raya Kuching. Dengan bermenantikan seorang peguam yang bijak bercakap merangkap pengurus kewangan syarikat abahnya seakan-akan melengkapkan kehidupan anak gadis kesayangan. Namun betullah, manusia tidak tahu apa-apa yang akan terjadi esok, fikirnya. Tidak semua dirancang berlaku seperti yang dirangka. Manusia boleh merancang, namun Allah yang menentukan.

Dipetik daripada
novel *Tirani*
oleh Beb Sabariah
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan perkara-perkara yang tidak pernah terlintas di fikiran Raidah dua tahun lalu.

- 2 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan menggantikan lampu-lampu yang jarang digunakan dengan lampu yang menggunakan teknologi pengesanan pergerakan. Lampu akan menyala hanya apabila ada orang melalui kawasan tersebut.”

Penerangan Muhammad Taufik berhubung hal itu diiringi dengan persembahan video yang menunjukkan cara lampu dengan pengesan pergerakan berfungsi. Selagi manusia melalui kawasan itu bergerak, lampu akan terpasang. Apabila pengesan pergerakan tidak boleh mengesan pergerakan kerana objek sudah berada jauh, lampu akan terpadam secara automatik. Manakala lampu-lampu lain yang berada hampir dengan objek bergerak itu pula akan terpasang. Sekali pandang, video yang menunjukkan seorang lelaki berjalan di taman sunyi dengan lampu terbuka dan tertutup sendiri itu seperti sebuah filem seram.

Dipetik daripada
novel *Bimasakti Menari*
oleh Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bagaimanakah lampu yang menggunakan teknologi pengesanan pergerakan berfungsi?

- 3 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Saya nak beli novel. Jom ke kedai itu,” ajak See Hwa sambil menunjukkan ke arah sebuah kedai buku.

Haiqal tidak pula membantah. Mereka berjalan beriringan. Kedai buku itu terletak di antara kedai solek dengan kedai pakaian. Kedai itu sederhana besarnya, namun buku-buku yang dijual tersusun kemas mengikut kategorinya. Kebanyakan buku yang dijual ialah buku rujukan dan buku latihan untuk peperiksaan. Bahagian novel pula terletak di suatu sudut di dalam kedai itu dan bersebelahan sudut majalah.

Sementara See Hwa memilih-milih novel yang hendak dibelinya, Haiqal pula lebih berminat membelek-belek majalah keluaran terbaharu di kedai itu. Dia membuat keputusan untuk membeli beberapa buah majalah yang berkaitan bahasa dan sastera. Dia kurang tertarik dengan majalah-majalah yang berunsur hiburan.

Dipetik daripada
novel *Silir Daksina*
oleh Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bagaimanakah keadaan di dalam kedai yang dikunjungi oleh See Hwa dan Haiqal?

- 4 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Apa yang abang fikirkan,” sela satu suara di sisi. Dia tersenyum dan isterinya duduk di sebelah. Kemudian, mereka saling memandang di depan.

“Nampaknya emak masih tak suka akan kita,” luah Embong.

“Kita susah bang. Tentulah tak suka kerana kita tak macam anak-anak yang lain. Berkereta besar, selalu ajak makan angin, malah selalu menghulur wang,” luah Saleha. “Tapi insya-Allah, kalau anak kita menjadi, mudah-mudahan sifatnya berubah. Adakah selama ini abang berkecil hati mulut emak bising?”

“Kecil hati memanglah tapi orang tua Leha, buat apa fikirkan sangat. Cuma yang abang hairan dari kita kahwin sampai sekarang, tak pernah nampak emak suka. Abang tak kisah lah. Memang abang tak ada harta dan kedua-dua orang tua pun dah tak ada, tapi kasihan anak-anak kita tak diumpamakan sebagai cucu.”

Dipetik daripada
novel *Songket Berbenang Emas*
oleh Khairuddin Ayip
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan sebab-sebab emak Saleha tidak suka akan keluarga Embong dan Saleha.

- 5 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sebenarnya apabila teringat akan Ai Ling, aku akan teringat akan Aiman juga. Mereka seusia, cuma Aiman tua sehari sahaja daripada Ai Ling. Melihatkan Ai Ling, terubat juga rinduku terhadap Aiman. Telatah Ai Ling terus bermain-main di mataku. Anak bongsu Tauke Lim itu bukan sahaja periang, malah manja.

Kopi O yang telah kubancuh tadi kini kuhirup. Kebelakangan ini payah benar mataku hendak lelap. Lantaran itu, aku hanya duduk di anjung rumah. Kadang-kadang aku menandai pelbagai buku latihan anak-anak didikku ataupun aku juga menulis rancangan pelajaran dalam buku rekod mengajarku. Kadang-kadang aku akan bersembang dengan Tauke Lim. Kadang-kadang pula aku menulis puisi atau cerpen. Malam yang hening benar-benar mendamaikan. Ilham adakalanya datang seperti hujan lebat yang turun menyirami bumi. Namun, adakalanya ilham seperti memerah kain kering.

Dipetik daripada
novel *Silir Daksina*
oleh Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh ‘aku’ ketika sukar melelapkan mata.

- 6 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

‘Pembedahan plastik, hmm ... perkataan magis, jika boleh rasa nak buat sekarang juga,’ bisik hati berbaur dengan keseronokan yang semakin sukar dibendung. Waheeda berasa amat teruja. Sambil menarik nafasnya dalam-dalam, matanya terus melekat pada skrin. Obsesi Waheeda semakin melonjak-lonjak. Keinginan melakukan pembedahan plastik pada wajahnya begitu membuak-buak. Kecantikan ialah naluri semesta; kecantikan satu kekuasaan yang boleh membuka pintu yang tertutup. Waheeda semakin tergoda oleh iklan di www.cosmetic_cr.com. Baginya kecantikan ialah ruang dan peluang membina keterampilan diri.

“Kecantikan asli ciptaan Tuhan mesti dipelihara, bersyukur lah Eda. Janganlah sekali-kali engkau cuba mengubah ciptaan-Nya.” Bisikan Raidah, emak tersayang terus singgah dalam benaknya. Ungkapan Raidah yang banyak kali diucapkan dan setiap kali disuarakan bersalut dengan sebak itu lantas menakung air jernih pada mata Waheeda. Agak lama juga dia duduk di meja perhiasan menghala cermin muka. Mata kuyunya meneliti wajah, dari suak dahi ke tebing dagunya.

‘Aku bukan nak mengubah,’ bisik hati Waheeda. ‘Aku hanya ingin membaiki, memulih serta menjaga kekemasan diri. Bukan kerana tidak puas. Bukankah Allah juga suka akan kecantikan?’

Dipetik daripada
novel *Tirani*

oleh Beb Sabariah
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan sebab-sebab keinginan Waheeda melakukan pembedahan plastik pada wajahnya semakin membuak-buak.

Soalan 8 (ii)

Jawab soal-an-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
(b) Tirani karya Beb Sabariah

- 1 Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menunjukkan wujudnya kerjasama dalam kalangan masyarakat.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

- 2 Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang dapat menarik minat anda untuk meneruskan pembacaan.
- 3 Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang dapat meningkatkan keberanian diri pembaca.
- 4 Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat memberikan kesan mendalam kepada pembaca.
- 5 Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang membuktikan berlakunya kepincangan dalam masyarakat yang perlu diselesaikan.
- 6 Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang memberikan inspirasi kepada pembaca untuk mencapai kejayaan dalam hidup.

TOPIK 11

Rumusan

VIDEO ULASAN
JAWAPAN



VIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

SOALAN 9 – RUMUSAN

- 1 Calon diberikan dua atau tiga bahan daripada pelbagai sumber yang berbeza.
- 2 Semua bahan yang diberikan mempunyai tema yang sama.
- 3 Bahan petikan mempunyai tidak kurang daripada dua fokus.
- 4 Calon perlu mengenal pasti semua fokus yang terdapat dalam semua bahan.

Panduan Menulis

Pendahuluan

Pendahuluan perlu mengandungi tema dan fokus yang terdapat dalam bahan.

Isi/ Fokus

- Perlu mengemukakan sekurang-kurangnya lapan isi daripada bahan yang diuji.
- Ambil sekurang-kurangnya satu isi daripada setiap fokus yang terdapat dalam setiap bahan.
- Semua isi berdasarkan pemindahan maklumat sahaja kecuali bahan puisi.
- Isi bahan puisi mestilah diubah menjadi ayat bahasa Melayu standard yang gramatis (jika isinya tersirat)

Kesimpulan

Ditulis dalam satu ayat yang mengandungi tema, cadangan, kata kerja pasif, harapan dan kesan positif (huraian).

PANDUAN MENJAWAB SOALAN RUMUSAN

MODEL SPM TEMA : Sukan dan Rekreasi

Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

E-sukan didefinisikan sebagai sukan berasaskan permainan komputer yang dimainkan oleh pengguna, termasuk pemain profesional. E-sukan pernah mencipta fenomena apabila permainan *League of Legends* mencatatkan lebih daripada 100 juta pemain di seluruh dunia. Hal ini telah membuka mata masyarakat tentang kewujudan e-sukan. E-sukan yang terdiri daripada permainan kompetitif turut dipertandingkan pada peringkat Sukan Asia 2018, Sukan SEA 2019 dan Sukan Olimpik 2021. Oleh itu, banyak penggiat e-sukan di Malaysia telah membuktikan bahawa sukan ini bukanlah aktiviti yang sia-sia.

Jika dilakukan dengan cara yang betul, e-sukan mampu memberikan keuntungan kepada para pemainnya. Tambahan pula, beberapa orang pemain e-sukan yang melakukan penstriman langsung telah menjadikan bidang ini sebagai kerjaya. Pencapaian mereka pada peringkat antarabangsa pula telah berjaya mengharumkan nama Malaysia. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa arena e-sukan bukanlah arena yang boleh diperlekehkan. Seterusnya, e-sukan juga berpotensi membuka peluang pekerjaan baharu pada masa hadapan sebagai jurulatih, pengurus pasukan, pengulas permainan, pereka grafik, penulis skrip permainan dan jurutera perisian.

Walaupun e-sukan berkembang pesat, sukan ini tidak terlepas daripada cabaran. Isu keselamatan siber merupakan isu terbesar dalam usaha mengetengahkan sukan ini kepada masyarakat. Selain itu, masalah kesihatan mental pemain turut menjadi kebimbangan kepada penggiat sukan ini. Begitu juga dengan kandungan

yang tidak sesuai boleh menjadi penghalang kepada perkembangan positif e-sukan. Namun begitu, banyak cabaran ini dapat diatasi dengan kemajuan teknologi serta pengurusan yang semakin baik.

Masa depan e-sukan kelihatan cerah dengan inovasi berterusan dalam teknologi dan penambahan platform baharu sekali gus mengubah landskap hiburan moden. Oleh hal yang demikian, e-sukan berpotensi untuk terus berkembang menjadi satu bentuk hiburan utama yang mampu menyatukan masyarakat global. Dengan pertumbuhan pesat dan potensi besar, tidak hairanlah jika e-sukan akan terus menjadi bahagian penting dalam dunia digital dan budaya popular.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Potensi E-Sukan di Malaysia'
oleh Mudina Mokhsin
dewanmasyarakat.jendeladbp.my

Bahan 2



Bahan 3

E-SUKAN DI MALAYSIA



Teknologi sentiasa berubah



Kurang dana dan tajaan



Kurang infrastruktur

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan **kebaikan-kebaikan/ manfaat manfaat/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan e-sukan** dan **cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan e-sukan**.

Fokus 1: kebaikan-kebaikan/ manfaat manfaat/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan e-sukan**Bahan 1**

A1	mampu memberikan keuntungan kepada para pemainnya
A2	pemain e-sukan yang melakukan penstriman langsung telah menjadikan bidang ini sebagai kerjaya
A3	pencapaian mereka pada peringkat antarabangsa pula telah berjaya mengharumkan nama Malaysia
A4	membuka peluang pekerjaan baharu
A5	menjadi satu bentuk hiburan utama yang mampu menyatukan masyarakat global

Bahan 2

B1	dapat mencungkil bakat seseorang dalam permainan berasaskan komputer
----	--

Fokus 2: cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan e-sukan**Bahan 1**

C1	isu keselamatan siber
C2	masalah kesihatan mental pemain
C3	kandungan yang tidak sesuai

Bahan 2

D1	mereka akan ketagih
----	---------------------

Bahan 3

E1	teknologi sentiasa berubah
E2	kurang dana dan tajaan
E3	kurang infrastruktur

Penutup:

Kesimpulannya, e-sukan perlu diperluas agar dapat melahirkan banyak pemain berbakat.

Rumusan Lengkap

Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan e-sukan dan cabaran-cabaran e-sukan di Malaysia.

Kebaikan e-sukan ialah sukan ini mampu memberikan keuntungan kepada para pemainnya. Selain itu, pemain e-sukan yang melakukan penstriman langsung telah menjadikan bidang ini sebagai kerjaya. Pencapaian mereka pada peringkat antarabangsa telah berjaya mengharumkan nama Malaysia. Seterusnya, e-sukan juga membuka peluang pekerjaan baharu dan menjadi satu bentuk hiburan utama yang mampu menyatukan masyarakat global. Seterusnya, e-sukan dapat mencungkil bakat seseorang dalam permainan berasaskan komputer.

Cabaran-cabaran e-sukan pula ialah isu keselamatan siber dan masalah kesihatan mental pemain. Malah, kandungan yang tidak sesuai dan mereka akan ketagih. Di samping itu, teknologi e-sukan sentiasa berubah, kurang dana dan tajaan serta kurang infrastruktur.

Kesimpulannya, e-sukan perlu diperluas agar dapat melahirkan banyak pemain berbakat.

(118 patah perkataan)

PRAKTIS 1 TEMA: Integriti

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal setiap bahan.

Bahan 1

Dalam usaha memantapkan perpaduan dan keharmonian kaum, wujud pula isu serta sentimen yang tersebar dalam media sosial yang boleh mengancam perpaduan dan keselamatan negara. Media sosial dijadikan gelanggang untuk menyemai kebencian serta menimbulkan prasangka dan amarah. Pihak tertentu mula berani menyebarkan kandungan sensitif seperti perkauman, agama dan institusi diraja. Keadaan ini seolah-olah nilai murni mula terhakis dan dipandang sepi oleh pihak yang sengaja mengadu domba untuk menebalkan kebencian antara kaum.

Perkara ini sering diingatkan oleh pihak pemerintah agar masyarakat terus mengamalkan nilai-nilai murni yang telah dipasakkan sekian lama. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai murni dapat memartabatkan masyarakat untuk menjadi masyarakat kelas pertama yang berteraskan prinsip mulia sama ada dalam agama, komuniti bangsa mahupun negara. Sekiranya seseorang individu diterapkan dengan nilai murni seperti hormat-menghormati, jujur dan amanah, secara tidak langsung akhlak mulia dapat dibentuk.

Secara peribadi, lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya generasi muda. Oleh itu, kempen untuk mempromosikan nilai-nilai murni perlu dilakukan dengan lebih kerap. Kempen sebegini wajar dimulakan di sekolah yang menjadi tempat nilai-nilai murni disemai dan diamalkan. Usaha untuk memugar kembali nilai-nilai murni dalam kehidupan bermasyarakat amat memerlukan pelibatan serta penyertaan semua pihak. Pada masa yang sama, penekanan perlu diberikan kepada ibu bapa agar meluangkan lebih banyak masa untuk mendisiplinkan dan membesarkan anak-anak. Mereka perlu memastikan anak-anak tidak melanggar undang-undang lalu lintas atau terlibat dalam penyalahgunaan dadah serta gejala sosial yang lain.

Selain itu, Pendidikan Moral di sekolah perlu dikukuhkan dengan penekanan terhadap kepentingan pembelajaran dan pengamalan 36 nilai murni. Tindakan menghafal 36 nilai murni hanya untuk lulus peperiksaan tidak sepatutnya berlaku kerana murid seharusnya menjadikan nilai tersebut sebagai amalan seharian. Kita tidak mahu rakyat Malaysia dianggap hanya mampu bekerja keras untuk mengejar pembangunan dan pemodenan tetapi gagal untuk memenuhi tanggungjawab sivik dengan mengamalkan nilai-nilai murni. Sudah tiba masanya untuk semua pihak melakukan perubahan tingkah laku.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pemuliharaan Alam Sekitar Tanggungjawab Kita'
www.mkn.gov.my

Bahan 2



Menguatkan Perpaduan Kaum
Toleransi dan saling menghormati menjadikan masyarakat majmuk lebih harmoni.

Mengurangkan Gejala Sosial
Nilai murni dapat menghindarkan masyarakat daripada terlibat dengan pelbagai masalah sosial.

Menjamin Keselamatan Negara
Rakyat yang berakhlak mulia tidak mudah terpengaruh dengan isu yang boleh mengugut keamanan negara.

Bahan 3

Pantun Nilai Murni

Nasi dijemput lalu dijamah,
Makan bersila di atas tikar;
Didikan awal bermula di rumah,
Nilai murni berkembang mekar.

Tumis bawang dengan halia;
Hendak dimasak rendang kerang;
Ibu bapa beri teladan mulia,
Anak dibimbing ke jalan terang.

Pagi hari pergi ke bendang,
Pulut tanak dibuat bekal;
Harus kita patuhi undang-undang,
Agar nilai murni terus kekal.

[illegible]

PRAKTIS 2 TEMA: Pertanian, Penternakan dan Perikanan

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Tanaman hidroponik semakin popular dalam kalangan penduduk bandar yang gemar bercucuk tanam. Hal ini disebabkan oleh kaedah penanamannya tidak memerlukan tanah dan sesuai untuk pelbagai jenis sayuran. Banyak penduduk bandar mula bercucuk tanam di ruang yang kecil seperti balkoni atau dapur. Mereka juga tidak perlu membeli tanah untuk tanaman kerana kaedah ini hanya menggunakan air dan larutan nutrisi sebagai medium utama. Oleh hal yang demikian, kaedah ini terbukti lebih efisien, bersih serta mengeluarkan hasil yang segar dan konsisten sepanjang tahun. Selain itu, kekurangan tanah subur di kawasan bandar juga menjadikan sistem hidroponik sebagai alternatif lestari yang menyokong gaya hidup hijau dan keselamatan makanan tempatan.


Untuk mengusahakan tanaman hidroponik, beberapa persediaan asas perlu dilakukan agar sistem berfungsi dengan baik dan tanaman tumbuh secara optimum. Perancangan awal sangat penting untuk pemilihan ruang dan sistem yang sesuai serta pengurusan nutrisi. Langkah pertama, pilih kawasan yang menerima cahaya matahari sekurang-kurangnya lima hingga enam jam sehari, seperti balkoni, halaman kecil atau ruang belakang rumah. Kawasan tersebut juga perlu mempunyai pengaliran udara yang baik dan mudah diakses untuk penyelenggaraan sistem air serta nutrisi. Kemudian, pilih peralatan yang diperlukan seperti bekas tanaman dan span semaian, tangki nutrisi, pam air dan paip PVC serta sistem paip atau rak untuk menyokong tanaman. Seterusnya, pilih media tanaman yang sesuai dengan sistem yang digunakan. Media tanaman ini berfungsi untuk menyokong akar dan membantu penyerapan larutan nutrisi. Langkah berikutnya, penyediaan larutan nutrisi hidroponik dan kawalan kualiti air yang merupakan faktor utama pertumbuhan tanaman. Meter digital digunakan untuk pemantauan berkala dan penggantian air setiap satu hingga dua minggu.

Bagi mereka yang ingin menjadikan tanaman hidroponik sebagai sumber pendapatan, pulangan modal boleh dicapai dalam tempoh tiga hingga enam bulan untuk sistem berskala sederhana. Tambahan pula, hasil tanaman hidroponik berkualiti tinggi untuk pelanggan bandar yang menekankan aspek kesihatan. Dengan penjagaan yang konsisten dan pemahaman asas nutrisi, setiap individu berpotensi mengusahakan tanaman sendiri yang lestari, bernilai ekonomi dan menyumbang kepada keselamatan makanan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Cara Tanam Hidroponik di Rumah'
oleh Haris Zulkifli
www.floramalay.my

Bahan 2

Kelebihan Tanaman Hidroponik



Pertumbuhan lebih cepat



nutrisi diserap terus oleh akar tanpa halangan tanah

Penjimatan air



air kitar semula digunakan dalam sistem tertutup

Kawalan penyakit



risiko jangkitan tanah seperti kulat atau nematod berkurang

Ruang minimum



sesuai untuk kawasan bandar atau rumah pangsapuri

Bahan 3

- Cikgu Zamri : Kita akan mulakan projek penanaman hidroponik pada minggu hadapan. Jadi semua perlu bersedia ya.
- Nuha : Cikgu, apakah yang perlu kami lakukan sebelum mulakan projek ni?
- Cikgu Zamri : Cari lebih banyak maklumat tentang penanaman hidroponik menerusi Internet.
- Adli : Kita juga perlu mengenal pasti jenis tanaman yang sesuai untuk ditanam. Betul ke cikgu?
- Cikgu Zamri : Ya, betul tu Adli. Kenal pasti dulu jenis tanaman yang sesuai. Ingat, ilmu tentang penanaman hidroponik sangat penting untuk menjayakan projek kita ni nanti.
- Nuha : Baik cikgu, kami faham.

PRAKTIS 3 TEMA: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Salah satu hutan yang terdapat di Malaysia ialah hutan paya bakau yang banyak tertumpu di kawasan pantai berselut dan di muara sungai. Hutan paya bakau merupakan salah satu ekosistem yang terpenting di negara ini kerana berfungsi sebagai habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna. Pelbagai spesies pokok bakau yang tumbuh di hutan ini seperti bakau kurap, bakau minyak, pelbagai jenis tumu dan nyirih. Habitat yang banyak tinggal di kawasan ini pula seperti monyet, ular, memerang, burung, pelbagai jenis kerang, krustasia dan juga ikan. Hal ini menjadikan hutan paya bakau sebagai sebuah kawasan yang mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi.

Selain berfungsi sebagai habitat semula jadi pelbagai spesies flora dan fauna, hutan paya bakau turut berperanan sebagai pelindung semula jadi bencana alam seperti tsunami, ombak besar serta ribut. Hutan paya bakau mampu menyerap gelombang besar ombak serta angin kencang seterusnya membolehkan kawasan pesisiran pantai yang dilitupi hutan paya bakau selamat daripada impak bencana. Di samping itu, hutan paya bakau juga berupaya menyerap sumber karbon lebih tinggi berbanding dengan hutan-hutan lain yang terdapat di negara ini. Produktiviti biologi hutan bakau yang tinggi membolehkannya menyerap lebih banyak karbon dioksida di atmosfera dan menukarkannya kepada bahan organik.

Seiring dengan masa, hutan paya bakau kini berdepan dengan ancaman kemerosotan fungsinya akibat tuntutan pembangunan dan ekonomi. Banyak kawasan hutan paya bakau telah ditebus guna dan diceroboh untuk dijadikan kawasan pertanian. Hutan ini juga ditebang dan ditambak untuk tanaman ladang komoditi seperti kelapa sawit. Selain itu, hutan paya bakau turut diteroka untuk membuka kolam-kolam udang dan ikan secara komersial. Pada masa yang sama, ada kawasan paya bakau yang ditukar menjadi kawasan petempatan manusia seperti hutan paya bakau di Bukit Malut, Langkawi. Hutan paya bakau mula kehilangan fungsi utamanya dan mengakibatkan banyak kesan negatif terhadap alam sekitar. Untuk memastikan kelangsungan hutan paya bakau dan pengekalannya kepada manusia dan alam sekeliling, masyarakat perlu dididik agar menghargai dan memelihara alam semula jadi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ekopelancongan Hutan Paya Bakau'
oleh Dr Ehwan Ngadi
www.bernama.com

Bahan 2

Gurindam di Ambang Muara

Jika hutan bakau terus ditebang,
Alam terganggu, hidup pun pincang.

Burung dan ketam hilang tempat,
Rantaian ekosistem menjadi cacat.

Jagalah bakau dengan bijaksana,
Warisan alam untuk semua.

Jika manusia terus rakus,
Alam menangis, bumi pun murung.

Bahan 3

KEMEROSOTAN HUTAN PAYA BAKAU

Kemerosotan Hasil Tangkapan Ikan



Mengakibatkan Masalah Hakisan Pantai



Menjejaskan Kawasan Muara Sungai



PRAKTIS 4 TEMA: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Rukun Negara merupakan falsafah kebangsaan yang menjadi tunjang utama dalam usaha membentuk perpaduan dan kestabilan negara. Diisytiharkan pada 31 Ogos 1970, Rukun Negara lahir sebagai langkah pemulihan selepas peristiwa 13 Mei 1969 yang telah menggugat keharmonian masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Lima prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara bukan sekadar ungkapan indah, malah merupakan panduan hidup yang perlu diamalkan oleh setiap rakyat. Prinsip ini dapat memupuk nilai murni dan patriotisme dalam kalangan warganegara agar keharmonian serta kesejahteraan negara sentiasa terpelihara.

Lantaran itu, usaha berterusan perlu digembleng oleh semua pihak untuk memastikan Rukun Negara bukan sekadar dokumen rasmi, tetapi dapat menjadi amalan hidup yang membentuk identiti Malaysia sebagai sebuah negara yang harmoni, stabil dan maju. Pelaksanaan prinsip Rukun Negara boleh dimulakan dengan langkah ibu bapa menanamkan perasaan cinta akan tanah air dengan mendedahkan anak-anak kepada sejarah kemerdekaan negara. Usaha ini perlu dilaksanakan secara berterusan agar generasi muda dapat dididik tentang kepentingan menjaga dan mempertahankan kedaulatan negara.

Pendidikan memainkan peranan penting untuk memastikan nilai-nilai Rukun Negara diserap dalam jiwa setiap individu sejak di bangku sekolah. Oleh hal yang demikian, kurikulum sekolah perlu menekankan aspek patriotisme dan tanggungjawab sebagai warganegara melalui mata pelajaran seperti Pendidikan Sivik dan Pendidikan Moral. Di samping itu, pihak sekolah juga boleh melaksanakan program kokurikulum yang melibatkan aktiviti kemasyarakatan agar masyarakat terus berkembang dalam suasana yang harmoni dan sejahtera, selari dengan prinsip yang digariskan dalam Rukun Negara. Pihak kerajaan pula perlu melaksanakan kempen kesedaran yang kreatif dan inovatif untuk menarik minat golongan muda agar lebih memahami dan menghargai nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara. Jelaslah bahawa generasi muda harus melihat Rukun Negara sebagai pegangan hidup yang membentuk jati diri mereka sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Membentuk Identiti Nasional Melalui Rukun Negara'
oleh Azizul Rahman Abdul Rahman
Dewan Siswa

Bahan 2



Bahan 3**Nadi Keharmonian**

Pohon cemara di tepi hutan,
 Tempat beradu si burung bayan;
 Rukun Negara inspirasi kemakmuran,
 Bersatu padu lambang kebahagiaan.

Bunga melati harumnya amat,
 Di sanggul dara elok tersemat;
 Rukun Negara tanda hormat,
 Hidup kita pasti selamat.

Buah kedondong buah amra,
 Jangan disangka buah bidara;
 Media sosial menyebarkan suara,
 Pentingnya prinsip Rukun Negara.

Pokok semalu batang berduri,
 Tumbuh melata tepian muara;
 Patuh perlembagaan jangan ingkari,
 Asasnya prinsip Rukun Negara.

Najah Huwaidah
 Gombak, Selangor

PRAKTIS 5 TEMA: Sains, Teknologi dan Inovasi

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1


Penggunaan teknologi pada abad ke-21 telah menjadi sebahagian daripada rutin harian yang perlu dilaksanakan. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, para guru tekun mempelajari serta mendalami ilmu berkaitan dengan teknologi digital. Platform digital seperti *Google Meet*, *Microsoft Teams*, *Zoom*, *WhatsApp* dan *Telegram* digunakan sepenuhnya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian.

Hakikatnya, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam proses PdP dapat membantu guru dan murid meningkatkan kemahiran dalam bidang tersebut kerana mereka diberikan pendedahan terhadap peralatan TMK seperti komputer, projektor LCD, pemacu pena dan perisian. Semua alat ini mempunyai fungsi serta kegunaan yang tersendiri semasa proses PdP di sekolah. Namun demikian, terdapat sebahagian guru yang kurang mahir menggunakan TMK kerana mereka menganggap gaya pendidikan tradisional lebih berkesan berbanding dengan penggunaan TMK. Sebenarnya, penggunaan TMK di dalam bilik darjah mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif dan menyeronokkan. Murid akan tertarik dengan penggunaan bahan pembentangan yang canggih serta bunyi yang dihasilkan melalui perisian yang digunakan. Walau bagaimanapun, usaha untuk melengkapkan peralatan TMK di setiap sekolah memerlukan kos yang besar. Sekolah di kawasan bandar lazimnya mempunyai kelengkapan TMK yang mencukupi berbanding dengan sekolah di kawasan luar bandar.

Selain itu, penggunaan TMK juga dapat menjimatkan masa guru dan murid untuk mendapatkan maklumat terkini tentang sesuatu topik pembelajaran. Guru tidak perlu menghabiskan banyak masa mencari maklumat melalui akhbar lama. Seterusnya, kemudahan teknologi turut membolehkan guru menyampaikan PdP dengan lebih cekap dan berkesan. Melalui penggunaan TMK sebagai alat bantu mengajar, guru boleh menggunakan perisian seperti *PowerPoint*, video dan visual semasa PdP berlangsung. Namun, pada masa yang sama, pengintegrasian komputer dalam pengajaran memerlukan masa yang banyak untuk membuat persediaan, termasuk menyediakan bahan pengajaran dan memuatkan bahan pada komputer sebelum kelas dimulakan. Secara keseluruhannya, pengaplikasian TMK memberikan kesan jangka panjang dalam sektor pendidikan walaupun wujud pelbagai kekangan dan permasalahan. Namun, segala cabaran tersebut mampu diatasi secara konsisten melalui penerapan kemahiran TMK dalam kalangan guru dan murid.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Teknologi Pendidikan: Pemudah Cara Pengajaran dan Pembelajaran'
oleh Farra Humairah Mohd
Dewan Siswa

Bahan 2



Bahan 3

- Cikgu Aliyah : Hanah, masih ada rakan-rakan kita yang tidak mahu memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran mereka. Mereka sepatutnya sedar TMK dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membina kemahiran berfikir murid menjadi lebih kritis dan kreatif. Malah pembelajaran sendiri juga boleh dilakukan oleh murid.
- Cikgu Hanah : Betul, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan latihan intensif kepada guru menerusi program khas.
- Cikgu Aliyah : Ya, pihak kerajaan juga telah menyalurkan bantuan dengan menyediakan komputer untuk kegunaan sekolah di Malaysia. Semua guru dan murid boleh menggunakannya.
- Cikgu Hanah : Tapi, sekolah di luar bandar lain pula ceritanya. Ada beberapa sekolah tercicir daripada mendapat bekalan peralatan TMK yang baharu. Keadaan ini menyukarkan penerapan TMK di sekolah.
- Cikgu Aliyah : Betul tu. Jadi, pihak KPM perlu sentiasa melakukan semakan semula aset TMK di sekolah kawasan pedalaman.
- Cikgu Hanah : Barulah jurang antara kawasan bandar dengan luar bandar dapat dikurangkan.

PRAKTIS 6 TEMA: Kerjaya

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Permintaan terhadap pekerja berkualiti semakin meningkat dalam pasaran kerja yang kompetitif. Pekerja yang memiliki set kemahiran dan sikap yang menyeluruh dianggap sebagai aset strategik yang tinggi nilainya. Kita harus menerima hakikat bahawa era globalisasi telah membawa perubahan besar dalam aliran pemikiran dan keperluan tenaga kerja. Hal ini dikatakan demikian kerana majikan pada masa ini amat memerlukan pekerja yang mempunyai sikap berdikari untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Kebolehan untuk berdikari ini menunjukkan tahap kebertanggungjawaban dan keupayaan menyelesaikan tugas tanpa bergantung sepenuhnya pada arahan.

Selain itu, pekerja yang baru melangkah ke alam pekerjaan perlu memiliki disiplin yang tinggi. Mereka hendaklah mematuhi peraturan kerja, menunjukkan kesungguhan serta komited untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya. Oleh itu, majikan perlu menetapkan matlamat yang jelas dalam organisasi agar pekerja lebih fokus dan termotivasi untuk menyumbang secara optimum. Pekerja yang cemerlang juga dikenal pasti melalui sikap positif dan profesionalisme yang ditunjukkan di tempat kerja. Sikap ini bukan sahaja membina reputasi diri, malah mewujudkan budaya kerja yang harmoni dan produktif. Dalam hal ini, majikan yang berjaya mewujudkan persekitaran kerja yang positif mampu meningkatkan tahap kepuasan dan prestasi pekerja secara menyeluruh. Di samping itu, kecekapan bekerja dalam pasukan juga merupakan ciri penting yang menjadi pekerja idaman majikan. Sikap ini membolehkan konflik diselesaikan secara bijaksana dengan meletakkan kepentingan pasukan melebihi agenda peribadi. Seterusnya, pekerja yang mampu bekerjasama secara efektif akan mengukuhkan daya saing organisasi dan mempercepat pencapaian objektif bersama.

Di samping itu, majikan juga wajar memberikan latihan dan pembangunan secara berkala kepada pekerjanya. Langkah ini merupakan strategi penting untuk memastikan tenaga kerja sentiasa relevan, berpengetahuan dan berdaya saing untuk menghadapi cabaran industri yang sentiasa berubah. Latihan yang berterusan dapat meningkatkan kemahiran teknikal dan insaniah, sekali gus mengukuhkan prestasi kerja. Pekerja bukan sahaja menjadi penyumbang utama kepada kejayaan syarikat, malah berpotensi untuk memimpin dan membimbing rakan sekerja ke arah kecemerlangan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tip Kerjaya: Ciri Pekerja Pilihan Majikan'
www.bharian.com.my

Bahan 2

Pekerja Cemerlang



Menepati masa



Celik teknologi



Cekap berkomunikasi



Berilmu pengetahuan

Bahan 3

SIKAP MAJIKAN YANG CEMERLANG

- ➡ Memberikan galakan dan sokongan membina
- ➡ Bersikap adil dan tidak berat sebelah
- ➡ Bersikap tegas tetapi bertimbang rasa



TOPIK 12

Bertutur

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

ASPEK YANG DITAKSIR (UJIAN BERTUTUR INDIVIDU)

Murid perlu menggunakan bahasa yang gramatis, iaitu penggunaan kosa kata sangat tepat dan sangat betul. Selain itu, sebutan perlulah tepat, jelas, intonasi dan nada yang betul seperti penutur jati. Intonasi sesuai dan ayat yang sesuai. Idea perlulah relevan dan tepat dengan tugas, diuraikan dengan jelas dan matang mengikut konteks.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN BERTUTUR

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1


[40 markah]

NASKAH
PENTAKSIR

TEMA : JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BERSATU KITA TEGUH



Kementerian Perpaduan Negara melancarkan Minggu Perpaduan untuk memperkasakan agenda perpaduan negara dan integrasi nasional. Program ini mampu memberikan peluang kepada masyarakat mempelajari dan memahami kepelbagaian adat, budaya dan kaum di negara ini. Antara aktiviti utama program ini ialah Pameran Panel *Moment of Unity* yang menunjukkan perpaduan dan kepelbagaian adat masyarakat berbilang kaum di negara kita selain persembahan kebudayaan pelbagai etnik dan pameran Rumah KAMI yang memaparkan maklumat berkaitan dengan pakaian, makanan serta sukan rakyat masyarakat Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak. Inisiatif ini perlu disokong oleh semua agensi kerajaan dan juga NGO kerana usaha memperkasakan perpaduan ialah tanggungjawab kita bersama. Setiap agensi kerajaan juga perlu melaksanakan program yang boleh merapatkan tali persaudaraan. Aktiviti memupuk semangat kekitaan juga perlu disemarakkan pada peringkat sekolah dan universiti untuk memelihara jambatan perpaduan yang ada dan menjamin kestabilan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.bharian.com.my>

Soalan Rangsangan

- 1 Apakah aktiviti utama yang dijalankan dalam program Minggu Perpaduan.
- 2 Mengapakah aktiviti kekitaan perlu disemarakkan?
- 3 Pada pendapat anda, apakah kepentingan perpaduan kepada rakyat dan negara?
- 4 Jelaskan program yang boleh diadakan di sekolah untuk membentuk perpaduan dalam kalangan murid.

PANDUAN JAWAPAN BAGI SOALAN UJIAN BERTUTUR


- 1 Aktiviti utama dalam program ini ialah Pameran Panel *Moment of Unity* yang menunjukkan perpaduan dan kepelbagaian adat masyarakat berbilang kaum di negara kita selain persembahan kebudayaan pelbagai etnik dan pameran Rumah KAMI yang memaparkan maklumat berkaitan dengan pakaian, makanan serta sukan rakyat masyarakat Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak.
- 2 Aktiviti memupuk semangat kekitaan juga perlu disemarakkan pada peringkat sekolah dan universiti untuk memelihara jambatan perpaduan yang ada dan menjamin kestabilan negara.
- 3 Pada pendapat saya, kepentingan perpaduan kepada rakyat dan negara ialah:
 - Perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum dapat mengelakkan perselisihan faham, konflik dan perbalahan antara masyarakat. Apabila rakyat saling menghormati budaya, agama dan adat resam masing-masing, suasana negara akan menjadi aman dan stabil. Jelaslah bahawa perpaduan kaum menjamin kesejahteraan hidup penduduk yang aman dan damai.
 - Perpaduan mampu memajukan pembangunan ekonomi negara. Perpaduan rakyat mewujudkan kerjasama yang kukuh antara pelbagai kaum dalam bidang ekonomi dan pekerjaan. Apabila penduduk bersatu hati, produktiviti akan meningkat sekali gus ekonomi akan berkembang maju.
- 4 Program yang boleh diadakan di sekolah untuk membentuk perpaduan dalam kalangan murid ialah:
 - Sambutan perayaan atau aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum seperti hari kebudayaan dan pesta perpaduan. Apabila murid pelbagai kaum terlibat dalam program yang diadakan, mereka dapat mengenali adat dan tradisi kaum lain. Hal ini secara langsung dapat menguatkan perpaduan dalam kalangan murid.
 - Program rakan sebaya untuk menggalakkan interaksi antara murid berlainan kaum seperti kumpulan belajar atau mentor-menti. Apabila murid pelbagai kaum saling berinteraksi sudah pastinya mereka lebih memahami antara satu sama lain. Oleh itu, bukan sahaja perpaduan dalam kalangan murid bertambah erat malah prestasi akademik mereka juga meningkat.

[Nota: 2 isi dan 2 huraian dan calon perlu memberikan penjelasan]

[Nota: 2 isi dan 2 huraian dan calon perlu memberikan penjelasan]

BAHAGIAN A **INDIVIDU****PRAKTIS 1** **TEMA: Kesihatan dan Kebersihan**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENGAMBILAN MAKANAN SEIMBANG

Selaras dengan bukti saintifik dan status pemakanan rakyat Malaysia yang terkini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperkenalkan Piramid Makanan Malaysia 2020. Antara perubahan besar dalam Piramid Makanan Malaysia 2020 ialah kumpulan makanan sayur-sayuran dan buah-buahan diletakkan pada dasar piramid. Selain itu, piramid makanan ini menyarankan julat peratus pengambilan karbohidrat yang lebih rendah iaitu 50 hingga 65 peratus dan menekankan saranan pengambilan sumber karbohidrat kompleks dan tinggi serat. Seterusnya, saranan pengambilan enam hingga lapan gelas air kosong sehari turut ditambah pada ilustrasi Piramid Makanan Malaysia 2020. Penggunaan Piramid Makanan Malaysia 2020 ini diharapkan dapat membantu rakyat Malaysia mengamalkan pemakanan sihat pada setiap hari untuk memastikan kesihatan kita sentiasa terjaga dan terhindar daripada jangkitan penyakit.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Piramid Makanan Malaysia 2020'
portal Kementerian Kesihatan Malaysia


PRAKTIS 2 TEMA: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KELUHAN PERLEMBAGAAN

PRINSIP KETIGA RUKUN NEGARA



Rukun Negara bermatlamat untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang hidup bersatu padu. Satu daripada prinsip Rukun Negara ialah Keluhuran Perlembagaan. Keluhuran Perlembagaan bermaksud setiap rakyat perlu dan wajar menerima Perlembagaan Persekutuan sebagai sumber undang-undang tertinggi dan setiap individu perlu mematuhi keluhurannya. Hal ini penting kerana Perlembagaan Persekutuan merupakan sumber rujukan tertinggi bagi segala hal yang berkaitan dengan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan dan hak sosioekonomi rakyat. Setiap warganegara Malaysia dikehendaki menghormati, menghargai dan memahami maksud serta kandungan dan latar belakang sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan digubal berasaskan kesepakatan semua kaum dan semua pihak di negara ini yang dikenali sebagai kontrak sosial.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Rukun Negara Asas Perpaduan, Pembinaan Negara Bangsa’
 oleh Profesor Madya Dr. Nazri Muslim,
www.bharian.com.my

PRAKTIS 3 TEMA: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BEG PLASTIK

Beg plastik merupakan produk biasa dalam kehidupan kita malah dibuang sesuka hati setelah digunakan. Beg plastik merupakan bahan yang diperbuat daripada sumber yang amat berharga iaitu petroleum. Beg plastik amat sukar dihapuskan dan mendatangkan pelbagai kemudaratan. Sekiranya dibakar, beg plastik akan membebaskan karsinogen, iaitu satu bahan penyebab kanser yang amat berbahaya kepada manusia. Beg plastik merupakan bahan pepejal yang sukar terurai di dalam tanah. Lantaran itu, beg plastik boleh menyebabkan tanah berasid dan tidak sesuai untuk pertanian. Beg plastik yang dibuang akan menjejaskan pengaliran air sehingga boleh menyebabkan air parit dan sungai membanjiri kawasan yang berdekatan apabila hujan.


Dipetik dan diubah suai daripada
'Kurangkan Penggunaan Beg Plastik'
www.kosmo.com.my



PRAKTIS 4 TEMA: Pertanian, Penternakan dan Perikanan

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SEKTOR PERTANIAN DI MALAYSIA




Malaysia terkenal dengan sektor pertanian sekitar awal abad ke-21. Strategi utama yang perlu difokuskan ialah kita perlu meningkatkan pelaburan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D). Hal ini bertujuan untuk merevolusikan industri pertanian negara. Selain itu, R&D juga dapat melestarikan jaminan makanan. Strategi memajukan sektor pertanian perlu membabitkan lebih banyak usahawan muda dalam bidang agrokeusahawanan. Keusahawanan berasaskan pertanian ini sudah lama diperkenalkan untuk memenuhi hasrat negara dalam usaha memajukan sektor pertanian sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Galakan berterusan dan sokongan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan, infrastruktur mahupun latihan kepada belia yang menceburi bidang agrokeusahawanan berupaya untuk mentransformasikan sektor dan industri ini kepada pertanian moden berasaskan teknologi tinggi yang mampu melipatgandakan tahap pengeluaran makanan tempatan.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Transformasi Pertanian Generasi Baharu’
<https://www.igrow.com.my>

PRAKTIS 5 TEMA: Pelancongan

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

UNIKNYA MALAYSIA



Untuk menghasilkan daya lonjakan dalam industri pelancongan, tahun 2025 telah ditetapkan sebagai Tahun Melawat Malaysia dengan sasaran ketibaan 23.5 juta orang pelancong antarabangsa dan unjuran pendapatan sehingga RM76.8 bilion. Negara kita menawarkan pelbagai tarikan pelancongan yang menarik, termasuk tarikan semula jadi seperti pantai yang indah, gunung, hutan hujan tropika dan tasik yang menakjubkan. Selain itu, Malaysia mempunyai kepelbagaian budaya, bahasa, makanan serta adat istiadat yang menarik dan unik. Oleh sebab itu, langkah-langkah proaktif perlu dilakukan oleh kerajaan untuk memulihkan industri pelancongan. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia perlu menjalankan promosi yang lebih agresif dan memperkenalkan pelbagai insentif untuk memajukan sektor ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tahun Melawat Malaysia 2025'
<https://news.uthm.edu.my>

**PRAKTIS 6 TEMA: Sejarah dan Warisan**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SONGKET

Kain songket merupakan hasil tenunan tradisional masyarakat Melayu yang sangat bernilai. Sejarah penenunan songket tidak diketahui secara jelas tetapi dipercayai merupakan warisan yang berasal daripada istana atau berkaitan dengan kesultanan Melayu. Songket merupakan sejenis kain yang biasanya ditenun tangan dan mempunyai corak rumit benang emas atau perak. Asal usul perkataan songket adalah daripada perkataan ‘menyungkit’ iaitu proses menenun songket menggunakan lidi buluh atau bilah nibung melalui benang loseng di permukaan alat tenun yang dipanggil kek tenun. Corak dan motif tenunan songket amat penting kerana memaparkan ciri-ciri unik identiti orang Melayu sekali gus mencerminkan cita rasa budaya bangsa yang mekar dalam persekitaran yang kaya dengan keindahan dan keunikan. Antara corak yang digunakan seperti susunan bunga penuh, bunga bertabur atau bercorak. Selain mengangkat martabat si pemakai, motif dan warna tenunan songket melambangkan kedudukan seseorang.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Asal Usul Songket’

<http://ulekmayangbiz2u.blogspot.com>

PRAKTIS 7 TEMA: Sukan dan Rekreasi

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SUKAN LASAK



Aktiviti sukan lasak kian mendapat sambutan dalam kalangan belia yang gemar akan pengalaman berekreasi dalam persekitaran alam semula jadi. Dengan sukan lasak yang semakin popular ini, sektor rekreasi dan ekopelancongan juga semakin meningkat. Hal ini secara tidak langsung dapat menjanakan pendapatan masyarakat setempat dengan menyediakan peluang perkhidmatan perniagaan yang berasaskan sukan lasak. Antara aktiviti sukan lasak dalam persekitaran hutan yang menjadi pilihan utama seperti mendaki gunung, merentas hutan, berbasikal lasak, menunggang kuda, menjelajah gua dan berkhemah. Aktiviti rekreasi sukan lasak berasaskan air yang semakin digemari pula termasuklah berkayak arus deras, menaiki bot menyusuri sungai, luncur jet dan menyelam.

Dipetik dan diubah suai
 'Kaji Impak Sukan Lasak'
<https://www.malaysiakini.com>



PRAKTIS 8 TEMA: Pendidikan

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PROGRAM RIMUP



RIMUP ialah program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1986 lagi. Melalui program ini, KPM menyediakan peluang kepada murid pelbagai kaum untuk bergaul mesra secara sedar dan terancang. Tujuannya adalah untuk melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, memiliki jiwa dan peribadi yang unggul, bersemangat muhibah dan mampu menghadapi cabaran secara kolektif dan bersepadu. Oleh itu, pelbagai aktiviti dirancang dan dilaksanakan pada setiap tahun oleh pihak sekolah. Aktiviti-aktiviti tersebut merangkumi lima elemen, iaitu akademik, khidmat masyarakat, jati diri dan patriotisme, kebudayaan dan kesenian serta sukan dan permainan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'RIMUP Memperkukuh Perpaduan'
bharian.com.my

BAHAGIAN B KUMPULAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

1 Pelancongan

Kemajuan dalam sektor pelancongan memberikan pelbagai kesan yang positif.

Bincangkan.

2 Sejarah dan Warisan

Pelbagai cara boleh dilakukan untuk menghargai jasa tokoh-tokoh negara.

Bincangkan.

3 Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Amalan kitar semula memberikan pelbagai kebaikan.

Bincangkan.

4 Perpaduan

Terdapat pelbagai langkah untuk mengukuhkan semangat kejiranan.

Bincangkan.

5 Pendidikan

Pembelajaran secara dalam talian memberikan pelbagai kesan.

Bincangkan.

6 Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Terdapat pelbagai usaha untuk meningkatkan semangat cinta akan negara.

Bincangkan.

7 Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Pelbagai langkah perlu dilakukan untuk memelihara makanan tradisional supaya tidak ditelan zaman.

Bincangkan.

8 Sukan dan Rekreasi

Kebaikan-kebaikan sukan rakyat sebagai aktiviti rekreasi.

Bincangkan.

9 Kerjaya

Langkah persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan.

Bincangkan.

TOPIK 13

Mendengar

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

PETIKAN PERTAMA

MASAM-MASAM SI BELIMBING BULUH

Petikan ini mengandungi lima soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

AUDIO



- 1 Pokok belimbing buluh biasanya tidak ditanam secara _____ tetapi sering ditanam oleh penduduk kampung di sekeliling rumah. [1 markah]
- 2 Lengkapkan rajah di bawah tentang kesesuaian penanaman belimbing buluh.

Kawasan _____ yang subur	Memiliki sistem pengudaraan yang baik
Suhu yang tinggi	Sistem _____ yang efektif

[2 markah]

- 3 Antara berikut, apakah kegunaan belimbing buluh?

- I Bahan utama dalam masakan
- II Penyedap rasa
- III Ramuan sambal
- IV Menghilangkan rasa dan bau hanyir
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

[1 markah]

- 4 Pelbagai masakan tradisi Melayu seperti masak asam pedas, _____ dan masak lemak cili api mengandungi belimbing buluh sebagai bahan tambahan.

[1 markah]

- 5 Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

(i) Buah belimbing ditanam untuk dijual di pasar.	
(ii) Warna buah belimbing berubah dari hijau muda ke kekuningan apabila matang.	
(iii) Belimbing buluh sering disebut sebagai belimbing sayur atau belimbing asam.	

[2 markah]

PETIKAN KEDUA**CERPEN ERTI SEBUAH PERSAHABATAN**

Petikan ini mengandungi **enam** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

- 1 Aku dan Emir hendak pergi memancing dan _____ di sungai.

[1 markah]

- 2 Ke manakah kami bertiga pergi selepas keluar dari khemah?

- A Bergerak ke sungai
- B Menuju ke air terjun
- C Bergegas turun ke sungai
- D Turun ke tapak perkhemahan

[1 markah]

- 3 Lengkapkan jadual pembahagian tugas memasak di bawah.

Nama	Tugasan
Ain	Menanak nasi
Nabila	
Aminah	
Emir dan Amar	Menghidupkan api dan membakar ikan

[2 markah]

- 4 Ikan yang diperolehi termasuklah ikan sebarau, _____ dan ikan haruan.

[1 markah]

- 5 Antara berikut, bagaimakah keadaan cuaca selepas kami memasak?

- I Mendung
- II Hujan mulai lebat
- III Angin bertiup dengan kuat
- IV Guruh dan kilat sambar-menyambar
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

[1 markah]

- 6 Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

(i) Nabila, Aminah dan Ain mandi berdekatan dengan air terjun.	
(ii) Kayu yang dikumpulkan semalam telah habis digunakan untuk membuat unggun api.	
(iii) Kami bermalam di bawah pokok kerana permukaan tanah yang basah.	

[2 markah]

PETIKAN KETIGA**BIOGRAFI TAN SRI AHMAD NAWAB**

Petikan ini mengandungi **lima** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

- 1 Lengkapkan maklumat tentang Tan Sri Ahmad Nawab dalam rajah di bawah.



Nama sebenar : Ahmad Khan Nawab Khan

Tarikh lahir : _____

Kerjaya : _____, pemuzik dan penerbit

[2 markah]

- 2 Siapakah penyanyi yang menyanyikan lagu Malaysia Truly Asia?

- A Sharifah Aini
- B Hetty Koes Endang
- C Datuk Jamal Abdillah
- D Datuk Khatijah Ibrahim

[1 markah]

- 3 Lagu Malaysia Truly Asia dirakamkan dalam 17 bahasa antaranya bahasa Sepanyol, Perancis, _____, _____, Rusia dan Turki.

[2 markah]

- 4 Antara berikut, yang manakah karya-karya lagu ciptaan Tan Sri Ahmad Nawab?

- I Wajah Kesayangan Hamba
- II Bawalah Dia Bersamamu
- III Tiada Maaf Bagimu
- IV Seloka Hari Raya
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

[1 markah]

- 5 Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (✗) pada pernyataan yang **salah**.

(i) Lagu Malaysia Truly Asia merupakan anugerah tertinggi Tan Sri Ahmad Nawab dalam penghasilan lagu.	
(ii) Lebih 2000 lagu telah dicipta oleh Tan Sri Ahmad Nawab.	
(iii) Tan Sri Ahmad Nawab dianugerahkan gelaran Seniman Negara ke-6 pada tahun 2007.	

[2 markah]

PETIKAN KEEMPAT**PEMAKLUMAN PANDUAN MENGHADAPI SITUASI KEBAKARAN**

Petikan ini mengandungi **lima** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

- 1 Anda boleh menggunakan air jika api tersebut bukan berpunca daripada _____ atau bahan kimia.

[1 markah]

- 2 Lengkapkan rajah di bawah tentang tindakan yang perlu dilakukan jika pakaian anda terkena api.

Berhenti bergerak dan _____	_____ dengan tangan	Berguling beberapa kali sehingga api padam
--------------------------------	------------------------	---

[2 markah]

- 3 Berikut ialah alat yang boleh digunakan untuk menutup mana-mana celahan di sekeliling pintu jika anda terperangkap di dalam bilik **kecuali**
- A tuala basah
 - B pita pelekat
 - C kain
 - D tali

[1 markah]

- 4 Jika api bermula di dapur yang disebabkan oleh minyak, tuangkan _____ atau garam ke atasnya.

[1 markah]

- 5 Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (✗) pada pernyataan yang **salah**.

(i) Jika api terlalu besar, tinggalkan bangunan segera.	
(ii) Jika ada asap di dalam rumah, berbaring ke lantai sewaktu melangkah keluar.	
(iii) Jika api di dalam kualiti atau periuk, alihkan penutup dengan cepat.	

[2 markah]

Kertas Model SPM

KERTAS 1

Masa: 2 jam

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.


Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan pakaian tradisional di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang usaha mempopularkan pakaian tradisional di Malaysia.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Pakaian tradisional merujuk kepada jenis pakaian yang dipakai oleh setiap kumpulan etnik atau suku kaum yang ada di Malaysia. Setiap kumpulan etnik mempunyai corak, reka bentuk dan gaya pakaian tradisional yang unik serta sering kali mencerminkan sejarah, budaya dan identiti mereka. Antara pakaian tradisional termasuklah baju kebaya, ceongsam, sari dan kurta.

Sumber: www.negara.my



Jom Pakai Pakaian Tradisional



PERTANDINGAN PAKAIAN TRADISIONAL



Tarikh:
15 Ogos 2026



Masa:
10:00 pagi



Tempat:
Dewan sekolah

Serlahkan Warisan Pelbagai Budaya!

Bahagian B
[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Pengurusan sisa pepejal di Malaysia secara umumnya masih belum berada pada tahap yang memuaskan. Kita sering melihat sampah sarap yang dibuang merata-rata. Sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal komersial yang tidak diurus dengan baik menyebabkan sampah bertaburan. Oleh itu, semua pihak perlu cakna untuk menjalankan kaedah terbaik bagi pengurusan sisa pepejal di negara kita.

sumber: www.bharian.com.my

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan kaedah-kaedah terbaik untuk mengatasi masalah tersebut.

- 2 Remaja pada hari ini merupakan bakal pemimpin negara pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar remaja hari ini masih dibelenggu pelbagai kemelut sosial. Ternyata mentaliti remaja belum mengalami anjakan paradigma selaras dengan pembangunan negara. Perubahan mesti dilakukan untuk melahirkan remaja yang berkualiti agar dapat memperkasakan nusa dan bangsa. Remaja haruslah menyiapkan diri dengan ciri-ciri yang cemerlang sebelum menggalas tugas sebagai pemimpin negara pada masa akan datang.

sumber: keligit97lense.blogspot.com

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan ciri-ciri remaja yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.

- 3 Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023 menunjukkan sebanyak 54.4 peratus rakyat dewasa Malaysia mengalami berat badan berlebihan. Rekod itu meningkat tiga peratus berbanding dengan 50.1 peratus pada 2019. Obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia perlu dipandang serius kerana boleh mendatangkan pelbagai implikasi buruk termasuklah meningkatkan risiko penyakit kronik. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggesa orang ramai agar mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian.

sumber: www.mkn.gov.my

Bincangkan kesan buruk yang terdapat dalam petikan di atas dan kesan-kesan buruk lain perkara tersebut.

- 4 Batik merupakan hasil kraf tangan yang mempamerkan budaya sesuatu bangsa menerusi rekaan motif dan warnanya. Namun, masyarakat kini kurang gemar memakai pakaian berasaskan batik Malaysia. Oleh itu, kerajaan Malaysia harus memartabatkan industri batik tempatan selaras dengan pengisytiharan Hari Batik Malaysia dengan cara mempromosikan industri ini, meningkatkan tenaga mahir dan memasarkan batik dengan harga mampu milik.

sumber: dewanbudaya.jendeladbp.my

Berdasarkan petikan, huraikan usaha-usaha kerajaan untuk memartabatkan dan mempromosikan industri batik tempatan.

KERTAS SOALAN TAMAT

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa
[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Anda dikehendaki mengenal pasti **kata dasar** bagi perkataan yang bergaris. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata dasar tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.*

Secara dasarnya, setiap negara mempunyai bahasa kebangsaan yang tersendiri. Di Malaysia, bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa kebangsaan yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan. Walaupun begitu, hal ini tidaklah bermakna rakyat di negara ini tidak dibenarkan menggunakan dan mempelajari bahasa lain selain bahasa Melayu. Pada hakikatnya, peruntukan terbabit tidak pernah menjadi halangan besar bagi rakyat Malaysia untuk menguasai bahasa-bahasa lain. Keupayaan menguasai pelbagai bahasa merupakan satu kemahiran yang amat berguna bagi seseorang individu. Dewasa ini, ramai yang mencanangkan bahawa penguasaan pelbagai bahasa menjadikan seseorang itu tidak berasa kekok ketika berurusan dengan pihak luar dari negara asing.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Impak dan Kelebihan Menguasai Pelbagai Bahasa'
oleh Zulfiqar Mohd Yusof
Dewan Siswa
[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan songsang** yang bergaris kepada **ayat bersusunan biasa** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Di negara ini, isu ketagihan peranti elektronik bukanlah sesuatu perkara yang baharu. Menurut seorang pakar pediatrik tempatan, penglihatan remaja akan terancam jika bermain permainan video melebihi dua jam. Selain itu, penggunaan peranti elektronik terlalu lama akan meninggalkan kesan pada tulang belakang dan meningkatkan risiko bongkok pada usia muda. Turut akan mengurangkan tumpuan remaja dalam pelajaran atau tugas yang diberikan oleh guru ketagihan peranti elektronik ini. Bukan itu sahaja, remaja akan menjadi lebih pendiam, tidak proaktif dan lemah dalam penguasaan bahasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Punca dan Kesan Ketagihan Peranti Elektronik'
oleh Noor Azam Abdul Rahman
Dewan Siswa
[6 markah]

- 3 Notis di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin notis tersebut.

TENAGA NASIONAL BERHAD	No. Rujukan: BSAM-0160817/11kV/O&M
Borang B [sub-peraturan 6A(2)] MALAYSIA NEGERI SELANGOR AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990	
Kepada: Para pelanggan yang dihormati Tuan/ Puan/ Cik,	
NOTIS PENGHENTIAN/ GANGGUAN SEMENTARA BEKALAN ELEKTRIK	
Dimaklumkan yang bekalan elektrik akan diberhentikan/ diganggu sementara seperti maklumat berikut:	
Kawasan Terlibat	: Shah Alam Taman Batu Tiga dan penerima notis ini sahaja
Tarikh dan Masa	: 16 Mac 2026 (Isnin) 10:00 pagi hingga 5:00 petang
Tujuan	: Kerja penyelenggaraan
Nama Pemegang Lesen	: Tenaga Nasional Berhad (Company No. 200866-W)
Alamat	: Tenaga Nasional Berhad, No 129, Jalan Bangsa, 59200 Kuala Lumpur
Nombor Telefon	: 15454
Tarikh Cetak	: 3 Mac 2026
Tenaga Nasional Berhad sentiasa memastikan bekalan elektrik yang berterusan dan berkualiti disalurkan kepada seluruh pengguna-pengguna. Untuk meningkatkan hasil perkhidmatan, kami menjalankan kerja-kerja pengurusan infrastruktur pembekalan elektrik dari masa ke semasa. Sebarang pertanyaan, tolong hubungi TNB Careline di talian 15454.	
Tips Keselamatan: Berhati-hati mengendalikan peralatan elektrik semasa gangguan bekalan elektrik berlaku kerana bekalan elektrik boleh disambung semula oleh kami pada bila-bila masa.	

Sumber: *Internet*
[11 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muza'ffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal.

Dipetik daripada
'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, kenal pasti dua peribahasa yang terdapat dalam petikan dan bina ayat lain menggunakan peribahasa tersebut*

Tuan Hamdi dan isterinya ialah pasangan yang disegani oleh masyarakat setempat. Mereka memiliki empat orang anak yang dijaga bagai menatang minyak yang penuh. Selain menitikberatkan pendidikan, mereka juga menyemai sifat yang terpuji dalam diri anak-anak. Hal ini menyebabkan penduduk sekitar turut menyukai sikap anak-anak Tuan Hamdi kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya. Tuan Hamdi mengharapkan benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau bagi anak-anaknya kelak walau di mana-mana mereka berada sekali pun.

[4 markah]

Bahagian B: Pemahaman
[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang penting dalam ekonomi Malaysia. Pada tahun 2019, sektor ini telah menyumbang sebanyak RM86.14 bilion kepada pendapatan negara melalui ketibaan 26.1 juta orang pelancong antarabangsa. Sumbangan tersebut datang daripada perbelanjaan pelancong, cukai pelancongan, pelaburan pelancongan serta eksport perkhidmatan pelancongan. Selain itu, sektor pelancongan juga dapat mempromosikan warisan budaya dan kepelbagaian alam semula jadi Malaysia kepada dunia. Para pelancong berpeluang mempelajari adat resam, bahasa, agama, seni bina, muzik, tarian dan kraf tempatan yang mencerminkan kepelbagaian etnik serta budaya masyarakat Malaysia. Sektor ini juga meningkatkan pendapatan rakyat melalui penciptaan peluang pekerjaan dan perniagaan dalam bidang penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, hiburan serta pelbagai perkhidmatan lain. Dengan pelaksanaan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020–2030, Malaysia berhasrat memperkukuh daya saing, melaksanakan pembangunan lestari dan menggalakkan digitalisasi dalam industri pelancongan. Selain itu, Malaysia turut bertekad untuk menjadi salah satu destinasi ekopelancongan utama di dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Sektor Pelancongan kepada Malaysia'
oleh Hadi Ghazali
www.melancong.com.my

Bahan 2

26 Juta Pelancong **KUNJUNGI MALAYSIA**



26 Juta Pelancong

1 Januari hingga
15 November 2023

- 1 Meningkatkan hubungan antarabangsa
- 2 Menyediakan peluang perniagaan
- 3 Menarik pelabur asing dan tempatan

Enam Negara Sumber Pelancong Utama



Singapura	Indonesia	Thailand	China	Brunei	India
12,645,364	3,166,295	2,073,162	1407471	908,841	780,532

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan perkara-perkara yang dapat dipelajari oleh pelancong apabila berkunjung ke Malaysia.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah kepentingan sektor pelancongan kepada negara?
[3 markah]
- (iii) Statistik pada tahun 2025 menunjukkan peningkatan ketara dalam sektor pelancongan dengan mencatatkan ketibaan 28.24 juta orang pelancong antarabangsa sehingga Ogos 2025, iaitu peningkatan sebanyak 14.5 peratus berbanding dengan tahun 2024. Pelancongan domestik turut melonjak dengan merekodkan 73.8 juta orang pelawat pada tahun 2025, meningkat sebanyak 7.8 peratus.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku?

[3 markah]

- (iv) Malaysia kaya dengan pelbagai destinasi pelancongan yang mampu menarik minat pelancong domestik dan antarabangsa. Antara destinasi yang terkenal termasuklah Langkawi, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Borneo. Setiap lokasi tersebut menawarkan ciri-ciri unik serta tarikan pelancongan yang tersendiri. Walau bagaimanapun, sektor pelancongan turut berdepan dengan beberapa cabaran seperti pencemaran alam sekitar, persaingan dengan negara jiran dan isu keselamatan.

Sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab, cadangkan langkah penyelesaian yang boleh diambil agar sektor pelancongan terus kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia.

[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pantun Menjaga Alam Sekitar

Buah pala buah keranji,
Di tanah datar pokok ditanam;
Kitar semula amalan terpuji,
Indah pandangan serinya alam.

Tebas menerung di tepi bendang,
Rumput benta dicantas pula;
Bekas kosong jangan dibuang,
Elok kiranya diguna semula.

Puyuh ketitir di tepi perigi,
Merbah kenari terbang sekawan;
Sungai bersih tempat rekreasi,
Usah dicemari dengan kotoran.

Asyik mendayung di tengah tasik,
Dayungnya rapuh terbelah dua;
Bukit dan gunung usah diusik,
Cerunnya runtuh menimpa manusia.

Burung tempua di hujung dahan,
Dahan angsa dibuat titi;
Hutan rimba andai dimusnahkan,
Flora dan fauna pupuslah nanti.

Petik daun terlekat duri,
Pokok sengkuang di tepi tingkap;
Toksik dan racun boleh dihindari,
Andai pekilang tahu tanggungjawab.

Pandai bermadah tuan puteri,
Menyusun kata indah terasa;
Alam nan indah anugerah Ilahi,
Hendaklah kita menjaga sentiasa.

Mohd Kasim Ahmad
PPJ Kota Tinggi, Johor.

Bahan 2

“Ajam, Bakar, Melati, Budi!” Mak Tua yang sedari tadi sibuk melayan kerenah cucu-cucunya ikut bercakap. “Kamu dah cari pekerja untuk menjaga dusun dan hutan ini? Sekarang ni pencuri kayu balak makin menjadi-jadi. Kalau tak dijaga, nanti habis pula kayu balak dalam hutan ini dicuri oleh mereka.”

“Dah mak. Kami dah cari. Awal bulan depan mulalah mereka bekerja,” sahut Bakar.

“Kami rancang nak buka bidang kerja barulah, pak, mak,” ujar Melati. “Kami nak ceburi bidang pelancongan. Kalau tengok keadaannya, hutan simpan bapa ini ada potensi untuk dijadikan kawasan pelancongan.”

“Betul,” Budi menyokong. “Aliran sungai kecil di tengah hutan itu, bolehlah kita perbesar untuk dijadikan kolam memancing ikan.”

“Saya fikir pun begitu. Banyak kerja yang perlu kita buat. Saya rasa...” Melati berfikir-fikir. “Bolehlah kita tiru kawasan pelancongan seperti Lembah Danum di Lahad Datu, Sulaman Resort di Tuaran atau kita tiru seperti Sukau,” Melati menambah dengan bersemangat.

“Usaha seperti itu perlukan modal besar,” pintas Bakar.

“Kita boleh keluarkan modal bersama-sama. Kita jadikan usaha ini satu perniagaan keluarga,” Budi memberi saranan.

Dipetik daripada
cerpen ‘Hutan Rimba’
oleh Sasjira
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3**Sungai Kehidupan**

Di tepian sungai, alirannya merdu
 Mengalir tenang sumber kehidupan
 Airnya jernih cerminan biru
 Sungai berharga warisan bangsa

Sungaiku
 Ikan berenang riang dalam arus
 Petani bersyukur sawah subur terurus
 Memberi tanpa penat dan lelah
 Menjadi nadi alam semesta

Sungai kita
 Kalau tak cakna dan dijaga
 Andai tak kisah dan dipelihara
 Nampaknya akan tinggal nama saja
 Pudarlah kenangan untuk dicerita
 Anak cucu yang tak merasa.

Seri Kemboja
 Shah Alam, Selangor

- (i) Nyatakan amalan-amalan terpuji yang terdapat dalam **Bahan 1**.

[2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, apakah kepentingan sungai?

[4 markah]

- (iii) Masalah banjir di negara ini bukanlah satu isu yang baharu. Banjir yang kerap berlaku di negara ini telah memberikan kesan buruk kepada masyarakat.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan banjir kepada masyarakat?

[3 markah]

- (iv) Anda memiliki beberapa buah rumah inap desa yang terletak berhampiran dengan sungai. Pengunjung yang datang juga dibenarkan untuk menginap di dalam khemah yang telah anda sediakan. Namun, anda mendapati bahawa terdapat segelintir pengunjung yang kurang menjaga kebersihan di kawasan perkhemahan tersebut.

Sebagai individu yang bertanggungjawab, cadangkan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk mengatasi masalah tersebut.

[4 markah]

8 Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Tahniah, buat Mama! Sayang buat si comel – Papa Zahid.” Waheeda tersenyum sinis menatap kad yang bukan tulisan Zahid.

‘Hmm ... terima kasih atas segala usaha, wahai ibu mentuaku,’ hatinya berbisik menyedari tiada sesiapa pun suka akan keretakan rumah tangga. ‘Pandai-pandaillah berbuat manis dan cuba menutupi aib ahli keluarga sendiri,’ getus Waheeda.

“Fikiran Eda rosak dan mamai, mak.” Waheeda tiba-tiba mengungkap suara hatinya. “Telinga Eda sentiasa teringat akan nada kasar Abang Zahid yang menuduh Eda main kayu tiga, nusyuz, ingkar, dan semuanya,” kata Waheeda sebak. “Lagi-lagi dia mengungkitkan isu-isu lepas. Yang paling menyakitkan ialah dia tidak pasti anak ini anak dia! Dari dalam perut lagi sudah disangsikan,” kata Waheeda menyeka mata yang mula digenangi air jernih. Waheeda tidak dapat membendung tangis dan esakannya.

Dipetik daripada
novel *Tirani*
karya Beb Sabariah
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan suara hati yang disampaikan oleh Waheeda kepada emaknya.

[4 markah]

- (ii) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (d) Tirani karya Beb Sabariah
- (e) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (f) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang membuktikan bahawa kebijaksanaan dalam tindakan boleh membawa kesan yang positif.

[6 markah]

Bahagian C: Rumusan

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1

Sebanyak 70.6 peratus penduduk negara ini melakukan aktiviti pembelian barangan dan perkhidmatan melalui platform e-dagang sepanjang tahun 2023. Aktiviti tersebut didorong oleh kadar penggunaan Internet yang kekal tinggi, iaitu pada tahap 97.7 peratus. Pembelian dalam talian semakin menjadi pilihan utama golongan bujang dengan purata perbelanjaan sekitar RM300 sebulan melalui sekurang-kurangnya tiga kali transaksi dalam tempoh tersebut. Mereka memilih pembelian dalam talian kerana harga yang ditawarkan lebih murah daripada pembelian di pusat beli-belah. Hal ini dikatakan demikian kerana penjual dalam talian tidak perlu menanggung kos sewa kedai, sekali gus membolehkan harga barangan ditawarkan pada kadar yang lebih rendah. Namun begitu, untuk mengelakkan penipuan, pembeli disarankan membuat bayaran setelah menerima barangan yang dipesan, sama ada secara bersemuka (tunai semasa penghantaran) mahupun melalui sistem dalam talian yang selamat.

Selain itu, pembeli tertarik untuk membeli secara dalam talian kerana terdapat pelbagai tawaran menarik seperti baucar dan diskaun yang menjadikan harga lebih rendah daripada harga asal. Tetapi, sekiranya pembeli ingin membeli barangan daripada platform yang tidak dikenali, mereka hendaklah menghubungi penjual serta bertanya tentang alamat operasi perniagaan tersebut. Tindakan ini penting untuk memastikan kesahihan sesuatu perniagaan atau tawaran yang diterima. Seterusnya, pembelian dalam talian turut menjadi pilihan kerana kepelbagaian pilihan produk yang ditawarkan. Pengguna dapat meneliti pelbagai pilihan tanpa perlu berkunjung dari satu kedai ke kedai yang lain. Walau bagaimanapun, pembeli perlu meneliti sama ada gambar yang dipaparkan menunjukkan produk asli atau tiruan kerana penjenayah siber semakin licik menggunakan pelbagai helah untuk menipu.

Akhir sekali, pembelian dalam talian semakin digemari kerana pembeli boleh membuat pembayaran secara ansuran, contohnya melalui perkhidmatan *SPayLater*. Melalui kaedah ini, pembeli hanya perlu membayar bayaran pendahuluan, manakala baki selebihnya boleh dilunaskan dalam tempoh yang ditetapkan oleh platform tersebut. Kaedah pembayaran ini dapat membantu pembeli mengurus aliran tunai bulanan mereka dengan lebih cekap. Secara keseluruhannya, penjenayah dalam talian sentiasa mencari peluang untuk memperdaya mangsa yang lalai. Oleh itu, pengguna hendaklah bertindak bijak dan sentiasa waspada dalam setiap urusan pembelian dalam talian.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Lebih 70 Peratus Beli-belah Online'
oleh Nurul Nabilah Ahmad Halimy
www.sinarharian.com.my

Bahan 2

TIP PEMBELIAN ATAS TALIAN

Maklumat perlu disimpan sehingga barang yang dipesan sampai

Simpan resit pembayaran

Simpan maklumat dan nombor pengesanan kurier

Simpan rekod komunikasi (e-mel/ WhatsApp/ Telegram/ Mesenger) untuk proses tuntutan dan aduan



Jom Ambil Tahu!

Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup


Bahan 3

Ibu, saya nak beli barang ni secara dalam talian. Jadi, kita tidak perlu beratur panjang di kedai lagi.

Bagus juga tu. Lagi pun penghantarannya pantas dan boleh dipercayai.

Betul. Itu pilihan yang bijak.

Tapi hati-hati. Kita perlu sentiasa semak tempoh penghantaran barang yang dibeli.



KERTAS SOALAN TAMAT

Bahagian A: Taksiran Individu
[40 markah]

TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

SET 1

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat-ayat yang gramatis.




PAMERAN FABRIK ASEAN

**PAMERAN
FABRIK ASEAN:
KEABADIAN
TENUNAN**

20.10.2025 – 31.12.2025

GALERI 2
Jabatan Muzium Negara



KUALA LUMPUR: Sebanyak 105 buah koleksi yang menampilkan tekstil tradisional, bahan tenunan, alat tenun dan kostum masyarakat serantau mewarnai Pameran Fabrik ASEAN: Keabadian Tenunan di Muzium Negara dari 20 Oktober hingga 31 Disember ini. Pameran anjuran Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia itu berlangsung di Galeri 2, Muzium Negara sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata pameran itu bukan sahaja memperlihatkan keindahan seni dan kehalusan pertukangan, malah melambangkan diplomasi warisan budaya ASEAN yang menyatukan negara serantau. “Pameran yang membabitkan koleksi dari 10 buah negara ASEAN ini, menggambarkan seni, sejarah dan tradisi yang menjadi jambatan antara negara. Melalui fabrik, kita bukan sekadar menenun corak, malah menenun kepercayaan, persahabatan dan saling menghormati.”


Dipetik dan diubah suai daripada
‘105 Koleksi Warnai Pameran Fabrik ASEAN di Muzium Negara’
oleh Hannah Norbaqqa Syarul
www.bharian.com.my

TEMA: PELANCONGAN

SET 2

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MUZIUM FERI PULAU PINANG




Mungkin jika ditanya apakah yang menarik ditawarkan oleh Muzium Feri Pulau Pinang selain imbauan kenangan, jawapannya ialah bahan dan artifak yang dipamerkan bukan replika. Terletak di Pengkalan Weld, George Town, Muzium Feri Pulau Pinang beroperasi di atas sebuah feri ikonik yang telah dipulihkan sepenuhnya. Struktur feri yang suatu ketika dahulu menghubungkan pulau dan tanah besar kini diberi nafas baharu sebagai ruang pendidikan awam dan tarikan pelancongan warisan. Pengarah Muzium Feri Pulau Pinang, Abdul Hadi Abu Osman, berkata muzium sepanjang hampir 60 meter dengan keluasan kira-kira 600 meter persegi itu mampu memuatkan sehingga 150 orang pengunjung pada satu-satu masa. Setiap sesi lawatan dianggarkan mengambil tempoh kira-kira satu jam dan berpotensi menarik sehingga 2,000 orang pengunjung sehari.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tarikan Baharu Landsakp Pelancongan Baharu'
www.bharian.com.my

TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**SET 3**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

FENOMENA PENYUSUTAN KETINGGIAN

Tahukah anda, manusia akan menjadi semakin rendah apabila meningkat usia?

Fenomena ini bukan mitos, sebaliknya disahkan oleh pakar anatomi, Prof. Adam Taylor dari Sekolah Perubatan Lancaster, United Kingdom yang dipetik dari The Guardian, United Kingdom. Menurut beliau, individu berusia 40 tahun ke atas lazimnya kehilangan kira-kira satu sentimeter ketinggian setiap 10 tahun. Kajian mendapati, lelaki kehilangan antara 0.08 hingga 0.1 peratus ketinggian badan setiap tahun manakala wanita pula lebih cepat iaitu 0.12 hingga 0.14 peratus setahun. Taylor menjelaskan bahawa antara punca utama ialah postur badan yang semakin membongkok seiring peningkatan usia. Mereka yang duduk atau berdiri dalam posisi melengkung untuk tempoh lama, terutamanya ketika bekerja di meja akan mendapati tulang belakang menyesuaikan diri dengan kedudukan itu secara perlahan-lahan.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Semakin Berusia, Tubuh Semakin Pendek’
www.bharian.com.my

TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**SET 4**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.


PASAR RAYA BORONG SAKAN

Pengalaman berniaga di bawah khemah dalam keadaan panas terik ketika Ramadan menjadi titik tolak kejayaan seorang wanita bersama dengan bapanya sehingga berjaya membina empayar perniagaan yang kini mempunyai 68 rangkaian pasar raya di seluruh negara. Pasar Raya Borong Sakan yang menawarkan pelbagai barangan keperluan rumah dan pakaian berkembang pesat serta dikenali sebagai rangkaian pasar raya borong utama di Malaysia. Pengarah Perakaunan dan Pentadbiran Kumpulan Rangkaian Pasar Raya Borong Sakan, Datin Seri Dr. Rosmariza Che Umar, 49, berkata perniagaan keluarga itu bermula sekitar tahun 1982 apabila bapanya, Datuk Che Umar Yatim, memulakan perniagaan secara kecil-kecilan ketika masih berkhidmat sebagai kakitangan awam. Menurut anak kelahiran Pulau Langkawi, Kedah itu, kesibukan mengurus perniagaan menyebabkan bapanya akhirnya mengambil keputusan berhenti kerja untuk memberikan tumpuan sepenuhnya dalam bidang keusahawanan.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Bina Empayar Sakan Hasil Penat Lelah Niaga Bawah Khemah’
 oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
 bhrencana@bh.com.my

TEMA: SUKAN DAN REKREASI**SET 5**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.


CABARAN SKUAD OLAHRAGA

KUALA LUMPUR: Skuad olahraga negara mempertaruhkan kombinasi antara atlet berpengalaman dan barisan muda untuk membawa cabaran Malaysia pada Sukan SEA 2025 di Bangkok, Thailand dari 9 hingga 20 Disember ini. Antara tonggak senior yang kembali mengetuai cabaran ialah Umar Osman (400 meter lelaki), Andre Anura Anuar (lompat kijang), Muhammad Irfan Shamsuddin (lempar cakera), Shereen Samson Vallabouy (400m wanita) dan Grace Wong (baling tukul besi wanita) – kesemuanya pemenang pingat emas pada edisi Kemboja dua tahun lalu. Kehadiran mereka bukan sekadar mengulangi reputasi lama, sebaliknya menjadi tunjang utama membimbing pelapis muda yang semakin menyerlah pada musim 2025. Antara muka baharu yang mencuri tumpuan ialah pelari pecut berusia 18 tahun, Danish Iftikhar Muhammad Roslee, yang bakal membuat penampilan sulung di temasya dwitahunan itu.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Skuad Olahraga Kembali Cari Gemilang di Sukan SEA’
 oleh Helmi Talkah
 bhrencana@bh.com.my

TEMA: PERINDUSTRIAN**SET 6**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SEKTOR PERINDUSTRIAN NEGARA

KUALA LUMPUR: Sektor perindustrian Malaysia dijangka mengekalkan momentum peningkatannya pada 2024, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan pemulihan pasaran global secara berperingkat, menurut *Public Investment Bank Berhad* (PIVB). Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) negara meningkat 5.3% tahun ke tahun pada Julai, naik daripada 5.0% tahun ke tahun pada Jun, dipacu oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor pembuatan. Menurut bank pelaburan itu dalam nota penyelidikannya, pengeluaran sektor pembuatan pada Julai disokong oleh keuntungan dalam industri berorientasikan domestik dan eksport, menunjukkan sumbangan yang seimbang kepada prestasi sektor itu. Merujuk data Perangkaan Perdagangan Semikonduktor Dunia (WSTS), PIVB berkata pasaran semikonduktor global diunjurkan berkembang sebanyak 16% tahun ke tahun pada 2024, dengan tambahan peningkatan sebanyak 12.5% dijangka pada 2025.


Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Sektor Perindustrian Malaysia Berkembang Pesat Tahun Ini’
www.bernama.com

TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SET 7

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENARAFAN BINTANG BAHARU



Suruhanjaya Tenaga (ST) mengumumkan pelaksanaan jadual penarafan bintang baharu bagi produk penyaman udara bermula 1 Januari ini hingga 31 Disember 2029. Menerusi kenyataan yang dikeluarkan ST, pelaksanaan ini selaras dengan *Guideline of Energy-Using Product* yang telah dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2025 lalu. Pelaksanaan penarafan bintang baharu ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk meningkatkan tahap kecekapan tenaga serta menggalakkan penggunaan produk elektrik yang lebih cekap dan mampan. Walau bagaimanapun, menurut ST, masih akan terdapat produk penyaman udara dalam pasaran yang masih menggunakan label penarafan kecekapan tenaga yang lama dalam tempoh peralihan kerana penggunaan penarafan bintang baharu ini hanya terpakai pada produk yang mengemukakan permohonan Perakuan Kecekapan Tenaga selepas 1 Januari 2026 dan seterusnya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Suruhanjaya Tenaga Umum Penarafan Bintang Baharu untuk Kecekapan Tenaga'
oleh Iqmal Hazzwan
<https://says.com/my>

TEMA: PENTADBIRAN DAN POLITIK

SET 8

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

DEMOKRASI DI MALAYSIA



Demokrasi sering ditakrifkan melalui proses pilihan raya dan kebebasan bersuara. Namun, dalam realiti pentadbiran negara hari ini, demokrasi tidak boleh diukur melalui mekanisme itu semata-mata. Sebaliknya, demokrasi perlu dinilai berdasarkan keupayaan sistem politik untuk menjamin kestabilan, keadilan dan kesejahteraan rakyat dalam suasana semakin kompleks dan mencabar. Dalam keadaan dunia berdepan dengan ketidakpastian geopolitik, tekanan ekonomi serta ledakan maklumat digital tanpa sempadan, persoalan yang semakin mendesak ialah bagaimana demokrasi dapat terus dipertahankan tanpa mengorbankan kestabilan negara? Dalam konteks ini, kestabilan tidak harus difahami sebagai ketiadaan perbezaan pandangan atau kritikan terhadap kerajaan. Sebaliknya, kestabilan sebenar ialah keupayaan negara mengurus perbezaan secara matang, berprinsip dan berpaksikan kepentingan jangka panjang. Selain itu, kestabilan negara tidak boleh dibina atas pengorbanan prinsip tetapi hanya boleh dicapai melalui kepemimpinan yang memiliki nilai jelas, tindakan konsisten dan berani mempertahankan kebenaran demi masa depan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Demokrasi, Kestabilan Negara Tuntut Pemimpin Berprinsip’
 oleh Muhammad Akmal Ridzuan Abd Rahim
www.bharian.com.my

Masa: 12 hingga 15 minit

Bahagian B: Taksiran Kumpulan
[30 markah]

SET 1

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA: KERJAYA

Pemilihan kerjaya yang tepat pada masa depan perlu selaras dengan keupayaan, bakat dan minat seseorang murid.

Bincangkan.

SET 2

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA: KESELAMATAN

Setiap murid perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang keselamatan diri dan persekitaran sosial supaya mereka sentiasa berupaya melindungi diri daripada pelbagai bahaya.

Bincangkan.

SET 3

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA: PERPADUAN

Terdapat banyak kepentingan jika hubungan erat dalam kalangan penduduk Malaysia serta komuniti antarabangsa terbentuk untuk mengekalkan semangat perpaduan.

Bincangkan.

SET 4

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA: KERJAYA

Remaja kini tidak berminat untuk menceburi bidang pertanian.

Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS 4

Masa: 12 hingga 15 minit


PETIKAN PERTAMA: DIALOG ENAKNYA, SAMBAL TAUN

Petikan ini mengandungi **enam** soalan.

Jawab soalan-soalan yang berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.




- 1 Lengkapkan rajah berkaitan dengan daerah-daerah yang sinonim dengan sambal taun.



[1 markah]

- 2 Lengkapkan jadual yang berkaitan dengan proses penyediaan sambal taun.



[1 markah]

- 3 Petua nenek untuk memastikan santan tidak pecah minyak adalah seperti yang berikut **kecuali**

- A Kacau santan dengan kerap
- B Masak menggunakan api sederhana
- C Masukkan santan pekat selepas santan cair
- D Tambahkan asam keping dalam kuah santan

[1 markah]

- 4 Antara keistimewaan sambal taun ialah

- I melambangkan identiti budaya sesuatu bangsa dan negeri
- II mencerminkan warisan masyarakat Jawa Selangor
- III penggunaan lengkuas dalam masakan
- IV proses penyediaannya yang panjang

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

[1 markah]

- 5 Kulit lembu perlu direbus selama _____ sebelum dimasak dengan santan, cili padi dan lengkuas.

[1 markah]

- 6 Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (✗) pada pernyataan yang **salah**.

(i) Campuran cili padi kampung dan bawang putih menghasilkan rasa pedas, lemak dan sedikit manis.	
(ii) Sambal taun dimasak menggunakan isi kerang, ikan bilis dan udang kering.	
(iii) Rasa sambal taun menyerupai masak lemak cili api.	

[2 markah]

PETIKAN KEDUA: PERMAINAN MISI TAMAN MINDA

Petikan ini mengandungi enam soalan.


Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1 Nyatakan tujuan permainan “Jejak Harta Karun Ilmu: Misi Taman Minda”.

- (i) meningkatkan kebolehan _____
- (ii) menguji kebijaksanaan murid
- (iii) mengukuhkan kerjasama

[1 markah]

2 Lengkapkan rajah berkaitan dengan barang-barang yang terkandung dalam beg kecil.



[1 markah]

3 Murid berdepan dengan situasi konflik antara rakan dan diminta mencadangkan penyelesaian secara berhemah di _____.

[1 markah]

4 Kotak berkunci hanya boleh dibuka apabila murid

- A** menyelesaikan kesemua misi dan cabaran
- B** sampai ke destinasi terakhir dan menjawab soalan
- C** menyatakan pengajaran paling bermakna sepanjang misi
- D** mengaplikasikan ilmu dalam setiap kehidupan sebenar mereka

[1 markah]

5 Lengkapkan rajah berikut tentang tugas setiap kumpulan di perpustakaan dan di taman sekolah.

Perpustakaan	Taman Sekolah
Murid perlu: - membaca sebuah petikan - mengenal pasti _____	Murid perlu menjawab soalan: - aras rendah _____

[2 markah]

6 Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (✗) pada pernyataan yang **salah**.

(i) Kesilapan menjawab soalan teka-teki menyebabkan murid kehilangan masa.	
(ii) Surat misteri mengingatkan murid bahawa harta karun boleh dicari dengan kekuatan fizikal dan mental.	
(iii) Stesen permainan dalam Misi Taman Minda adalah di kawasan taman sekolah, perpustakaan dan Taman Minda sahaja.	

[2 markah]

PETIKAN KETIGA: BERITA KERANA AMUKAN AIR

Petikan ini mengandungi enam soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

- 1 Antara berikut merupakan jalan yang terlibat dengan kesesakan teruk akibat hujan lebat di Kuala Lumpur **kecuali**
- A Jalan Yap Kwang Seng
 - B Jalan Tun Razak
 - C Jalan P. Ramlee
 - D Jalan Hock Ann

[1 markah]

- 2 Bilakah siren dengan status amaran dikeluarkan bagi Stesen Sungai Toba?
- A 5:30 pagi
 - B 6:30 pagi
 - C 7:30 pagi
 - D 8:30 pagi

[1 markah]

- 3 Penduduk Lembah Klang boleh mendapatkan info berkaitan dengan banjir menerusi portal info banjir

_____.


[1 markah]

- 4 Siren dengan status bahaya dikeluarkan yang membabitkan

- (i) Sungai Klang
- (ii) _____

[1 markah]

- 5 Lengkapkan rajah berkaitan dengan punca-punca berlakunya banjir kilat di Malaysia.



[2 markah]

- 6 Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (✗) pada pernyataan yang **salah**.

(i) Kawasan yang berlaku kesesakan lalu lintas adalah di kawasan sekitar Kuala Lumpur City Centre (KLCC).	
(ii) Kesesakan turut berlaku di Lebuhraya Bertingkat Kuala Lumpur-Ampang (AKLEH).	
(iii) Akibat kesesakan, kenderaan dari arah Bukit Nanas menuju ke arah Jalan Jelatek tidak bergerak sejak pukul 5:00 petang.	

[2 markah]


PETIKAN KEEMPAT: RENCANA CEMPULING

Petikan ini mengandungi **enam** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

- 1 Salah satu kumpulan yang giat memperjuangkan muzik cempuling ialah _____. [1 markah]

- 2 Lengkapkan rajah berkaitan dengan persembahan cempuling dalam pelbagai acara kebudayaan.



[1 markah]

- 3 Muzik cempuling mula diperkenalkan di Tanah Melayu pada _____. [1 markah]

- 4 Penggunaan bahasa Jawa membolehkan generasi muda mengenali dan menghayati seni warisan nenek moyang melalui

- I lakonan
- II cerita rakyat
- III tarian tradisonal
- IV persembahan memukau
- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

[1 markah]

- 5 Lengkapkan jadual dengan asal usul istilah cempuling.

Cempuling	cem	macam-macam
	pul	
	ling	ingat-mengingati

[1 markah]

- 6 Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (✗) pada pernyataan yang **salah**.

(i) Cempuling digunakan sebagai alat dakwah pada era awal kemunculannya.	
(ii) Cempuling dilestarikan sebagai simbol etnik di Kampung Sungai Pelek.	
(iii) Festival Cempuling dianjurkan oleh Perbadanan Adat Melayu Negeri Selangor.	

[2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN



Karangan Bahagian A

PRAKTIS 1

Umum mengetahui bahawa Malaysia mempunyai pelbagai destinasi menarik yang boleh dikunjungi seperti Cameron Highlands dan Langkawi. Namun, masih banyak rakyat Malaysia lebih berminat melancong ke luar negara berbanding dengan melancong di dalam negara sendiri. Oleh itu, terdapat langkah-langkah untuk menggalakkan aktiviti melancong di dalam negara.

PRAKTIS 2

Kesimpulannya, terdapat pelbagai kesan penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid sekolah. Oleh itu, murid sekolah sewajarnya menggunakan telefon pintar dengan bijak bukannya menghabiskan masa dengan permainan video atau media sosial. Penggunaan telefon pintar secara bijak diharapkan dapat melahirkan murid yang cemerlang dalam pelbagai aspek.

PRAKTIS 3

Pendahuluan:

Bangunan bersejarah merupakan tinggalan sejarah yang sangat bernilai dan melambangkan identiti serta keunikan sesebuah negara. Bangunan bersejarah seperti Porta de Santiago dan Carcosa Seri Negara bukan sahaja menjadi bukti sejarah, malah berpotensi menarik pelancong. Oleh itu, usaha untuk memulihara bangunan bersejarah di Malaysia perlu dilaksanakan secara berterusan agar khazanah ini tidak lenyap ditelan arus pembangunan moden.

Penutup:

Kesimpulannya, terdapat banyak usaha untuk memulihara bangunan bersejarah di Malaysia agar khazanah ini tidak lenyap. Oleh itu, semua pihak haruslah mengembleng tenaga untuk memastikan khazanah negara ini **tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas**. Diharapkan agar bangunan bersejarah terus terpelihara untuk mengekalkan sejarah dan identiti negara demi generasi akan datang.

PRAKTIS 4

Salah satu punca kepupusan hidupan liar di Malaysia ialah pembuangan sampah secara tidak terkawal. Hal ini dikatakan demikian kerana sampah sarap yang dibuang boleh mencemarkan habitat semula jadi haiwan. Misalnya,

sisia plastik seperti beg plastik dan botol minuman yang dibuang ke sungai akan hanyut ke perairan laut yang menjadi habitat hidupan marin. Kesannya, hidupan liar marin seperti penyu sering termakan plastik kerana disangka ubur-ubur sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian.

Selain itu, pemburuan haram turut menjadi penyumbang utama kepada kepupusan hidupan liar di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana pemburu haram menangkap dan membunuh hidupan liar tanpa kawalan untuk mendapatkan keuntungan yang tinggi. Contohnya, Harimau Malaya diburu untuk mendapatkan kulitnya manakala gajah diburu untuk memperoleh gading yang bernilai tinggi. Akibatnya, bilangan haiwan seperti Harimau Malaya semakin berkurangan, iaitu berjumlah antara 250 hingga 340 ekor sahaja pada tahun 2016.

PRAKTIS 5

Keselamatan di sekolah merupakan aspek penting yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak. Sejak akhir-akhir ini, banyak kes kemalangan berlaku di sekolah yang dilaporkan oleh media massa seperti terjatuh dari balkoni dan terkena merkuri. Oleh itu, pelbagai langkah perlu diambil untuk memastikan keselamatan warga sekolah.

Salah satu langkah untuk memastikan keselamatan di sekolah ialah kawalan keselamatan di pintu pagar sekolah oleh pengawal keselamatan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengawal keselamatan berperanan menjaga persekitaran sekolah agar sentiasa selamat. Contohnya, pengawal keselamatan akan mengawal aktiviti keluar masuk murid, guru dan pelawat agar tiada pihak luar yang mencerooboh kawasan sekolah tanpa kebenaran. Kesannya, keselamatan warga sekolah akan terpelihara melalui peranan yang dimainkan oleh pengawal keselamatan.

Selain itu, program latihan kebakaran perlu dilaksanakan secara berkala di sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada murid dan warga sekolah tentang prosedur keselamatan semasa berlaku kebakaran. Contohnya, murid akan didedahkan tentang cara menyelamatkan diri dan keluar dari bangunan dengan teratur serta selamat sekiranya berlaku kebakaran. Kesannya, risiko kecederaan dan kehilangan nyawa dapat dikurangkan.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai usaha untuk memastikan keadaan sekolah sentiasa selamat dan kondusif. Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama **bagai aur dengan tebing** untuk memastikan sekolah sentiasa selamat. Melalui usaha ini, kita mengharapkan kes-kes kemalangan di sekolah yang kerap dilaporkan dapat dikurangkan.

PRAKTIS 6

Saya ingin memohon kerja sebagai seorang mekanik kenderaan yang diiklankan dalam akhbar. Berikut merupakan butiran maklumat peribadi saya.

MAKLUMAT PERIBADI

Nama Penuh : _____
 Tarikh Lahir : _____
 Alamat Rumah : _____
 Nombor Telefon : _____
 E-mel : _____

ANUGERAH

Saya merupakan graduan Institut Kemahiran MARA Kuala Lumpur yang memegang Diploma Kemahiran Automatif. Saya memperoleh 9A dalam peperiksaan SPM termasuklah mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Semasa di tingkatan 5, saya menjadi johan pertandingan “Young Engineers” yang diadakan semasa minggu STEM.

KEMAHIRAN BAHASA

Saya fasih dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang akan membantu saya untuk menjawab segala pertanyaan pelanggan dan berkomunikasi dengan berkesan dengan pelanggan dari pelbagai pelosok negara. Tidak dikesampingkan juga kebolehan saya untuk memahami pelbagai loghat bahasa yang terdapat di Malaysia seperti loghat Kelantan dan Terengganu.

KEMAHIRAN TAMBAHAN

Sebagai Ketua Pengawas Skim Pinjaman Buku Teks di Sekolah Menengah Kebangsaan SK1 Bandar Diraja, saya mempunyai pengalaman dalam aspek pengurusan memproses data buku teks murid dan membuat laporan penyerahan buku teks. Saya juga didedahkan dengan kerja secara berkumpulan. Kemampuan saya ini membolehkan saya untuk membuat laporan pemeriksaan kenderaan dengan lengkap dan sempurna.

POTENSI DIRI

Saya proaktif untuk menyelesaikan apa-apa juga masalah yang dihadapi kerana moto saya ialah **genggam bara api, biarlah sampai jadi arang**. Sehubungan dengan itu, saya sangat menitikberatkan disiplin diri, integriti dan profesional terhadap pelanggan untuk memberikan pengalaman pertama yang baik.

RUJUKAN

Alan Bin Bahrudine
 Pengetua SMK SK1 Bandar Damansara
 Nombor Telefon: 011-9876543
 E-mel: alankey@gmail.com

TOPIK 2

Karangan Bahagian B

PRAKTIS 1

Semangat kejiranan merupakan elemen penting dalam pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Hubungan erat antara jiran tetangga bukan sahaja dapat memupuk perpaduan, malah menjamin keselamatan serta kesejahteraan hidup bermasyarakat. Namun begitu, pemodenan yang pesat menyebabkan semangat kejiranan semakin luntur dalam kalangan masyarakat kini. Fenomena ini perlu diberi perhatian serius kerana boleh menjejaskan keharmonian sosial dan kestabilan komuniti setempat. Persoalannya, apakah punca-punca semangat kejiranan semakin luntur dalam kalangan masyarakat? Persoalan ini akan dikupas hingga akar umbi.

PRAKTIS 2

Kesimpulannya, kepentingan ekopelancongan kepada masyarakat dan negara meliputi aspek ekonomi, pelestarian budaya warisan tempatan dan perlindungan alam semula jadi. Pihak kerajaan, pengusaha dan pelancong wajar bersama-sama **bagai aur dengan tebing** untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar dalam usaha memajukan ekopelancongan. Melalui kerjasama ini, Malaysia akan terus menjadi pilihan utama para pelancong sebagai destinasi ekopelancongan terbaik dunia dan nama Malaysia akan kekal gah dalam peta pelancongan dunia.

PRAKTIS 3

Salah satu usaha yang boleh dilakukan adalah dengan memberikan pendedahan kepada golongan muda tentang penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian. Teknologi moden seperti dron, sistem pengairan automatik dan pertanian pintar mampu menjadikan kerja pertanian lebih mudah dan efisien. Sebagai contoh, penggunaan dron untuk mengawasi tanaman dapat menjimatkan masa serta mengurangkan tenaga buruh yang diperlukan. Kesan daripada penggunaan teknologi ini, persepsi negatif terhadap sektor pertanian dapat diubah dan golongan muda akan melihatnya sebagai bidang yang menarik serta relevan dengan dunia moden. Oleh itu, penggunaan teknologi moden ialah kunci utama untuk menarik minat golongan muda terhadap sektor ini.

PRAKTIS 4

Selain itu, sikap masyarakat yang tidak berbangga dengan makanan warisan turut menyumbang kepada masalah ini. Ramai dalam kalangan masyarakat pada hari ini lebih memandang tinggi makanan luar negara kerana dianggap lebih moden dan berkualiti tinggi. Sebagai contoh, restoran makanan segera sering menjadi tumpuan berbanding dengan gerai atau restoran yang menyajikan

makanan tradisional seperti laksa dan nasi dagang. Kesannya, generasi muda semakin kurang terdedah kepada makanan tradisional, sekali gus menyebabkan popularitinya merosot. Sikap seperti ini amat merugikan kerana makanan warisan adalah yang terbaik bak kata peribahasa **hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri**. Oleh itu, masyarakat perlu berubah dan mula menghargai makanan tradisional sebagai lambang identiti bangsa.

PRAKTIS 5

Di samping itu, media sosial juga boleh menjana sumber pendapatan kepada sesetengah pengguna. Dengan populariti platform seperti *YouTube*, *TikTok* dan *Instagram*, banyak pengguna berjaya menjadikan media sosial sebagai medium untuk menjana pendapatan. Sebagai contoh, para usahawan memasarkan produk mereka secara dalam talian, manakala pengengaruh mendapat pendapatan melalui promosi berbayar daripada syarikat-syarikat besar. Kesan daripada peluang ini, banyak individu terutama golongan muda dapat menjana pendapatan tambahan dan membina kerjaya secara dalam talian. Peribahasa Melayu ada mengatakan, **di mana ada kemahuan, di situ ada jalan** dan media sosial telah menjadi jalan kepada kejayaan bagi banyak individu yang bijak memanfaatkannya.

PRAKTIS 6

Mutakhir ini, jenayah gengsterisme dan buli semakin menular dalam kalangan masyarakat, khususnya golongan remaja. Fenomena ini bukan sahaja berlaku di luar sekolah, malah turut mencemarkan institusi pendidikan yang seharusnya menjadi medan pembentukan sahsiah dan jati diri. Perbuatan membuli, memeras ugut serta bertindak ganas bukan sahaja menjejaskan keselamatan mangsa, malah meruntuhkan keharmonian sosial dan mencorakkan imej negatif terhadap generasi muda. Jika masalah ini tidak ditangani dengan serius, gejala ini diibaratkan barah yang merebak dan sukar dibendung. Oleh itu, punca-punca berlakunya jenayah gengsterisme dan buli perlu dikenal pasti agar langkah pencegahan dapat dilaksanakan secara berkesan.

Punca utama berlakunya jenayah gengsterisme dan buli ialah pengaruh rakan sebaya. Pada usia remaja, seseorang mudah terikut-ikut dengan ajakan rakan untuk mendapatkan pengiktirafan dan rasa diterima dalam kumpulan. Rakan yang berkelakuan agresif sering mempengaruhi individu lain untuk membuli atau menyertai kumpulan samseng sebagai tanda keberanian dan kesetiaan. Sebagai contoh, ada murid yang sanggup memeras ugut rakan sekelas kerana takut disisihkan oleh kumpulan mereka. Lama-kelamaan, perbuatan negatif ini menjadi kebiasaan dan membentuk budaya ganas dalam kalangan remaja. Jelaslah bahawa pengaruh rakan sebaya memainkan peranan besar untuk mendorong perlakuan gengsterisme dan buli.

Selain itu, kepincangan institusi kekeluargaan turut menjadi punca berlakunya jenayah gengsterisme dan buli. Ibu bapa yang terlalu sibuk bekerja atau menghadapi konflik rumah tangga menyebabkan anak-anak kurang mendapat perhatian dan kasih sayang. Keadaan ini membuatkan remaja berasa terabai lalu mencari sokongan emosi di luar rumah. Akibatnya, mereka mudah terpengaruh dengan kumpulan yang menjanjikan perlindungan dan rasa kebersamaan. Sebagai contoh, remaja daripada keluarga bermasalah cenderung melibatkan diri dalam kegiatan buli sebagai cara meluahkan kemarahan dan kekecewaan yang terpendam. Tegasnya, keluarga yang pincang menjadi salah satu punca utama pembentukan tingkah laku agresif.

Seterusnya, pengaruh media sosial dan media massa turut menyumbang kepada berlakunya gengsterisme dan buli. Paparan keganasan, bahasa kesat serta budaya tular yang melampau memberikan kesan negatif terhadap pemikiran dan tingkah laku remaja. Mereka mula menganggap perbuatan membuli sebagai hiburan atau cara untuk meraih populariti. Contohnya, terdapat kes buli yang dirakam dan dimuat naik dalam media sosial untuk mendapatkan tontonan dan tanda suka. Perbuatan ini bukan sahaja mencederakan mangsa, malah menggalakkan orang lain meniru perlakuan yang sama. Oleh itu, penggunaan media tanpa kawalan menjadi pemangkin kepada peningkatan jenayah sosial.

Kesimpulannya, jenayah gengsterisme dan buli berpunca daripada pelbagai faktor seperti pengaruh rakan sebaya, keretakan institusi keluarga dan pengaruh media. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu berganding bahu **bagai aur dengan tebing** untuk membanteras gejala ini sebelum **nasi menjadi bubur**. Ibu bapa, pihak sekolah dan masyarakat harus memainkan peranan masing-masing secara bersepadu. Dengan usaha berterusan, generasi muda dapat dibentuk menjadi insan berakhlak mulia, seterusnya melahirkan masyarakat yang aman, harmoni dan sejahtera.



Morfologi

1 Senarai

Kata sendi nama

- (i) dengan
- (ii) oleh
- (iii) bagi
- (iv) pada

Bina ayat

- (i) Gopinath membersihkan halaman rumah dengan ayah sebelum tetamu tiba.
- (ii) Sekotak pen diberikan oleh Choo Lien kepada Cikgu Zanariah sempena Hari Guru.
- (iii) Puan Zurita mengadakan kelas tambahan percuma bagi murid-murid yang kurang berkemampuan.
- (iv) Semua pengawas diminta berkumpul di dalam dewan pada waktu rehat untuk taklimat perkhemahan.

2 Senarai**Kata bantu**

- (i) telah
- (ii) masih
- (iii) mampu
- (iv) perlu
- (v) dapat

Bina ayat

- (i) Aaron telah sampai ke Osaka dengan selamat untuk meneruskan pengajiannya selama empat tahun.
- (ii) Encik Wong masih tinggal di kawasan pedalaman untuk meneruskan kerjaya sebagai guru.
- (iii) Puan Irdina tidak mampu membayar sewa rumah sejak kematian suaminya.
- (iv) Setiap murid perlu berdisiplin untuk mencapai kejayaan dalam peperiksaan.
- (v) Abirami dapat menamatkan pengajiannya dalam bidang perubatan dengan jayanya.

3 Senarai**Kata kerja pasif**

- (i) diamalkan
- (ii) diwujudkan
- (iii) dijalinkan
- (iv) diselesaikan

Bina ayat

- (i) Sikap saling menghormati antara jiran tetangga perlu diamalkan oleh semua penduduk demi kehidupan yang harmoni.
- (ii) Suasana pembelajaran yang kondusif harus diwujudkan agar murid dapat belajar dengan lebih berkesan.
- (iii) Hubungan yang erat antara ibu bapa dan pihak sekolah wajar dijalinkan untuk memastikan perjalanan program ilmu lancar.
- (iv) Sebarang pertelingkahan dalam komuniti perlu diselesaikan secara berhemah supaya keharmonian masyarakat tidak terjejas.

4 Senarai**Kata berimbuhan pinjaman**

- (i) mahasiswa
- (ii) proaktif
- (iii) dwitahunan
- (iv) tatacara
- (v) insaniah

Bina ayat

- (i) Setiap mahasiswa perlu menimba ilmu dengan bersungguh-sungguh untuk masa depan yang lebih terjamin.
- (ii) Sikap proaktif perlu diamalkan agar seseorang mampu mengambil inisiatif sebelum masalah timbul.
- (iii) Karnival kerjaya dwitahunan itu dianjurkan untuk memberikan pendedahan awal kepada murid tentang peluang pekerjaan.

- (iv) Semua murid perlu mengikut tatacara yang ditetapkan semasa menjalankan uji kaji.
- (v) Kemahiran insaniah yang perlu dimiliki oleh graduan ialah komunikasi berkesan, kerja berpasukan, penyelesaian masalah dan kepimpinan.

5 Senarai**Kata kerja berimbuhan awalan**

- (i) mencari
- (ii) dianggap
- (iii) bekerja
- (iv) berbanding
- (v) memilih

Bina ayat

- (i) Pak Usu sanggup meredah hutan untuk mencari akar kayu bagi rawatan isterinya.
- (ii) Sikap rajin dan jujur sering dianggap sebagai kualiti penting dalam diri seseorang.
- (iii) Para guru sentiasa bekerja keras untuk memastikan setiap murid mencapai kejayaan dalam peperiksaan.
- (iv) Adik Amirah lebih pintar berbanding dengan abangnya.
- (v) Kita perlu bijak memilih rakan yang bersikap positif supaya dapat mencapai kejayaan.

6 Senarai**Kata kerja berimbuhan apitan**

- (i) membolehkan
- (ii) menjalankan
- (iii) menerusi
- (iv) mencontohi

Bina ayat

- (i) Penggunaan teknologi di dalam bilik darjah membolehkan murid memahami pelajaran dengan lebih jelas.
- (ii) Pihak sekolah menjalankan pelbagai program untuk meningkatkan keyakinan diri murid sebelum menghadapi peperiksaan.
- (iii) Murid dapat memperkukuh kemahiran berbahasa menerusi aktiviti perbincangan dan pembentangan yang dilaksanakan di dalam kelas.
- (iv) Kita perlu mencontohi keperibadian para guru yang sentiasa bersemangat untuk mendidik murid dengan tekun.

**Sintaksis**

- 1 (i) Ayat larangan
- (ii) Ayat silaan
- (iii) Ayat suruhan
- (iv) Ayat larangan
- (v) Ayat permintaan
- (vi) Ayat silaan

- 2 (i) Kaedah bimbingan rakan sebaya meninggalkan kesan terhadap pencapaian akademik kerana murid berasa lebih selesa dengan rakan sebaya.
(ii) Guru mata pelajaran boleh memadankan pembimbing rakan sebaya dengan murid lain yang memerlukan bimbingan.
(iii) Penyeliaan guru juga sangat penting untuk memastikan murid terlibat secara aktif.
- 3 (i) (a) Ribuan pesakit memerlukan transfusi darah pada setiap tahun.
(b) Darah didermakan oleh orang ramai pada setiap tahun.
(ii) (a) Kecederaan tertentu boleh menyebabkan seseorang itu kehilangan banyak darah.
(b) Penyakit tertentu boleh menyebabkan seseorang itu kehilangan banyak darah.
(iii) (a) Pendermaan darah memberikan kelebihan kepada penerima.
(b) Pendermaan darah memberikan faedah kesihatan kepada penderma.
- 4 (i) Subjek: Rumah tangga yang sejahtera
Predikat: terbentuk daripada keprihatinan ibu bapa tentang amalan cara hidup sihat dan cergas
(ii) Subjek: Maklumat penjagaan diri dan pemakanan
Predikat: diperoleh daripada beberapa laman sesawang seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri, dan Kelab Nutrisi Malaysia
(iii) Subjek: Pengambilan makanan seimbang dalam diet seharian
Predikat: dapat mengurangkan risiko menghidap beberapa jenis penyakit
- 5 (i) Berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam kehidupan golongan siswa pada masa ini.
(ii) Untuk menangani sebarang perubahan dan tekanan yang mendatang siswa seharusnya berdaya tahan.
(iii) Dalam kehidupan siswa, perkara ini penting agar mereka dapat memperkasakan jati diri untuk mempertahankan kesejahteraan negara.
- 6 (i) “Abang hendak ke mana?” tanya Mak Temah kepada suaminya itu.
(ii) “Abang hendak pergi ke rumah penghulu,” jawab Pak Zubir.
(iii) “Awak makanlah dulu, abang akan makan lepas balik rumah nanti,” kata Pak Zubir kepada isterinya.
- (v) penguatkuasa – penguat kuasa
(vi) demi – agar
(vii) hubungi semula mereka – hubungi mereka semula
(viii) negara luar – luar negara
(ix) sewenangnyanya – sewenang-wenangnyanya
(x) apa – apa-apa
(xi) dikhuatir-dikhuatiri
- 2 (i) berwangi – wangi
(ii) goreng ayam – ayam goreng
(iii) pelbagai rempah-ratus – rempah ratus/pelbagai rempah
(iv) gula Melaka – gula melaka
(v) kuih muih – kuih-muih
(vi) pari-pari – pari
(vii) bayan – bayam
(viii) mee – mi
(ix) mango – mangga
(x) code – kod
(xi) diterima oleh kami – kami terima
(xii) beramai – beramai-ramai
- 3 (i) lebih bekerja lancar – bekerja lebih lancar
(ii) memelihara – memelihara
(iii) memberi – memberikan
(iv) setengah – sesetengah
(v) kacang mentega – mentega kacang
(vi) mentel – mental
(vii) adalah – ialah
(viii) buahan-buahan – buah-buahan
(ix) pembentukan – pembentukan
(x) kekeringannya – kekurangannya
(xi) di dalam – dalam
- 4 (i) kursusnya – khususnya
(vi) merangkuli – merangkul
(iii) pada – kepada
(iv) sekaligus – sekali gus
(v) Keprihatinan – Keprihatinan
(vi) yang – bahawa
(vii) pesada – persada
(viii) bagi – untuk
(ix) hub – hab
- 5 (i) bisol – bisul
(ii) Pada – Di
(iii) banyak pokok-pokok – banyak pokok
(iv) di antara – antara
(v) parasnya – bentuknya
(vi) merawat – merawat
(vii) mampu – boleh
(viii) melagakan – melegakan
(ix) perut kembung – kembung perut
- 6 (i) melaksanakan – mengadakan
(ii) insiatif – inisiatif
(iii) tanahair – tanah air
(iv) Sehubungan itu – Sehubungan dengan itu



Penyuntingan

- 1 (i) Tolong jangan – Jangan
(ii) diperolehi – diperoleh
(iii) Semakan – Semak
(iv) menghalang – menyekat

- (v) dari – daripada
- (vi) 40 murid – 40 orang murid
- (vii) pengawal – pengiring
- (viii) December – Disember
- (ix) memperkukuhkan – memperkukuh/ mengukuhkan
- (x) cintakan – cinta akan
- (xi) kami amat hargai – amat kami hargai



Bahasa Melayu Standard

- 1 Bendahara kembali ke Melaka lalu menghadap Sultan Muzaffar Syah. Bendahara memberitahu/ mempersembahkan semua perkhabaran/ berita/ perihal ehwal Ke Bawah Duli Sultan. Baginda terlalu/ sangat/ amat gembira/ suka/ sukacita lantas baginda memberikan persalinan kepada Bendahara Paduka Raja pakaian yang mulia-mulia, semua hulubalang yang pergi bersama-sama turut dianugerahi oleh baginda persalinan mengikut kedudukan masing-masing.
- 2 Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah Raja Siam di benua Siam. Raja Benua Siam pun terlalu murka lalu berlengkap untuk menyerang Melaka. Baginda menitahkan panglimanya, iaitu Awi Cakri untuk membawa rakyat yang amat banyak sehingga tidak terkira untuk serangan tersebut. Segala perkara yang berlaku dipersembahkan oleh orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalangnya untuk menyerang Melaka.
- 3 Tidak dijawab oleh Tun Perak pertanyaan/ kata-kata itu. Sekali lagi Seri Amerta bertanya, namun tidak dijawab oleh Tun Perak. Cukup tiga kali Seri Amerta bertanya, barulah dijawab oleh Tun Perak, katanya, “Wahai Seri Amerta, tuan hamba dengan sebilah pedang tuan hamba itu, hendaklah tuan hamba jaga dengan baik, jangan dibiarkan berkarat, jangan dibiarkan matanya tumpul.
- 4 Kedengaran/ Sampailah khabar/ berita ke Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati/ meninggal dunia kerana sakit sehingga muntah darah dan adanya seolah-olah kena panah/ dipanah. Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar/ berita itu, baginda bertitah, “Benarlah Tuan Sidi Arab ini seorang hamba Allah yang mempunyai keramat/ sakti/ kelebihan/ keistimewaan.” Baginda memuji Tuan Sidi Arab dan dianugerahi oleh baginda dengan selayaknya/ setimpalnya/ kemampuan.
- 5 Setelah itu Tuan Sidi Arab menghadap/ menyembah Sultan Muzaffar Syah. Selepas Tuan Sidi Arab mendengar berita Cau Pandan akan datang ke Melaka, beliau/ dia berdiri menghadap baginda/ sultan. Beliau/ Dia menghalakan/ mengarahkan panahnya ke benua Siam. Tuan Sidi Arab berkata sambil menarik busar/ panahnya, “Mati engkau/ kamu, Cau Pandan.”

- 6 Setelah/ Selepas itu, lalu/ kemudian baginda berfikir hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Kemudian/ Lalu baginda menyuruh orangnya memanggil Seri Nara Diraja; lalu/ kemudian dia hadirilah/ datanglah. Lalu/ Kemudian titah Sultan Muzaffar Syah, “Mahukah/ Setujukah Seri Nara Diraja beristeri?” Lalu/ Kemudian sembahnya, “Jikalau ada kurnia daripada Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku.”



Peribahasa

- 1 (i) telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua
(ii) gulung tikar
(iii) seperti cendawan tumbuh selepas hujan
- 2 (i) ular menyusur akar tak akan hilang bisanya
(ii) bumi mana yang tidak ditimpa hujan
(iii) hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- 3 (i) sambil menyelam minum air/ serampang dua mata
(ii) masa itu emas
(iii) ringan tulang
(iv) berat mata memandang berat juga bahu memikul (pilih tiga peribahasa sahaja)
- 4 (i) berganding bahu – bagai aur dengan tebing
(ii) berat sama dipikul ringan sama dijinjing – bukit sama didaki, lurah sama dituruni
(iii) di mana ada kemahuan, di situ ada jalan – hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- 5 (i) kalau tidak berada-ada, masakan tempua bersarang rendah – kalau tiada angin masakan pohon bergoyang
(ii) alang-alang mandi biar basah – alang-alang berdakwat biar hitam/ alang-alang berminyak biar licin
(tidak diterima: alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan)
(iii) seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit – kerana nila setitik rosak susu sebelanga
- 6 (i) Peribahasa: ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk
Ayat: Kita perlu ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk dengan merendah diri dan menghormati orang lain walaupun kita berpendidikan tinggi.
(ii) Peribahasa: bagai isi dengan kuku
Ayat: Hubungan persahabatan Faiz dan Amir bagai isi dengan kuku kerana mereka sentiasa bekerjasama dan saling membantu dalam setiap tugas sekolah.
(iii) Peribahasa: sediakan payung sebelum hujan
Ayat: Kita perlu sediakan payung sebelum hujan dengan membuat simpanan kecemasan supaya kita dapat menghadapi perbelanjaan di luar jangkaan tanpa bebanan kewangan yang serius.



Pemahaman Petikan Umum

PRAKTIS 1

- (i) Penjualan produk tidak berdaftar sering berlaku:
- platform media sosial
 - kedai kecil
 - pasar malam
 - pusat kecantikan
- (ii) Implikasi-implikasi penggunaan produk kesihatan tidak berdaftar kepada pengguna:

Bahan 1:

- boleh mendatangkan risiko kesihatan yang tinggi kepada pengguna
- boleh menyebabkan kulit pengguna menjadi nipis, rosak teruk dan meningkatkan risiko penyakit kanser kulit
- mendorong kepada ekonomi gelap dan amalan perniagaan yang tidak beretika

Bahan 2:

- gangguan fungsi hati
- kerosakan buah pinggang kekal
- reaksi alergi ekstrem

- (iii) Seseorang pengguna masih memilih untuk membeli produk kesihatan ini walaupun mengetahui risikonya kerana:
- harga lebih murah berbanding dengan produk sah
 - kurang pengetahuan tentang produk tidak sah
 - terpengaruh dengan iklan/ media sosial tentang produk
 - terpengaruh dengan testimoni pengguna lain
 - terpengaruh dengan rakan atau keluarga
 - kurang penguatkuasaan daripada pihak KKM
- (iv) Tindakan segera yang wajar diambil:
- memeriksa label, kandungan dan status pendaftaran produk yang dijual
 - menasihati peniaga tentang kesalahan menjual produk kesihatan tidak berdaftar
 - mencatat butiran peniaga, lokasi dan jenis produk untuk tujuan siasatan lanjut
 - segera memaklumkan kepada pihak atasan
 - mengeluarkan notis atau saman
 - merampas produk yang tidak berdaftar untuk mengelakkannya terus dijual

PRAKTIS 2

- (i) Suasana yang tegang bermaksud keadaan/ situasi yang genting
- (ii) Kepentingan-kepentingan patriotisme:
- Bahan 1:**
- akan melahirkan rasa saling memahami dan saling mempercayai dalam kalangan masyarakat
 - dapat memupuk kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri

Bahan 2:

- kita saling memahami budaya masing-masing
- kita tak mudah diprovokasi atau berpecah belah
- rakyat yang patriotik tidak akan buat perkara yang salah terhadap negara

Bahan 3:

- mewujudkan perpaduan kaum
- pemangkin kemajuan negara
- menaikkan imej negara

- (iii) Usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat:

- guru mengajar subjek Sejarah dengan cara yang menarik dan relevan
- pihak sekolah mengadakan program sambutan Bulan Kebangsaan di sekolah
- pihak media massa dan media sosial menyiarkan atau menghasilkan program televisyen/ filem/ kandungan media sosial yang bertemakan patriotik
- masyarakat menyertai perarakan kemerdekaan/ aktiviti sekolah berkaitan dengan sambutan kemerdekaan
- ibu bapa perlu menghiasi rumah dengan bendera Malaysia
- kerajaan perlu mengadakan kempen kesedaran secara berterusan
- masyarakat menghias kawasan awam dengan bendera Malaysia

- (iv) Tindakan-tindakan yang boleh diambil:

- melaporkan kepada guru atau pihak pengurusan sekolah supaya tindakan pembedahan dapat dilakukan segera
- menasihati rakan atau pihak yang menggantung Jalur Gemilang supaya membetulkan cara gantungan
- mengajak rakan-rakan membetulkan kedudukan Jalur Gemilang
- menjelaskan kepada rakan-rakan tentang kepentingan menggantung Jalur Gemilang dengan cara yang betul
- menunjukkan contoh yang betul menggantung Jalur Gemilang

PRAKTIS 3

- (i) Mendapatkan risiko bermaksud menyebabkan/ membawa bahaya
- (ii) Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemalangan ketika mendaki gunung:

Bahan 1:

- kurangnya kesedaran pendaki sendiri
- maklumat yang tidak tepat tentang struktur tanah di kawasan pendakian
- membuat pemilihan kasut serta peralatan pendakian yang tidak sesuai

Bahan 2:

- keletihan melampau
- kurang berehat serta tidur

Bahan 3:

- kurang pengalaman dalam aktiviti pendakian
- keadaan cuaca yang tidak menentu
- tidak menggunakan malim gunung yang berdaftar

- (iii) Kebaikan-kebaikan melakukan aktiviti sukan lasak:
- membina kekuatan otot dan ketahanan fizikal secara keseluruhan
 - meningkatkan kesihatan badan
 - melatih diri untuk menghadapi cabaran dan menguji kesabaran
 - menggalakkan kerjasama dan interaksi
 - membantu mengeratkan hubungan antara rakan-rakan
- (iv) Cadangan-cadangan persediaan yang boleh diambil:
- mendapatkan maklumat tentang aktiviti kayak menerusi Internet/ media sosial/ media massa
 - mengikuti taklimat keselamatan dan latihan asas berkayak
 - menjaga kesihatan fizikal dan mental sebelum berkayak
 - menyediakan peralatan keselamatan yang lengkap
 - memantau keadaan cuaca dan air di Tasik Kenyir sebelum berkayak

PRAKTIS 4

- (i) Masalah yang sering berlaku di kawasan kejiranan:
- kes kecurian
 - masalah pembuangan sampah yang tidak terurus
 - membela haiwan peliharaan tapi dibiarkan berkeliaran
- (ii) Kelebihan-kelebihan semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat:
- Bahan 1:**
- dapat mengambil tahu tentang kehidupan insan di sekeliling kita yang berhadapan dengan kesusahan
 - dapat membantu jika ada dalam kalangan jiran kita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga
 - memastikan tiada insan menjadi mangsa perbuatan jenayah yang tidak berperikemanusiaan
- Bahan 2:**
- membolehkan kita saling membantu ketika kecemasan
 - boleh menambah kenalan
- (iii) Sebab-sebab semangat kejiranan semakin diabaikan:
- gaya hidup moden yang sibuk/ sibuk bekerja
 - pengaruh teknologi dan media sosial/ komunikasi lebih banyak berlaku secara maya
 - sikap mementingkan diri sendiri
 - perbezaan budaya dan latar belakang
 - kurang aktiviti komuniti/ kejiranan
 - corak kawasan perumahan

- (iv) Cara-cara untuk mengatasinya:
- memanggil jiran-jiran untuk bermesyuarat dan berbincang
 - membuat perancangan aktiviti kejiranan
 - mewujudkan kumpulan komunikasi dalam aplikasi terkini
 - membuat hebahan tentang aktiviti kejiranan dalam media sosial
 - saling bertegur sapa dengan lebih kerap
 - membuat aktiviti kerohanian/ sosial lebih kerap
 - saling berkongsi juadah/ hidangan/ buah tangan

PRAKTIS 5

- (i) Rakyat Malaysia semakin menerima kenderaan elektrik:
- hasil dorongan kesedaran alam sekitar
 - insentif dan sokongan padu daripada kerajaan
- (ii) Kelebihan-kelebihan menggunakan kenderaan elektrik:
- Bahan 1:**
- tidak menghasilkan sebarang pelepasan ekzos
 - mengurangkan pencemaran karbon secara drastik
- Bahan 2:**
- lebih praktikal kepada pemandu
 - kos tenaga lebih murah
 - pemanduan lebih lancar
- Bahan 3:**
- tiada pencemaran bunyi
 - kos penyelenggaraan lebih rendah
- (iii) Kesan-kesan pencemaran alam sekitar kepada negara:
- mengurangkan hasil sektor pelancongan
 - menjejaskan sektor pertanian, perikanan dan perhutanan akibat kerosakan ekosistem
 - meningkatkan kos rawatan kesihatan rakyat yang terdedah kepada penyakit
 - menjejaskan kualiti hidup rakyat kerana udara, air dan tanah yang tercemar
 - meningkatkan kadar penyakit kronik
 - menimbulkan keresahan masyarakat apabila sumber asas semakin berkurangan
 - menjejaskan imej negara di mata dunia sebagai sebuah negara yang tidak menjaga kelestarian
 - menghalang usaha kerajaan mencapai matlamat pembangunan mampan dan sifar bersih
- (iv) Cara-cara untuk mengatasinya:
- mengambil gambar sebagai bukti
 - menasihati pihak kilang supaya tidak membakar sisa kayu secara terbuka
 - menggalakkannya menggunakan kaedah kitar semula/ menjadikan sisa kayu sebagai bahan kraf tangan
 - mencadangkan kepadanya supaya sisa kayu dijadikan baja kompos/ bahan bakar mesra alam
 - melaporkan aktiviti pembakaran terbuka kepada pihak berkuasa tempatan/ Jabatan Alam Sekitar

PRAKTIS 6

- (i) Menjadi penghalang bermaksud mendatangkan/ menyebabkan penghadang/ penyekat.
- (ii) Manfaat-manfaat pertanian bandar:

Bahan 1:

 - mampu meningkatkan pengeluaran makanan
 - menyokong kelestarian alam sekitar
 - untuk mengurangkan pelepasan karbon

Bahan 2:

 - membantu isi rumah meringankan kos sara hidup
 - mampu mendapatkan bahan makanan yang segar dan bebas bahan kimia berbahaya
- (iii) Kesan penggunaan teknologi moden:
 - dron dan penderia membantu memantau tanaman
 - mengurangkan pembaziran melalui sistem kawalan automatik
 - memastikan tanaman bebas penyakit dan berkualiti tinggi
 - dapat menjimatkan tenaga buruh
 - hasil yang lebih konsisten dan berkualiti/ meningkatkan keuntungan
 - membantu mengurangkan pencemaran/ mengekalkan kesuburan tanah
- (iv) Cadangan pelan aktiviti untuk memastikan projek tanaman hidroponik di sekolah berjaya:
 - memberikan penerangan tentang konsep hidroponik
 - berbincang tentang jenis tanaman yang sesuai
 - melakukan pembahagian tugas
 - memilih lokasi yang strategik
 - meminta murid mencari maklumat tambahan menerusi Internet
 - menyediakan jadual pemantauan mingguan



Pemahaman Petikan Sastera

PRAKTIS 1

- (i) Berdasarkan Bahan 1, kesan-kesan apabila seseorang itu menghadapi masalah saraf:
 - resah apabila berdiri
 - hampir rebah apabila bangun
 - lelah ketika baring
 - goyah apabila berjalan
- (ii) Dengan merujuk semua bahan, kebaikan-kebaikan merawat penyakit dengan menggunakan kaedah alternatif:

Bahan 1

 - kiropraktor mengubat tanpa ubatan

Bahan 2

 - bunga raya putih sebagai alat tuam untuk merawat bisul dan bengkak

- daun kaduk boleh dijadikan ulam, manakala akarnya digunakan untuk merawat sakit gigi, batuk dan kulat pada kaki
- minyak serai/ serai ini bagus untuk mengurangkan sengal-sengal sendi
- minyak serai juga membantu merawat masalah kelemumur pada rambut
- berfungsi sebagai aromaterapi yang dapat meredakan rasa cemas

Bahan 3

- minyak kelapa untuk menyembuhkan sengal

- (iii) Faktor-faktor masyarakat dahulu amat yakin akan kemujaraban herba untuk merawat pelbagai penyakit:
 - kekurangan akses kepada perubatan moden
 - kos yang rendah
 - herba mudah diperoleh
 - tiada bahan kimia/ kandungan nutrisi yang tinggi
 - kepercayaan turun-temurun daripada nenek moyang
- (iv) Sekiranya saya ialah Alisa, tindakan-tindakan yang akan saya lakukan untuk mengatasi masalah tersebut:
 - memujuk/ menasihati nenek agar mencuba rawatan moden
 - menunjukkan testimoni/ video orang lain yang telah sembuh
 - mendapatkan nasihat daripada pengamal perubatan tradisional/ orang yang dipercayai/ orang tengah
 - meminta ibu bapa menasihati nenek/ adik-beradik/ ahli keluarga
 - mencari info dalam Internet/ media sosial untuk meyakinkan nenek

PRAKTIS 2

- (i) Alasan Manis tidak dapat balik berdasarkan Bahan 1:
 - Manis sibuk sebab sekarang akhir tahun
 - niat Manis untuk berjaya dalam pengajiannya
- (ii) Masalah yang dihadapi oleh kedua-dua warga emas tersebut:

Bahan 1

 - aku tidak merestui rasa rindu yang selalu mengganggu emosiku

Bahan 2

 - siapakah yang akan datang menjengukku
 - seorang tua sunyi
 - menderita dan mengerang kesakitan
- (iii) Cara-cara untuk mengelakkan ibu bapa yang sudah tua berasa sunyi:
 - anak-anak perlu menghubungi ibu bapa dan berbual dengan kerap agar mereka tidak berasa sunyi

- berusaha memperuntukkan masa untuk bertemu dengan ibu bapa dan melayani mereka
- menjemput ibu bapa tinggal bersama-sama untuk tempoh waktu tertentu

- (iv) Tindakan yang akan saya lakukan untuk mengubati kerinduan nenek:
- menghubungi sepupu untuk memujuk mereka agar pulang menjenguk nenek
 - memberitahu mereka bahawa nenek amat merindui mereka kerana sudah lama tidak berjumpa
 - meminta ibu dan ayah menasihati bapa saudara agar pulang ke kampung dengan keluarganya

PRAKTIS 3

- (i) Berdasarkan Bahan 2, manusia di kota dipisahkan oleh:
- benteng-benteng ketaasuban
 - kepentingan diri masing-masing
 - mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah

- (ii) Tindakan-tindakan yang mampu mengekalkan keharmonian negara yang terdiri daripada pelbagai kaum:

Bahan 1

- tidak saling curiga
- tidak saling wasangka
- orang yang lemah dibantu oleh orang yang bertenaga/ lebih kuat

Bahan 3

- jurang kecil jangan diperbesar
- menghormati orang lain
- menegur dengan cermat/ berhemah
- bersatu padu
- jangan dihidupkan dendam kesumat

- (iii) Faedah-faedah jika rakyat berbilang kaum saling menghormati:

- dapat mengelakkan perbalahan antara kaum
- pelbagai kaum hidup dalam suasana harmoni
- perpaduan kaum semakin kukuh
- memelihara kestabilan politik
- mengukuhkan ekonomi negara

- (iv) Sebagai guru kelas, langkah-langkah saya untuk menggalakkan interaksi sesama mereka:

- organisasi kelas terdiri daripada pelbagai kaum
- memberikan latihan atau kerja berkumpulan dengan syarat perlu berlainan kaum
- sering melakukan gotong-royong mengemas kelas agar hubungan mereka menjadi erat
- sering memberikan nasihat agar mereka tidak kekok bergaul walaupun berbeza kaum
- menyusun tempat duduk murid melibatkan pelbagai kaum

PRAKTIS 4

- (i) Punca-punca Tini masih belum bekerja:
- belum buat permohonan apa-apa lagi
 - malas nak kerja makan gaji
 - kerja sendiri lebih baik
 - aku ingin buat kerja kampung

Bahan 1

- kesabaran
- ketekunan
- semangat dan usaha

- (ii) Ciri-ciri positif yang perlu ada dalam diri seseorang remaja untuk mencapai kejayaan:

Bahan 2

- azam dan cita yang teguh
- mengasah potensi diri
- mempunyai banyak ilmu (ilmu penuh di dada)
- bersemangat
- tabah

Bahan 3

- mengharungi cabaran
- menempuh dugaan
- menyelesaikan kesulitan
- halangan bukan alasan

- (iii) Tindakan yang wajar dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mengatasi masalah tersebut:

- pihak sekolah mengadakan tabung kutipan derma
- syarikat swasta boleh menaja pengajian mereka
- kerajaan menyediakan biasiswa khas
- badan bukan kerajaan boleh menyediakan tabung kelengkapan pembelajaran

- (iv) Tindakan-tindakan yang akan saya lakukan untuk membantunya:

- memberikan sokongan emosi/ menjadi pendengar yang baik
- menasihatinya supaya berbincang secara terbuka dengan ibu bapa tentang perasaannya
- menggalakkan rakan mendapatkan khidmat kaunselor sekolah
- mengajak rakan menyertai aktiviti positif/ beriadah/ khidmat masyarakat
- membantu rakan dalam pelajaran
- memberikan kata-kata semangat/ motivasi/ dorongan
- memintanya berdoa kepada Tuhan/ beribadat

PRAKTIS 5

- (i) Tanggungjawab-tanggungjawab Ahmad Mutawakkil:
- ke sana sini untuk berceramah
 - Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar
 - dia juga terkenal sebagai wartawan

- (ii) Layanan penjajah terhadap para pejuang:

Bahan 1

- penjajah menggelarkan kau/ pahlawan/ pejuang penderhaka
- membunuh dan menangkap setiap pejuang

Bahan 2

- Tuan Booth mahu meraikan kejayaannya itu

- (iii) Cara-cara untuk memastikan jasa mereka kekal subur dalam kalangan masyarakat:

- menerbitkan filem berkaitan dengan pahlawan
- menamakan bangunan atau jalan dengan nama pahlawan
- membina tugu negara/ memorial
- menyediakan sudut tentang pahlawan di muzium
- menerbitkan buku/ biografi berkaitan dengan pahlawan

- (iv) Aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk memperingati jasa tokoh-tokoh pejuang negara:

- menulis karangan berkaitan dengan pejuang
- melukis poster/ mural berkaitan dengan pejuang
- mencipta sajak/ syair/ pantun tentang pejuang
- menyediakan satu sudut berkaitan dengan pejuang di dalam kelas atau pada bangunan sekolah
- mengadakan lawatan sambil belajar

PRAKTIS 6

- (i) Berdasarkan Bahan 2, kehidupan burung botak upeh sebelum hutan dimusnahkan:

- bebas terbang
- hatinya girang

- (ii) Kesan-kesan kemusnahan hutan akibat aktiviti manusia:

Bahan 1

- mentari suram
- dedaun menguning
- bukit gondol

Bahan 2

- burung botak upeh tidak bertambah
- sarang si upeh menyembah ke bumi

Bahan 3

- hutan dara itu telah ternoda
- hutan itu telanjang polos

- (iii) Peranan masyarakat untuk mengelakkan kemusnahan hutan di negara ini:

- masyarakat perlu melaporkan kepada pihak berkuasa
- masyarakat boleh memantau pihak pemaaju yang menjalankan pembangunan di tempat tinggal mereka
- masyarakat harus mempunyai kesedaran untuk memelihara hutan

- (iv) Sebagai rakyat yang prihatin, cara saya dan rakan-rakan dapat membantu untuk mengatasi masalah penebangan pokok secara haram di kawasan itu:

- memberitahu jawatankuasa kelab
- melaporkan penebangan hutan secara haram yang dilihat kepada pihak berkuasa
- mengambil gambar sebagai bukti
- menggunakan media sosial untuk menyebarkan maklumat



PRAKTIS NOVEL - Soalan 8 (i)

- 1 Perkara-perkara yang tidak terlintas di fikiran Raidah dua tahun lalu:

- dia bakal menjadi besan ahli korporat yang sangat berpengaruh di Bandar Raya Kuching
- bermenantikan seorang peguam yang bijak bercakap merangkap pengurus kewangan syarikat abahnya
- manusia tidak tahu apa-apa yang akan terjadi esok
- tidak semua dirancang berlaku seperti yang dirangka

- 2 Lampu yang menggunakan teknologi pengesanan pergerakan berfungsi:

- lampu akan menyala hanya apabila ada orang melalui kawasan tersebut
- selagi manusia melalui kawasan itu bergerak, lampu akan terpasang
- objek sudah berada jauh, lampu akan terpadam secara automatik
- lampu-lampu lain yang berada hampir dengan objek bergerak itu pula akan terpasang

- 3 Keadaan di dalam kedai yang dikunjungi oleh See Hwa dan Haiqal:

- buku-buku yang dijual tersusun kemas mengikut kategorinya
- kebanyakan buku yang dijual ialah buku rujukan dan buku latihan untuk peperiksaan
- bahagian novel pula terletak di suatu sudut di dalam kedai itu dan bersebelahan sudut majalah

- 4 Sebab-sebab emak Saleha tidak suka akan keluarga Embong dan Saleha:

- kita susah bang
- kita tak macam anak-anak yang lain
- abang tak ada harta
- kedua-dua orang tua pun dah tak ada

- 5 Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh 'aku' ketika sukar melelapkan mata:

- aku hanya duduk di anjung rumah
- aku menandai pelbagai buku latihan anak-anak didikku
- aku juga menulis rancangan pelajaran dalam buku rekod mengajarku
- aku akan bersembang dengan Tauke Lim
- aku menulis puisi atau cerpen

- 6 Sebab-sebab keinginan Waheeda melakukan pembedahan plastik pada wajahnya semakin membuak-buak:
- Waheeda semakin tergoda oleh iklan di www.cosmetic_cr.com
 - kecantikan ialah ruang dan peluang membina keterampilan diri
 - aku bukan nak mengubah
 - aku hanya ingin membaiki, memulih serta menjaga kekemasan diri
 - bukankah Allah juga suka akan kecantikan?

PRAKTIS NOVEL - Soalan 8 (ii)

- 1 Dua peristiwa yang menunjukkan wujudnya kerjasama dalam kalangan masyarakat berdasarkan sebuah novel:

Peristiwa yang menunjukkan wujudnya kerjasama dalam kalangan masyarakat dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib.	
P1	Peristiwa kerjasama Adnan dengan Pak Saidi untuk menyara keluarga. Adnan bekerjasama dengan Pak Saidi untuk menyara keluarga dengan membantu Pak Saidi di kebun getah pada waktu pagi manakala pada waktu petang pula Adnan menolong Pak Saidi di sawah.
H1	Peristiwa ini menunjukkan kerjasama sesama ahli keluarga apabila ayah dan anak melakukan pelbagai pekerjaan untuk menyara kehidupan keluarga.
P2	Peristiwa kerjasama Leftenan Adnan dengan Penghulu Deraman untuk menangkap tali barut Jepun. Leftenan Adnan bekerjasama dengan Penghulu Deraman untuk menangkap Samad yang menjadi tali barut tentera Jepun. Leftenan Adnan telah meminta Penghulu Deraman mengintip pergerakan Samad. Hasil intipan tersebut mendapati bahawa Samad dan tiga orang Jepun berada di rumah kosong. Samad terbunuh setelah Leftenan Adnan dan askarnya menyerang mereka.
H2	Peristiwa ini menunjukkan kerjasama sesama masyarakat untuk memastikan tali barut yang boleh menjejaskan keamanan negara ditangkap.

atau

Peristiwa yang menunjukkan wujudnya kerjasama dalam kalangan masyarakat dalam novel Tirani karya Beb Sabariah.	
P1	Peristiwa Waheeda kerjasama dengan Raidah dan Ghazi untuk mengusahakan perniagaan inap desa mereka di Gunung Matang, Sarawak. Waheeda bekerjasama dengan Raidah dan Ghazi untuk memajukan inap desa mereka yang bernama Tajau Emas. Mereka memberikan layanan istimewa kepada para pelancong dan mengetengahkan produk yang unik seperti mewujudkan ekopelancongan buah-buahan dan perkhidmatan ikan mengurut kaki.
H1	Peristiwa ini menunjukkan kerjasama sesama ahli keluarga untuk memajukan perniagaan inap desa dengan mewujudkan konsep ekopelancongan.
P2	Peristiwa Ghazi kerjasama dengan Raidah menemani Waheeda untuk bertemu dengan pakar kaunseling. Ghazi bekerjasama dengan Raidah untuk menemani Waheeda ketika mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling di Hospital PUSRAWI Kuala Lumpur kerana penyakit kemurungan yang dihadapinya setelah ditinggalkan oleh Zahid.
H2	Peristiwa ini menunjukkan kerjasama sesama ahli keluarga untuk memastikan ahli keluarga mendapat rawatan yang sewajarnya kerana menghadapi penyakit kemurungan.

- 2 Satu peristiwa yang dapat menarik minat anda untuk meneruskan pembacaan berdasarkan dua buah novel:

Peristiwa yang menunjukkan wujudnya kerjasama dalam kalangan masyarakat dalam novel Tirani karya Beb Sabariah.	
P1	Peristiwa Adnan mengarahkan pasukannya untuk menyelenggara sistem pertahanan di Bukit Candu. Kubu-kubu dan parit-parit dibina dalam usaha menyekat kemaraan musuh. Penghulu Sidek meminta penduduk kampung mengawal Bukit Candu siang dan malam. Penduduk kampung yang mahir menggunakan senjata telah diberikan senapang oleh Leftenan Adnan.
H1	Peristiwa ini dapat menarik minat saya untuk meneruskan pembacaan kerana kagum akan strategi yang dirancang oleh askar Melayu untuk mempertahankan negara daripada jatuh ke tangan penjajah.

P2	Peristiwa Raidah dan Bazilah menemani Waheeda ke SMC merupakan peristiwa yang boleh dikaitkan dengan kuatnya kasih sayang ibu terhadap anak. Selepas berjumpa dengan Dr. Alma Chen dan menandatangani beberapa dokumen mereka terus ke bilik bedah. Di luar dewan bedah, Raidah memeluk anaknya dan mendoakan keselamatan Waheeda. Begitu juga dengan Bazilah. Kemudian Waheeda berjalan masuk ke bilik bedah dengan hati yang tabah demi kecantikan wajahnya.
H2	Peristiwa ini dapat menarik minat saya untuk meneruskan pembacaan kerana saya ingin mengetahui sama ada pembedahan untuk mencantikkan wajah tersebut berjaya atau pun tidak.

- 3 Satu peristiwa yang dapat meningkatkan keberanian diri pembaca berdasarkan dua buah novel:

Peristiwa yang dapat meningkatkan keberanian diri pembaca dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib dan novel Tirani karya Beb Sabariah.	
P1	Peristiwa Leftenan Adnan yang berani memimpin pasukannya untuk mempertahankan kubu di Bukit Candu. Selain banyak askar Melayu di bawah pimpinan beliau terkorban serta kehabisan peluru, Leftenan Adnan tetap meniupkan api semangat kepada pasukannya agar terus berjuang menentang Jepun. Leftenan Adnan sendiri mengendalikan senjata mesingan jenis Lewis Gun. Walaupun Adnan cedera parah namun beliau tetap menyuruh orang-orangnya berjuang sehingga titisan darah terakhir. Keberanian Adnan menyerang tentera Jepun sehingga banyak askar Jepun terkorban menyebabkan tentera Jepun marah.
H1	Peristiwa ini dapat meningkatkan keberanian diri pembaca agar berani berkorban untuk mempertahankan negara yang tercinta sehingga sanggup mengorbankan diri sendiri apabila kehabisan peluru.
P2	Peristiwa Waheeda yang berani membuat pinjaman baharu daripada Bank Pembangunan cawangan Sarawak untuk membeli Chalet Iwana-Iwani yang ingin dijual oleh pemiliknya, Abdul Aziz Imran. Chalet Iwana-Iwani diberikan nama baharu iaitu Aya-Sajinah setelah diambil alih oleh Waheeda. Dengan kebijaksanaan Waheeda dan Izzati menguruskan Chalet Aya-Sajinah, maka perniagaannya semakin berkembang maju dan Chalet Aya-Sajinah dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara.
H2	Peristiwa ini dapat meningkatkan keberanian diri pembaca agar berani mengambil risiko untuk memajukan perniagaan yang diusahakan melalui pelbagai cara.

- 4 Dua peristiwa yang dapat memberikan kesan mendalam kepada pembaca berdasarkan sebuah novel:

Peristiwa yang dapat memberikan kesan mendalam kepada pembaca dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib.	
P1	Peristiwa Adnan menyertai pertandingan syarahan bahasa Inggeris walaupun beliau tidak fasih bahasa tersebut. Adnan tetap berlatih syarahan di hadapan ibu bapanya. Akhirnya, Adnan telah menjuarai pertandingan syarahan bahasa Inggeris.
H1	Peristiwa ini memberikan kesan mendalam kepada pembaca kerana kesungguhan seorang murid yang berlatih untuk berjaya dalam pertandingan.
P2	Peristiwa Pak Saidi ditangkap oleh tentera Jepun namun beliau berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun dengan keris pusaka peninggalan ayahnya. Pak Saidi turut mengarahkan agar Sophia dan anak-anaknya menyelamatkan diri supaya tidak menjadi mangsa tentera Jepun.
H2	Peristiwa ini memberikan kesan mendalam kepada pembaca kerana keberanian seorang lelaki yang sanggup berjuang sehingga titisan darah terakhir untuk mempertahankan keluarga.

- 5 Satu peristiwa yang membuktikan berlakunya kepincangan dalam masyarakat yang perlu diselesaikan berdasarkan dua buah novel:

Peristiwa yang membuktikan berlakunya kepincangan dalam masyarakat yang perlu diselesaikan dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib dan novel Tirani karya Beb Sabariah	
P1	Peristiwa Guru Besar Steward menghina Pak Saidi dengan mengatakan bahawa orang Melayu memang tidak tahu berbahasa Inggeris dan beliau menganggap Pak Saidi orang miskin.
H1	Peristiwa ini menunjukkan kepincangan yang perlu diselesaikan kerana sebagai seorang guru besar, beliau sepatutnya melayan ibu bapa dengan mesra bukannya menyindir atau menghina.
P2	Peristiwa Bazilah berprasangka buruk dan cemburu apabila melihat kemesraan hubungan antara Waheeda dengan tunangnya, Dr. Zahari ketika Waheeda menumpang tinggal di rumah Bazilah di Yishun Street, Singapura.
H2	Peristiwa ini menunjukkan kepincangan yang perlu diselesaikan kerana sebagai seorang rakan baik, dia sepatutnya mempercayai kejujuran sahabatnya tanpa berasa sangsi atau cemburu.

- 6 Satu peristiwa yang dapat memberikan inspirasi kepada pembaca untuk mencapai kejayaan dalam hidup berdasarkan dua buah novel:

Peristiwa yang dapat memberikan inspirasi kepada pembaca untuk mencapai kejayaan dalam hidup dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib dan novel Tirani karya Beb Sabariah.	
P1	Peristiwa Leftenan Adnan mengetahui pasukannya untuk mempertahankan Bukit Candu daripada serangan tentera Jepun. Leftenan Adnan telah menolak tawaran Jepun untuk menyerah kalah meskipun pasukan mereka kekurangan bekalan senjata dan peluru. Akibatnya, banyak tentera Jepun terkorban kerana semangat Leftenan Adnan dan askar Melayu di bawah pimpinannya.
H1	Peristiwa ini dapat memberikan inspirasi kepada pembaca kerana keteguhan dan kejayaan askar Melayu untuk mempertahankan pendirian mereka agar tidak menyerah kalah kepada musuh.
P2	Peristiwa Waheeda yang berjaya mengusahakan Chalet Iwana-Iwani. Waheeda telah membeli Chalet Iwana-Iwani yang terletak di Cameron Highlands daripada Pak Cik Aziz dan menawarkan nama chalet itu kepada Aya-Sajinah. Waheeda menggembelng kudratnya untuk membangunkan chalet itu walaupun kadang kala terpaksa berjauhan dengan anak kesayangannya, Izzati yang bersekolah di Sarawak. Akhirnya, Chalet Aya-Sajinah menjadi tumpuan pelancongan di dalam dan di luar negara.
H2	Peristiwa ini dapat memberikan inspirasi kepada pembaca kerana kejayaan seorang wanita untuk mengusahakan perniagaan chalet sehingga dikenali oleh para pelancong walaupun terpaksa berpisah dengan anak tunggalnya.



Rumusan



Pendahuluan:

Rumusan membincangkan **kebaikan-kebaikan/ manfaat/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan nilai-nilai murni** dan **langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara untuk menyemai nilai-nilai murni**.

Fokus 1: kebaikan-kebaikan/ manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan nilai-nilai murni

Bahan 1

- A1 dapat memartabatkan masyarakat untuk menjadi masyarakat kelas pertama
A2 akhlak mulia dapat dibentuk

Bahan 2

- B1 mengukuhkan perpaduan kaum
B2 menjamin keselamatan negara
B3 mengurangkan gejala sosial

Fokus 2: langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara untuk menyemai nilai-nilai murni

Bahan 1

- C1 kempen untuk mempromosikan nilai-nilai murni perlu dilakukan dengan lebih kerap
C2 ibu bapa (agar) meluangkan lebih banyak masa untuk mendisiplinkan dan membesarkan anak-anak
C3 pendidikan moral di sekolah perlu dikukuhkan

Bahan 3

- D1 memulakan didikan awal dari rumah (didikan awal bermula di rumah)
D2 ibu bapa memberikan teladan yang mulia (ibu bapa beri teladan mulia)
D3 mematuhi undang-undang (harus kita patuhi undang-undang)

Penutup:

Kesimpulannya, nilai-nilai murni perlu diamalkan agar kita hidup dalam suasana harmoni.



Pendahuluan:

Rumusan membincangkan **kebaikan-kebaikan/ manfaat/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan penanaman hidropnik** dan **langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara penanaman hidroponik**.

Fokus 1: kebaikan-kebaikan/ manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan penanaman hidroponik

Bahan 1

- A1 tidak memerlukan tanah dan sesuai untuk pelbagai jenis sayuran
A2 lebih efisien, bersih serta mengeluarkan hasil yang segar dan konsisten sepanjang tahun
A3 menyokong gaya hidup hijau dan keselamatan makanan tempatan
A4 hasil tanaman hidroponik berkualiti tinggi

Bahan 2

- B1 pertumbuhan lebih cepat
B2 penjimatan air
B3 kawalan penyakit
B4 ruang minimum

Fokus 2: langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara penanaman hidroponik

Bahan 1

- C1 pilih kawasan yang menerima cahaya matahari
C2 pilih peralatan yang diperlukan
C3 pilih media tanaman yang sesuai dengan sistem yang digunakan
C4 penyediaan larutan nutrisi hidroponik dan kawalan kualiti air

Bahan 3

- D1 cari lebih banyak maklumat tentang penanaman hidroponik menerusi Internet
D2 perlu mengenal pasti jenis tanaman yang sesuai untuk ditanam

Penutup:

Kesimpulannya, penanaman hidroponik perlu dilakukan agar kelestarian alam sekitar terjaga.

PRAKTIS 3**Pendahuluan:**

Rumusan membincangkan **fungsi-fungsi hutan paya bakau, punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor kemerosotan hutan paya bakau dan akibat-akibat/ keburukan-keburukan/ implikasi-implikasi kemerosotan hutan paya bakau.**

Fokus 1: fungsi-fungsi hutan paya bakau

Bahan 1

- A1 sebagai habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna
- A2 sebagai pelindung semula jadi kepada bencana alam
- A3 menyerap sumber karbon lebih tinggi berbanding dengan hutan-hutan lain

Bahan 2

- B1 warisan alam untuk semua

Fokus 2: punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor kemerosotan hutan paya bakau

Bahan 1

- C1 ditebus guna dan dicerooh untuk dijadikan kawasan pertanian
- C2 ditebang dan ditambak untuk tanaman ladang komoditi
- C3 diteroka untuk membuka kolam-kolam udang dan ikan secara komersial
- C4 ditukar menjadi kawasan petempatan manusia

Bahan 2

- D1 hutan bakau terus ditebang

Fokus 3: akibat-akibat/ keburukan-keburukan/ implikasi-implikasi kemerosotan hutan paya bakau

Bahan 2

- E1 hidup terjejas kerana alam sekitar terganggu (alam terganggu, hidup pun pincang)
- E2 rantaian ekosistem terjejas (rantaian ekosistem menjadi cacat)

Bahan 3

- F1 kemerosotan hasil tangkapan ikan
- F2 mengakibatkan masalah hakisan pantai
- F3 menjejaskan kawasan muara sungai

Penutup:

Kesimpulannya, hutan paya bakau perlu dipelihara agar dapat melindungi manusia dan alam sekitar.

PRAKTIS 4**Pendahuluan:**

Rumusan membincangkan **faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan/ manfaat-manfaat/ kebaikan-kebaikan/ kepentingan-kepentingan/ prinsip Rukun Negara diamalkan dan langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha melaksanakan prinsip Rukun Negara.**

Fokus 1: faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan/ manfaat-manfaat/ kebaikan-kebaikan/ kepentingan-kepentingan/ prinsip Rukun Negara diamalkan

Bahan 1

- A1 dapat memupuk nilai murni dan patriotisme dalam kalangan warganegara
- A2 dapat menjadi amalan hidup yang membentuk identiti Malaysia

Bahan 2

- B1 membentuk masyarakat bersahsiah terpuji
- B2 keamanan dan keselamatan negara terpelihara
- B3 kemakmuran negara dinikmati secara adil

Bahan 3

- C1 Rukun Negara dapat menjadi inspirasi kemakmuran untuk bersatu padu
(Rukun Negara inspirasi kemakmuran, Bersatu padu lambang kebahagiaan.)
- C2 Rukun Negara sebagai tanda hormat untuk hidup selamat
(Rukun Negara tanda hormat, Hidup kita pasti selamat.)

Fokus 2: langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha melaksanakan prinsip Rukun Negara

Bahan 1

- D1 ibu bapa menanamkan perasaan cinta akan tanah air
- D2 kurikulum sekolah (perlu) menekankan aspek patriotisme dan tanggungjawab sebagai warganegara
- D3 pihak sekolah (juga boleh) melaksanakan program kokurikulum (yang) melibatkan aktiviti kemasyarakatan
- D4 pihak kerajaan (pula perlu) melaksanakan kempen kesedaran yang kreatif dan inovatif

Bahan 3

- E1 media massa menyiarkan kepentingan prinsip Rukun Negara
(Media sosial menyebarkan suara, Pentingnya prinsip Rukun Negara.)
- E2 mematuhi perlembagaan asas dalam prinsip Rukun Negara
(Patuh perlembagaan jangan ingkari, Asasnya prinsip Rukun Negara.)

Penutup:

Kesimpulannya, prinsip Rukun Negara perlu diamalkan agar kedaulatan negara terjamin.

PRAKTIS 5**Pendahuluan:**

Rumusan membincangkan **kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan penggunaan TMK dalam PDP, cabaran-cabaran/ masalah-masalah/ kekangan-kekangan penggunaan TMK dalam PDP dan langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha mengatasi cabaran TMK dalam PDP**

Fokus 1: kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan penggunaan TMK dalam PDP

Bahan 1

- A1 dapat membantu guru dan murid meningkatkan kemahiran
- A2 mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif dan menyeronokkan

A3 dapat menjimatkan masa guru dan murid untuk mendapatkan maklumat terkini

A4 membolehkan guru menyampaikan PdP dengan lebih cekap dan berkesan

Bahan 3

B1 dapat membina kemahiran berfikir murid menjadi lebih kritis dan kreatif

B2 pembelajaran sendiri (juga boleh) dilakukan oleh murid

Fokus 2: cabaran-cabaran/ masalah-masalah/ kekangan-kekangan penggunaan TMK dalam PDP

Bahan 1

C1 terdapat sebahagian guru yang kurang mahir menggunakan TMK

C2 memerlukan kos yang besar

C3 memerlukan masa yang banyak untuk membuat persediaan

Bahan 2

D1 tiada kemudahan jaringan Internet

D2 penyalahgunaan TMK

D3 peralatan TMK yang usang

Bahan 3

E1 tercicir daripada mendapat bekalan peralatan TMK yang baharu

Fokus 3: langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha mengatasi cabaran TMK dalam PDP

Bahan 3

F1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan latihan intensif kepada guru menerusi program khas

F2 pihak kerajaan (juga) telah menyalurkan bantuan dengan menyediakan komputer untuk kegunaan sekolah

F3 KPM perlulah sentiasa melakukan semakan semula aset TMK di sekolah kawasan pedalaman

Penutup:

Kesimpulannya, TMK perlulah dimanfaatkan dalam pendidikan agar kecemerlangan dapat dicapai.

PRAKTIS 6

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan **ciri-ciri/ sifat-sifat pekerja cemerlang** dan **peranan-peranan/ tugas-tugas/ tanggungjawab-tanggungjawab majikan memupuk pekerja cemerlang**.

Fokus 1: ciri-ciri/ sifat-sifat pekerja cemerlang

Bahan 1

A1 pekerja (yang) mempunyai sikap berdikari

A2 memiliki disiplin yang tinggi

A3 sikap positif dan profesionalisme

A4 kecekapan bekerja dalam pasukan

A5 mampu bekerjasama secara efektif

Bahan 2

B1 menepati masa

B2 celik teknologi

B3 cekap berkomunikasi

B4 berilmu pengetahuan

Fokus 2: peranan-peranan/ tugas-tugas/ tanggungjawab-tanggungjawab majikan memupuk pekerja cemerlang.

Bahan 1

C1 menetapkan matlamat yang jelas dalam organisasi

C2 mewujudkan persekitaran kerja yang positif

C3 memberikan latihan dan pembangunan secara berkala

Bahan 3

D1 memberikan galakan dan sokongan membina

D2 bersikap adil dan tidak berat sebelah

D3 bersikap tegas tetapi bertimbang rasa

Penutup:

Kesimpulannya, pekerja cemerlang perlu dilahirkan agar sentiasa menjadi rebutan majikan.



Bertutur

Berdasarkan jawapan murid



Mendengar

Petikan Pertama

- 1 komersial
- 2 tanah rendah pengairan
- 3 D
- 4 masak lemak kuning
- 5 (i) ✓
(ii) ✗
(iii) ✓

Petikan Kedua

- 1 menjala ikan
- 2 C
- 3 Nabila: mencari kayu
Aminah: menyang ikan
- 4 ikan seluang
- 5 B
- 6 (i) ✓
(ii) ✓
(iii) ✗

Petikan Ketiga

- 1 6 April 1932
komposer
- 2 D
- 3 Belanda, Jerman
- 4 C
- 5 (i) ✗
(ii) ✓
(iii) ✗

Petikan Keempat

- 1 elektrik
- 2 jatuhkan badan tutup muka
- 3 D
- 4 serbuk penaik soda
- 5 (i) ✓
(ii) ✗
(iii) ✗

Kertas Model SPM**Kertas 1****Bahagian A**

Pakaian tradisional merujuk kepada jenis pakaian yang dipakai oleh setiap kumpulan etnik atau suku kaum yang ada di Malaysia seperti baju kurung, baju kebaya, ceongsam, sari dan kurta. Kini, pemakaian pakaian tradisional semakin kurang popular dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda. Terdapat beberapa usaha yang dilakukan untuk mempopularkan pakaian tradisional kembali.

Salah satu langkah untuk mempopularkan pakaian tradisional adalah dengan mengadakan kempen. Hal ini dikatakan demikian kerana kempen dapat mendidik dan memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang pakaian tradisional yang terdapat di Malaysia. Contohnya, kerajaan boleh mengadakan kempen Jom Pakai Pakaian Tradisional dengan menetapkan hari tertentu sebagai hari untuk memakai pakaian tradisional seperti baju kurung, baju Melayu, sari, kurta dan ceongsam. Kesannya, masyarakat dapat memupuk rasa bangga akan tradisi dan warisan kita.

Selain itu, usaha untuk mempopularkan pakaian tradisional adalah dengan mengadakan pertandingan pakaian tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana pertandingan ini dapat meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap kepelbagaian pakaian tradisional di Malaysia. Melalui pertandingan ini, peserta diberi peluang untuk memperagakan pakaian tradisional sambil mempelajari sejarah dan nilai budaya di sebaliknya. Kesannya, pertandingan pakaian tradisional ini dapat memupuk semangat cinta akan warisan negara dalam kalangan generasi muda dan mendorong mereka untuk terus menghargai dan mengamalkan tradisi berpakaian yang unik serta beridentiti tempatan.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai usaha untuk mempopularkan pakaian tradisional di Malaysia. Oleh itu, semua pihak seharusnya bekerjasama **bagai aur dengan tebing** untuk memastikan pakaian tradisional sentiasa relevan dan tidak ditelan zaman seperti peribahasa **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas**.

Bahagian B**Soalan 1**

Masalah pengurusan sisa pepejal merupakan isu alam sekitar yang semakin meruncing seiring dengan pertambahan penduduk dan perkembangan pesat sektor perindustrian. Pembuangan sisa secara tidak terkawal bukan sahaja

mencemarkan alam sekitar, malah menjejaskan kesihatan manusia dan kesejahteraan masyarakat. Jika masalah ini tidak ditangani dengan berkesan, pencemaran tanah, air dan udara akan berlaku serta menjejaskan kualiti hidup generasi akan datang. Oleh itu, pelbagai kaedah terbaik perlu dilaksanakan secara menyeluruh untuk mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal.

Salah satu kaedah utama ialah pengamalan konsep 5R, iaitu *Refuse* (menolak), *Reduce* (mengurangkan), *Reuse* (guna semula), *Recycle* (kitar semula) dan *Recovery* (pemulihan). Amalan ini dapat mengurangkan jumlah sisa yang dibuang ke tapak pelupusan serta menjimatkan sumber semula jadi. Contohnya, masyarakat digalakkan menolak penggunaan plastik sekali guna, mengurangkan penggunaan barangan yang tidak perlu, menggunakan semula kotak kadbod atau botol kaca, mengitar semula kertas dan plastik menjadi produk baharu serta membaiki pulih peralatan elektronik yang rosak. Dengan mengamalkan 5R secara konsisten, sisa pepejal dapat dikurangkan, alam sekitar kekal bersih dan komuniti hidup lebih sihat, selaras dengan peribahasa **sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit**.

Selain itu, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal perlu ditingkatkan. Tindakan tegas seperti kompaun atau penalti wajar dikenakan terhadap individu atau pihak yang membuang sisa secara haram. Sebagai contoh, pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dapat meningkatkan tahap pematuhan masyarakat. Dengan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkesan, sikap sambil lewa dapat dikurangkan dan masyarakat akan lebih prihatin terhadap kebersihan persekitaran.

Di samping itu, pendidikan dan kesedaran awam tentang kepentingan pengurusan sisa pepejal perlu diperluas. Kempen kesedaran melalui sekolah, media massa dan komuniti setempat dapat mendidik masyarakat tentang bahaya pencemaran dan kepentingan menjaga alam sekitar. Contohnya, program gotong-royong, ceramah alam sekitar dan pertandingan kitar semula dapat memupuk rasa tanggungjawab dan budaya membuang sisa dengan betul, selaras dengan peribahasa **ingat sebelum kena**.

Kesimpulannya, masalah pengurusan sisa pepejal dapat diatasi melalui amalan 5R, penguatkuasaan undang-undang dan pendidikan serta kesedaran awam. Sekiranya, semua pihak berganding bahu melaksanakan kaedah-kaedah ini, alam sekitar dapat dipelihara sekali gus kualiti hidup masyarakat meningkat dan kelestarian bumi dapat dijamin. Sesungguhnya, **kebersihan asas kesejahteraan hidup** dan tanggungjawab ini perlu dipikul bersama untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni, sihat dan lestari.

Soalan 2

Pemimpin merupakan tonggak utama yang menentukan hala tuju dan kemajuan sesebuah negara. Dalam konteks ini, remaja hari ini ialah pemimpin negara pada masa hadapan yang bakal memikul amanah besar untuk menerajui pentadbiran negara. Namun begitu, isu kekurangan remaja yang memiliki ciri kepimpinan unggul semakin membimbangkan. Sekiranya masalah ini tidak ditangani,

negara berisiko dipimpin oleh golongan yang cetek ilmu, lemah integriti dan kurang keprihatinan terhadap rakyat. Oleh itu, ciri-ciri remaja yang berpotensi menjadi pemimpin negara pada masa hadapan perlu dibincangkan agar dapat dijadikan panduan untuk melahirkan barisan kepimpinan yang berkualiti.

Salah satu ciri utama remaja yang bakal menjadi pemimpin negara ialah mereka memiliki ilmu pengetahuan yang luas serta pemikiran yang kritis. Pemimpin berilmu mampu membuat keputusan secara rasional dan berfakta, sekali gus membawa negara ke arah kemajuan. Contohnya, remaja yang rajin membaca, mengikuti perkembangan semasa dan aktif dalam perbincangan akademik akan lebih bersedia menghadapi cabaran kepimpinan. Kesannya, mereka mampu merancang dasar dan strategi pembangunan negara dengan bijaksana serta mengelakkan kesilapan dalam pengurusan negara. Pendek kata, **ilmu pelita hidup**, kerana tanpa ilmu, kepimpinan seseorang mudah terumbang-ambing.

Selain itu, integriti dan akhlak mulia merupakan ciri penting yang mesti dimiliki oleh remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai kejujuran, amanah dan tanggungjawab menjadi asas untuk membina kepercayaan rakyat. Contohnya, remaja yang memegang jawatan ketua murid dan melaksanakan tugas dengan adil akan dihormati oleh rakan sebaya serta guru. Kesannya, kepimpinan ketua murid tersebut diterima dan disegani oleh warga sekolah. Jelaslah bahawa **pemimpin berwibawa lahir daripada akhlak yang mulia** dan integriti menjadi benteng utama untuk menjadi pemimpin negara pada masa akan datang.

Seterusnya, remaja yang bakal menjadi pemimpin negara perlu memiliki semangat patriotik dan keprihatinan terhadap masyarakat. Pemimpin yang prihatin akan mengutamakan kepentingan rakyat dan negara berbanding dengan kepentingan peribadi. Contohnya, pelibatan remaja dalam kerja sukarela, program kebajikan dan aktiviti kemasyarakatan menunjukkan empati serta tanggungjawab sosial. Kesannya, mereka akan memimpin dengan setulus hati dan menanam semangat perpaduan dalam masyarakat. Perkara ini selaras dengan pepatah, **berat sama dipikul, ringan sama dijinjing**, semangat bekerjasama dan prihatin menjadi asas kepada kepimpinan yang mantap dan dihormati.

Kesimpulannya, remaja yang berilmu, berintegriti dan berjiwa patriotik merupakan aset paling bernilai kepada negara. Semua pihak termasuk keluarga, sekolah dan masyarakat perlu berganding bahu membentuk remaja yang memiliki ciri-ciri kepimpinan unggul. Usaha ini penting agar negara terus dipimpin oleh barisan pemimpin berkualiti dan berwawasan. Sesungguhnya, **melentur buluh biarlah dari rebunginya**, untuk menjamin masa depan negara yang aman, maju dan sejahtera. **Pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara** harus dijadikan prinsip dalam usaha membentuk generasi pemimpin masa hadapan.

Soalan 3

Pada era pemodenan yang serba pantas, obesiti semakin membimbangkan dan kian meningkat dalam kalangan masyarakat. Obesiti merujuk kepada keadaan lebih

berat badan yang berpunca daripada pengambilan kalori berlebihan dan gaya hidup tidak sihat. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan penampilan fizikal, malah membawa pelbagai kesan buruk terhadap kesihatan dan kualiti hidup seseorang. Oleh itu, kesan buruk obesiti perlu diberikan perhatian serius oleh semua pihak.

Salah satu kesan buruk obesiti ialah obesiti meningkatkan risiko penyakit kronik. Hal ini dikatakan demikian kerana lemak berlebihan yang terkumpul dalam badan memberikan kesan buruk kepada sistem tubuh badan. Contohnya, lemak yang tersimpan di sekitar abdomen menjadikan sel-sel tubuh kurang sensitif terhadap hormon insulin yang mengawal paras gula dalam darah. Kesannya, paras gula dalam darah meningkat hingga merosakkan organ, saraf dan saluran darah dari masa ke masa. Pendek kata, obesiti mengundang padah dan obesiti harus dielakkan demi kesejahteraan hidup.

Selain itu, obesiti turut memberikan kesan buruk terhadap kesihatan mental dan emosi individu. Hal ini berlaku demikian kerana individu yang mengalami masalah obesiti sering berasa rendah diri akibat penampilan fizikal yang berbeza. Contohnya, mereka mudah menjadi mangsa ejekan dan diskriminasi sosial. Kesannya, individu tersebut boleh mengalami tekanan perasaan, kemurungan dan hilang keyakinan diri. Keadaan ini secara tidak langsung menjejaskan kesejahteraan emosi dan hubungan sosial. Jelaslah bahawa obesiti bukan sahaja menyerang tubuh badan, malah memberi tekanan kepada mental seseorang.

Seterusnya, obesiti juga menjejaskan produktiviti dan kualiti kehidupan harian. Hal ini dikatakan demikian kerana individu yang mengalami masalah obesiti akan mudah berasa letih, cepat penat dan kurang cergas untuk melakukan aktiviti fizikal. Contohnya, mereka menghadapi kesukaran untuk bersukan atau bekerja dalam tempoh yang lama. Kesannya, prestasi kerja dan pencapaian akademik boleh merosot. Benarlah bahawa obesiti menjadi penghalang kepada kehidupan yang aktif dan seimbang kerana badan yang cergas menjana minda yang cerdas.

Kesimpulannya, obesiti membawa pelbagai kesan buruk seperti risiko penyakit kronik, gangguan mental dan penurunan kualiti hidup. Oleh itu, masyarakat harus mengamalkan pemakanan seimbang dan gaya hidup sihat agar masalah obesiti dapat dibendung. Sesungguhnya, **mencegah lebih baik daripada mengubati** untuk masyarakat yang sihat dan sejahtera.

Soalan 4

Industri batik merupakan warisan seni kraf Malaysia yang perlu dipelihara dan dipromosikan untuk memartabatkan identiti budaya negara. Kerajaan dan masyarakat perlu berganding bahu **bagai aur dengan tebing** agar kraf batik terus hidup dan relevan pada era globalisasi. Mutakhir ini, kerajaan menyedari kepentingan batik sebagai produk kebanggaan negara serta sumber ekonomi kepada pengusaha tempatan. Penjagaan warisan seni ini ibarat **melentur buluh biarlah dari rebunginya** kerana menekankan usaha menanam minat dan penghayatan budaya sejak muda untuk menghasilkan generasi yang mencintai warisan seni kraf negara.

Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) serta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia giat mempromosikan industri batik agar seni kraf ini terus menonjol pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Pelbagai pameran, festival dan ekspodianjurkan, antaranya Hari Batik Malaysia dan Hari Kraf Kebangsaan untuk memperkenalkan corak dan keunikan batik Malaysia. Selain itu, promosi melalui media massa dan platform digital turut diperhebat untuk menarik minat masyarakat dan pelancong. Sebagai contoh, kempen pemakaian batik dalam kalangan penjawat awam bukan sahaja meningkatkan kesedaran rakyat tetapi juga menyemai rasa bangga terhadap batik tempatan. Kesannya, permintaan terhadap batik meningkat dan industri ini berkembang secara mampan.

Selain itu, kerajaan melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Kraftangan Malaysia meningkatkan tenaga mahir dalam industri batik untuk memastikan kelestarian dan kualiti produk. Pelbagai kursus kemahiran, bengkel latihan dan program keusahawanan dianjurkan untuk melahirkan pereka dan pengusaha batik yang berkemahiran tinggi. Latihan ini merangkumi teknik mencanting, pewarnaan moden dan inovasi rekaan batik agar dapat memenuhi cita rasa semasa. Sebagai contoh, golongan belia digalakkan menyertai latihan kemahiran batik sebagai kerjaya atau sumber pendapatan tambahan. Natijahnya, kualiti batik tempatan ditingkatkan dan mampu bersaing dalam pasaran antarabangsa, sekali gus memastikan warisan seni ini tidak hilang ditelan zaman.

Seterusnya, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta agensi seperti SME Corp dan Kraftangan Malaysia memasarkan batik dengan harga mampu milik supaya semua lapisan masyarakat dapat memilikinya. Kerajaan menyediakan subsidi bahan mentah, bantuan modal serta sokongan pemasaran untuk mengurangkan kos pengeluaran pengusaha batik. Selain itu, batik tempatan turut dipasarkan melalui kedai rasmi Kraftangan Malaysia dan platform e-dagang kerajaan. Sebagai contoh, batik dijadikan pakaian rasmi serta cenderamata negara untuk menarik pelancong. Kesannya, penggunaan batik meningkat, pengusaha mendapat pendapatan yang stabil, dan warisan budaya negara terus dipelihara. Usaha menyokong pengusaha batik sejak awal ini seperti kata pepatah **sediakan payung sebelum hujan** untuk menjamin kelangsungan industri.

Kesimpulannya, kerajaan memainkan peranan penting untuk memartabatkan dan mempromosikan industri batik melalui promosi, latihan kemahiran dan pemasaran dengan harga mampu milik. Usaha bersepadu ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan seperti MOTAC, MARA, SME Corp dan Kraftangan Malaysia. Kerjasama **bagai aur dengan tebing** antara kerajaan, masyarakat dan pengusaha batik amat diperlukan agar warisan ini terus berkembang. Dengan penghayatan nilai seni, sokongan berterusan dan usaha memajukan industri, generasi muda akan lebih menghargai budaya warisan negara, sekali gus meletakkan batik sebagai lambang identiti dan kebanggaan Malaysia di persada dunia.

Kertas 2

Bahagian A

Soalan 1

Senarai

- (i) bangsa
- (ii) benar
- (iii) halang
- (iv) kuasa

Bina ayat

- (i) Setiap bangsa di negara kita perlu hidup bersatu padu supaya keamanan negara terjamin.
- (ii) Ibu selalu mengingatkan kami agar bercakap benar dalam apa-apa jua keadaan.
- (iii) Murid yang berhenti sekolah dan mahu menyambung pelajaran semula tidak akan kami halang.
- (iv) Setiap pemimpin perlu menggunakan kuasa dengan adil dan saksama demi kemajuan negara.

Soalan 2

- (i) Isu ketagihan peranti elektronik bukanlah sesuatu perkara yang baharu di negara ini.
- (ii) Penglihatan remaja akan terancam jika bermain permainan video melebihi dua jam menurut seorang pakar pediatrik tempatan.
- (iii) Ketagihan peranti elektronik ini turut akan mengurangkan tumpuan remaja dalam pelajaran atau tugasan yang diberikan oleh guru.

Soalan 3

- (i) sub-peraturan – subperaturan
- (ii) PENGHENTIAN – PEMBERHENTIAN
- (iii) yang – bahawa
- (iv) penyelenggaraan – penyelenggaraan/ penyenggaraan
- (v) memastikan – memastikan
- (vi) seluruh pengguna-pengguna – seluruh pengguna/ pengguna-pengguna
- (vii) hasil – mutu
- (viii) masa ke semasa – masa ke masa/ semasa ke semasa
- (ix) tolong – sila
- (x) Tips – Tip
- (xi) disambung semula oleh kami – kami sambung semula

Soalan 4

Setelah/ selama empat puluh dua tahun Sultan Muzaffar Syah memerintah kerajaan, baginda mangkat. Anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah telah/ yang menggantikan takhta ayahanda baginda, baginda digelar Sultan Mansur Syah ketika memerintah, baginda berumur dua puluh tujuh tahun semasa menjadi raja/ menaiki takhta. Baginda telah beristerikan/ berkahwin dengan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam. Baginda juga memiliki seorang anak perempuan dengan gundik yang bernama Puteri Bakal.

Soalan 5

- (i) Mak Milah menjaga anak angkatnya **bagai menatang minyak** yang penuh kerana beliau tidak mempunyai anak sendiri.

- (ii) Walaupun Ahmad hanya belajar di sekolah yang biasa, tetapi dia mampu mendapat semua A dalam peperiksaan SPM kerana **benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau**.
- (iii) Sikap Helmi yang suka menolong orang itu sama seperti ibu bapanya kerana **bagaimana acuan begitulah kuihnya**.
(Pilih mana-mana dua peribahasa sahaja)

Bahagian B

Soalan 6

- (i) Perkara-perkara yang dapat dipelajari:
- adat resam, bahasa, agama, seni bina, muzik, tarian dan kraf tempatan
- (ii) Kepentingan-kepentingan sektor pelancongan:
- Bahan 1**
- telah menyumbang sebanyak RM86.14 bilion kepada pendapatan negara
 - dapat mempromosikan warisan budaya dan kepelbagaian alam semula jadi Malaysia
 - meningkatkan pendapatan rakyat
- Bahan 2**
- meningkatkan hubungan antarabangsa
 - menarik pelabur asing dan tempatan
 - menyediakan peluang perniagaan
- (iii) Faktor-faktor peningkatan sektor pelancongan:
- Malaysia mempunyai keindahan alam semula jadi
 - kaya dengan budaya dan warisan mengikut kaum
 - makanan yang pelbagai dan unik
 - kos perjalanan/ penginapan berpatutan
 - kemudahan pengangkutan awam semakin baik/modern
 - kestabilan politik/ aman
- (iv) Cadangan penyelesaian:
- mengekalkan kelestarian alam sekitar
 - memperkenalkan pakej pelancongan kreatif yang menonjolkan keunikan budaya Malaysia
 - meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi pelancongan
 - menambah baik kemudahan asas
 - menggunakan media sosial dan platform digital untuk mempromosikan destinasi Malaysia

Soalan 7

- (i) Amalan yang terpuji berdasarkan Bahan 1:
- mengamalkan kitar semula
 - tidak membuang bekas kosong yang boleh digunakan semula
 - tidak mencemarkan sungai
 - tidak memusnahkan bukit dan gunung

- (ii) Kepentingan-kepentingan sungai:

Bahan 1

- Sungai yang bersih menjadi kawasan rekreasi

Bahan 2

- aliran sungai kecil di tengah hutan itu bolehlah kita perbesar untuk dijadikan kolam memancing ikan

Bahan 3

- sungai sumber kehidupan
- sungai ialah warisan bangsa yang sangat berharga
- sawah menjadi subur dan terurus
- sungai nadi alam semesta

- (iii) Kesan-kesan banjir kepada masyarakat:

- risiko lemas/ kehilangan nyawa
- risiko luka/ kecederaan/ keselamatan
- penyakit bawaan air/ kesihatan terjejas/risiko jangkitan
- kerosakan fizikal/ kemusnahan harta benda/ kerugian/kehilangan tempat tinggal
- Tekanan perasaan/ emosi terganggu

- (iv) Tindakan yang boleh saya lakukan untuk mengatasi masalah tersebut:

- menegur pengunjung-pengunjung secara berhemah
- menasihati mereka agar membuang sampah di tempat yang sepatutnya
- menyediakan lebih banyak tong sampah di kawasan tersebut
- meletakkan poster-poster/ yang berkaitan dengan kebersihan di tempat yang sesuai
- mendirikan papan tanda peringatan
- mengenakan caj tambahan bagi mereka yang tidak membersihkan tapak perkhemahan

Soalan 8

- (i) Suara hati yang disampaikan oleh Waheeda kepada emaknya:
- fikiran Eda rosak dan mamai
 - telinga Eda sentiasa teringat akan nada kasar Abang Zahid yang menuduh Eda main kayu tiga, nusyuz, ingkar dan semuanya
 - dia mengungkitkan isu-isu lepas
 - dia tidak pasti anak ini anak dia
- (ii) Satu peristiwa yang membuktikan bahawa kebijaksanaan dalam tindakan boleh membawa kesan yang positif berdasarkan dua buah novel:

Peristiwa yang dapat membuktikan bahawa kebijaksanaan dalam tindakan boleh membawa kesan yang positif dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib dan novel Tirani karya Bebi Sabariah.

P1	Peristiwa kebijaksanaan Adnan mengesan tipu helah musuh. Leftenan Adnan bijak mengesan tipu helah tentera Jepun yang menyamar dengan memakai pakaian seragam tentera Sikh untuk mengelirukan askar Melayu. Tipu muslihat tentera Jepun dapat dihidu oleh Leftenan Adnan dan Sarjan Hassan yang turut serta pada masa itu. Akhirnya, askar Melayu dapat menjalankan tindakan segera dengan melancarkan serangan secara besar-besaran dan mengakibatkan banyak tentera Jepun terkorban di Bukit Candu.
H1	Kebijaksanaan dalam tindakan ini membawa kesan positif apabila nyawa askar Melayu dapat diselamatkan daripada menjadi mangsa korban tentera Jepun yang menggunakan taktik tipu helah untuk mengalahkan musuh.
P2	Peristiwa kebijaksanaan Fadhil mempromosikan inap desa mereka. Fadhil iaitu bapa Waheeda bijak menarik kedatangan pelancong ke inap desanya. Selaku pemandu pelancong, Fadhil membawa tetamu yang menginap di Tajau Emas ke dusun buah-buahan, kolam ikan kap dan menikmati keindahan serta kedamaian Sungai Matang. Di dusun buah-buahan yang berkeluasan 20 hektar tersebut, para pelancong berpeluang merasai kemanisan buah durian, langsung dan rambutan.
H2	Kebijaksanaan dalam tindakan ini membawa kesan positif apabila inap desa Tajau Emas semakin berkembang maju dalam bidang pelancongan melalui strategi pemasaran yang menegenahkan identiti ekopelancongan.

Soalan 9

Pendahuluan: Rumusan membincangkan **sebab-sebab/ punca-punca/ faktor-faktor pembelian dalam talian** dan **peranan-peranan/ tanggungjawab-tanggungjawab pembeli untuk mengelak penipuan pembelian dalam talian**.

Fokus 1: sebab-sebab/ punca-punca/ faktor-faktor pembelian dalam talian

Bahan 1

- A1 harga yang ditawarkan lebih murah
- A2 terdapat pelbagai tawaran menarik
- A3 kepelbagaian pilihan produk yang ditawarkan
- A4 boleh membuat pembayaran secara ansuran

Bahan 3

- B1 kita tidak perlu beratur panjang di kedai
- B2 penghantarannya pantas dan boleh dipercayai

Fokus 2: faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan/ manfaat-manfaat/ kebaikan-kebaikan/ kepentingan-kepentingan/ prinsip Rukun Negara diamalkan

Bahan 1

- C1 pembeli disarankan agar membuat bayaran setelah menerima barangan yang dipesan
- C2 menghubungi penjual serta bertanya tentang alamat operasi perniagaan tersebut
- C3 meneliti sama ada gambar yang dipaparkan menunjukkan produk asli atau tiruan

Bahan 2

- D1 maklumat perlu disimpan sehingga barang yang dipesan sampai
- D2 simpan maklumat dan nombor pengesanan kurier
- D3 simpan resit pembayaran
- D4 simpan rekod komunikasi

Bahan 3

- E1 semak tempoh penghantaran barang yang dibeli

Penutup:

Kesimpulannya, pembelian dalam talian perlu dilakukan dengan berhati-hati supaya tidak menjadi mangsa penipuan.

Kertas 3

Berdasarkan jawapan murid

Kertas 4**Petikan Pertama**

- 1 Sekinchan
- 2 ditumbuk dan dihiris
- 3 D
- 4 A
- 5 lapan hingga sembilan jam
- 6 (i) ✗ (ii) ✓ (iii) ✓

Petikan Kedua

- 1 berfikir aras tinggi
- 2 jam randik
- 3 Stesen Pemikiran Kritikal
- 4 C
- 5 Perpustakaan: idea tersirat
Taman Sekolah: penyelesaian masalah
- 6 (i) ✗ (ii) ✓ (iii) ✓

Petikan Ketiga

- 1 D
- 2 C
- 3 Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- 4 Sungai Kerayong
- 5 perubahan iklim dunia
pemusnahan hutan
- 6 (i) ✗ (ii) ✓ (iii) ✓

Petikan Keempat

- 1 Kumpulan Cempuling Damar Wulan
- 2 majlis cukur jambul
- 3 abad ke-19
- 4 B
- 5 berkumpul
- 6 (i) ✗ (ii) ✓ (iii) ✓

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR



KATA ALUAN YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) terus menjadi antara intervensi pendidikan strategik Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkukuh prestasi akademik pelajar sekolah menengah, khususnya bagi menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Memasuki tahun 2026, pelaksanaan PTRS memberi tumpuan kepada pendekatan berasaskan hasil (outcome-based intervention) dengan sasaran meningkatkan penguasaan lapan (8) mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, Sains, Matematik Tambahan, Fizik dan Kimia dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Bagi tahun ini, program menyasarkan manfaat kepada sekurang-kurangnya 150,000 pelajar di seluruh Negeri Selangor, dengan penekanan kepada akses saksama, peningkatan kompetensi subjek kritikal serta pengurangan jurang pencapaian akademik antara sekolah dan daerah.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2009 dan melalui fasa transformasi digital pascapandemik, modul latihan PTRS kini distrukturkan dalam bentuk hibrid; fizikal dan dalam talian bagi memastikan keberkesanan penyampaian serta kebolehcapaian yang lebih meluas. Platform digital yang dibangunkan telah membolehkan lebih ramai pelajar mengakses bahan pembelajaran secara fleksibel melalui peranti mudah alih, selaras dengan aspirasi pendigitalan pendidikan negeri.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PTRS tahun ini, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM11 juta, dengan pembiayaan serta pelaksanaan bersama oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Modal Insan Negeri Selangor, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) MBI serta Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri yakin bahawa PTRS 2026 bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik, malah memperkukuh kesiapsiagaan pelajar untuk melangkah ke pendidikan tinggi dan pasaran kerja yang semakin kompetitif. Pembangunan modal insan berkualiti kekal menjadi teras kepada agenda menjadikan Selangor sebagai negeri termaju, berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat nasional dan serantau.

Komitmen ini mencerminkan iltizam Kerajaan Negeri dalam memastikan setiap anak Selangor diberi peluang yang adil untuk berjaya.



YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI

DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

 ePTRS.my

Imbas kod QR
untuk ketahui lebih
lanjut tentang MBI



Imbas kod QR
untuk mendapatkan
jawapan



Koleksi
Video PdP



DIKUASAI OLEH:

